



DEWAN NEGERI SELANGOR YANG KEDUA BELAS
PENGGAL KELIMA
MESYUARAT KETIGA

Shah Alam, 22 November 2012 (Khamis)

Mesyuarat dimulakan pada jam 10.00 pagi

YANG HADIR

Y.B. Dato' Teng Chang Khim, DPMS (Sungai Pinang)
(Tuan Speaker)

Y.A.B. Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid bin Ibrahim
PSM., SPMS., DPMS., DSAP. (Ijok)
(Dato' Menteri Besar Selangor)

Y.B. Puan Teresa Kok Suh Sim (Kinrara)

Y.B. Tuan Iskandar Bin Abdul Samad (Chempaka)

Y.B. Tuan Dr. Haji Yaakob bin Sapari (Kota Anggerik)

Y.B. Puan Rodziah bt. Ismail (Batu Tiga)

Y.B. Tuan Dr Xavier Jayakumar a/l Arulanandam (Seri Andalas)

Y.B. Puan Dr. Halimah bt. Ali (Selat Klang)

Y.B. Tuan Liu Tian Khiew (Pandamaran)

Y.B. Puan Elizabeth Wong Keat Ping (Bukit Lanjan)

Y.B. Tuan Ean Yong Hian Wah (Seri Kembangan)

Y.B. Tuan Dr. Ahmad Yunus bin Hairi (Sijangkang)

Y.B. Puan Haniza bt. Mohamed Talha (Taman Medan)
(Timbalan Speaker)

Y.B. Tuan Mohamed Azmin bin Ali (Bukit Antarabangsa)

Y.B. Tuan Ng Suee Lim (Sekinchan)

Y.B. Tuan Dr. Shafie bin Abu Bakar (Bangi)

Y.B. Tuan Lee Kim Sin (Kajang)

Y.B. Tuan Mat Shuhaimi bin Shafiei (Sri Muda)

Y.B. Tuan Lau Weng San (KampungTunku)

Y.B. Tuan Dr. Abd. Rani bin Osman (Meru)

Y.B. Tuan Haji Saari bin Sungib (Hulu Kelang)

Y.B. Tuan Muthiah a/l Maria Pillay (Bukit Malawati)

Y.B. Tuan Philip Tan Choon Swee (Telok Datok)

Y.B. Tuan Khasim bin Abdul Aziz (Lembah Jaya)

Y.B. Tuan Amirudin bin Shari (Batu Caves)

Y.B. Tuan Manoharan a/l Malayalam (Kota Alam Shah)

Y.B. Puan Lee Ying Ha (Teratai)

Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan (Subang Jaya)

Y.B. Puan Gan Pei Nei (Rawang)

Y.B. Dato' Haji Mohamed Satim bin Diman,
DSSA., KMN., ASA., PJK. (Seri Serdang)

Y.B. Dato' Haji Raja Ideris bin Raja Ahmad,
DSSA., AMS., AMN., PJK (Sungai Air Tawar)

Y.B. Dato' Haji Abd. Rahman bin Palil,
DSSA., KMN., AMS., AMN., PPT., PJK. JBM.,Dr.(Hc) (Sementa)

Y.B. Dato' Haji Mohd. Shamsudin bin Haji Lias,
DPMS., JSM., SSA (Sungai Burong)

Y.B. Dato' Dr. Karim bin Mansor,
DPMS., ASA., PJK. (Tanjung Sepat)

Y.B. Dato' Mohamed Idris bin Haji Abu Bakar,
DSSA., AMS., PJK. (Hulu Bernam)

Y.B. Dato' Haji Amiruddin bin Setro,
DPMS.,ASA. (Jeram)

Y.B. Dato' Ir. Muhammad Bushro bin Mat Johor
DPMS., KMN., AMN., ASA. (Paya Jaras)

Y.B. Tuan Hasiman bin Sidom, PJK. (Morib)

Y.B. Dato' Haji Warno bin Dogol
DSIS., AMS., SMS., AMN., PJK. (Sabak)

Y.B. Dato' Marsum bin Paing,
DPMS., SSA., ASA. (Dengkil)

Y.B. Dato' Sri Subahan bin Kamal,
SSAP., DIMP. (Taman Templer)

Y.B. Tuan Abdul Shukur bin Idrus,
KMN., SIS., ASDK. (Kuang)

Y.B. Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz,
DMSM., JP., AMS. (Semenyih)

Y.B. Datuk Mohd Isa bin Abu Kasim,
DPSM., AMS. (Batang Kali)

Y.B. Tuan Yap Ee Wah (Sungai Pelek)

Y.B. Tuan Wong Koon Mun,
JMN., SMS., PJK. (Kuala Kubu Baharu)

Y.B. Tuan Haji Sulaiman bin Haji Abdul Razak
SMS., PPN. (Permatang)

Y.B. Tuan Ismail bin Sani,
SMS., PJK. (Dusun Tua)

Y.B. Tuan Badrul Hisham bin Abdullah (Pelabuhan Kelang

Y.B. Dato' Dr. Hasan bin Mohamed Ali
DPMS., DIMP., SMS. (Gombak Setia)

TIDAK HADIR

Y.B. Tuan Yap Lum Chin (Balakong)

Y.B. Tuan Dr. Mohd Nasir bin Hashim (Kota Damansara)

Y.B. Tuan Dr. Cheah Wing Yin (Damansara Utama)

Y.B. Tuan Nik Nazmi bin Nik Ahmad (Seri Setia)

Y.B. Tuan Dr. Mohamad Khir bin Toyo, PJK (Sungai Panjang)

TURUT HADIR

**(Mengikut Fasal LII (3) Undang-undang Tubuh Kerajaan
Selangor, 1959)**

Y.B. Dato' Haji Mohammed Khusrin bin Haji Munawi DSIS., ASA., PPT.
Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Datin Paduka Zauyah Be binti T. Loth Khan, DPMS., DMSM., DSM., AMN.
Penasihat Undang-undang Negeri Selangor

Y.B. Dato' Noordin bin Sulaiman, DPMS., SIS.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor

PEGAWAI BERTUGAS

Encik Suliman bin Abd Rahman, PPT
Setiausaha Bahagian (Dewan/MMKN)

Puan Noor Asdiana bt. Abd Kadir
Ketua Penolong Setiausaha

Puan Mazian bt. Manan
Penolong Setiausaha

Encik Zawawi bin Mohd. Arif
Penolong Setiausaha

Puan Siti Salbiah bt. Masri
Penolong Pegawai Tadbir

Encik Ismail bin Habib
Bentara

Encik Ahmad Hafizan bin Yusof
Encik Mohamad Redzuan bin Adam
Encik Izal Izlan bin Misnon
Encik Mohd Saiful Nizam
Penolong Bentara

Puan Noor Syazwani bt. Abd Hamid
Puan Hajah Noridah bt. Abdullah
Pelapor Perbahasan

(Tuan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

SETIAUSAHA DEWAN: *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan Salam Sejahtera. Aturan Urusan Mesyuarat Ketiga Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor Kedua belas bagi hari yang keempat, 22 November 2012 dimulakan dengan bacaan doa.

I. DOA

II. MEMBENTANGKAN KERTAS-KERTAS MESYUARAT

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya membentangkan kertas-kertas mesyuarat.

- i) Kertas Mesyuarat Bil.34 Tahun 2012
 - Penyata Jawatankuasa Pilihan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) bagi Dewan Negeri Selangor
- ii) Kertas Mesyuarat Bil.35 Tahun 2012
 - Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Awam Negeri Selangor (*Public Account Commettee*) mengenai Laporan Ketua Audit Negara, Negeri Selangor Tahun 2010.

III. PERTANYAAN-PERTANYAAN

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan urusan mesyuarat seterusnya pertanyaan-pertanyaan.

TUAN SPEAKER: Sungai Burong.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, soalan 67.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK: LATIHAN BELIA

67. Kerajaan Negeri berhasrat melatih belia untuk meningkatkan kemahiran mereka bagi mudah memasuki pasaran kerja.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah pekerja yang telah dilatih dari tahun 2008-2012 untuk maksud tersebut?

- b) Apakah jenis dan tahap latihan yang telah diadakan?
- c) Berapakah jumlah belia yang telah berjaya mendapat pekerjaan setelah mengikut program latihan?

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Sungai Burong. Tuan Speaker, bagi menjawab soalan 67 yang diutarakan oleh Sungai Burong, Kerajaan Negeri mempunyai pelbagai latihan belia sama ada secara terbuka ataupun secara khususnya kepada golongan sasaran. Latihan belia secara khusus kepada golongan belia ialah latihan kemahiran teknikal di bawah Kolej INPENS yang mana pelajar yang keluarganya berpendapatan di bawah RM1,500.00 sepanjang tahun 2008 hingga 2012 seramai 1,401 belia telah dibantu. Selain daripada itu terdapat juga latihan-latihan kemahiran secara umum yang boleh disertai oleh belia yang dianjurkan oleh Jawatankuasa Tetap Usahawan, Jawatankuasa Tetap Pertanian dan juga Jawatankuasa Tetap Wanita.

Bagi Kolej INPENS terdapat 3 tahap latihan yang ditawarkan iaitu tahap 1, tahap 2 dan tahap 3. Dan jenis latihan yang ditawarkan adalah

1. Dandan dan kecantikan.
2. Jahitan.
3. Pembaikan penghawa dingin.
4. Pembaikan motosikal dan juga kereta.
5. Kursus-kursus pengkomputeran dan ICT.
6. Kursus-kursus pentadbiran dan perniagaan.

Bagi menjawab soalan yang ketiga, menurut statistik daripada INPENS bagi tahun 2011 seramai 1,430 pelajar iaitu sebanyak 73% daripada keseluruhan graduan 2011 berjaya mendapat pekerjaan. Mendapat pekerjaan selepas 6 bulan menamatkan pengajian. Manakala seramai 378 orang iaitu sebanyak 19% daripadanya berjaya melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi lagi. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ia, sila.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Soalan tambahan. Terima kasih Tuan Speaker. Institut Latihan Kemahiran Bagan Terap yang telah diwujudkan semasa Kerajaan Barisan Nasional telah pun ditutup. Apakah langkah-langkah Kerajaan Negeri untuk memastikan bahawa pelajar-pelajar daripada institut tersebut yang merupakan pelajar-pelajar yang kurang mampu untuk melanjutkan pelajaran tetapi diberikan kemahiran bagi membolehkan mereka mendapat peluang pekerjaan untuk memastikan mereka ini diberi latihan sepenuhnya? Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Sebenarnya bagi pelajar-pelajar yang masih tidak menyelesaikan dapat menyelesaikan pengajian di Institut Latihan Bagan Terap tempoh hari telah dipindahkan kepada Kolej INPENS yang mana kursus mereka juga adalah kursus yang bersamaan dan setakat ini mereka telah menyelesaikan kursus tersebut dan melalui INPENS ini kita memberikan peluang-peluang kepada pelajar-pelajar terutamanya, terutamanya belia dalam bentuk kemahiran yang mana dibantu sepenuhnya oleh Kerajaan Negeri bagi mereka yang berpendapatan daripada keluarga yang berpendapatan kurang daripada RM1,500.00.

TUAN SPEAKER: Bangi.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Terima kasih Tuan Speaker. Soalan No.68.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR
(BANGI)**

TAJUK: DISKRIMINASI GENDER

68. Y.B. Puan Rodziah, EXCO Kerajaan Negeri Selangor memanjangkan apa yang dikatakan.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah yang dimaksudkan dengan diskriminasi gender?
- b) Sejauh manakah diskriminasi gender berlaku di Selangor?
- c) Bagaimanakah cara mengatasinya?

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Bangi. Tuan Speaker, saya begitu hormatlah dengan Bangi kerana soalnya banyak bertanya tentang maksud ataupun istilah-istilah. Jadi hari ini beliau bertanya tentang apakah yang dimaksudkan dengan diskriminasi gender ya? Gender ya bukan janda ya. Diskriminasi gender, jawapan saya adalah boleh berlaku jika perbezaan lelaki dan wanita tidak difahami dengan baik, keadilan dan kesaksamaan insan yang tertera dalam undang-undang dan peraturan tidak diimplementasikan menurut hasrat dan undang-undang tersebut. Jadi apa yang ingin saya nyatakan di sini istilah gender telah menjadi satu istilah yang penting dalam mencirikan pembangunan masyarakat masa kini. Ia perlu difahami untuk mengelak dari disalah ertikan. Jadi selalunya gender ini disamakan dengan jantina tetapi sebenarnya namun istilah gender tidak dengan istilah jantina. Ini bukan persoalan lelaki atau perempuan tetapi lazimnya ia membawa maksud yang sama, ya, maknanya berkenaan lelaki dan wanita. Jadilah, usaha untuk menambah baikkan kaum lelaki dan wanita ini kita kena faham istilah gender ini kerana bicara

tentang gender bukan bicara tentang wanita semata-mata. Kena faham ini ya. Istilah gender merujuk kepada peranan dan hak tanggungjawab lelaki dan wanita menurut kefahaman dan hasil yang dominan dalam masyarakat. Jadi peranan dan hak tanggungjawab ini biasanya terbina hasil dari budaya dalam keluarga dalam masyarakat dan ianya boleh diubah. Jadi kefahaman yang penghayatannya juga oleh masyarakat berupaya menghasilkan keadilan dan kesaksamaan yang merata di kalangan anggota masyarakat baik lelaki ataupun wanita. Jadi Tuan Speaker, kalau saya hendak menjawab tentang maksud istilah ini terlalu panjang tetapi saya Insya-Allah, saya akan memberikan satu salinan ucap utama saya dalam program yang telah saya laksanakan di Dewan Seri Bernam, Sungai Besar, Sabak Bernam pada 15 Oktober dalam 'Program Ada Apa Dengan Gender' supaya Bangi lebih memahami maksud yang dinyatakan di dalam istilah diskriminasi gender itu.

Soalan yang kedua, Bangi bertanya sejauh manakah diskriminasi gender berlaku di Selangor? Untuk pengetahuan Bangi dan Tuan Speaker dan yang lain-lain, diskriminasi gender dalam kes-kes yang diajukan dalam Jawatankuasa Tetap Hal Ehwal Wanita, saya pernah mengendalikan satu kes di mana Puan Norfadhilah binti Ahmad Saikin. Di mana tawaran pekerjaan yang ditarik semula kepada beliau kerana semata-mata beliau hamil pada ketika itu. Dan ia jelas berlakunya diskriminasi gender. Dan ingin saya katakan di sini ianya berlaku bila mana wanita dinafikan pekerjaan kerana mengandung ataupun suara wanita tidak sampai sepenuhnya disebabkan pembuat keputusan dalam sesuatu pentadbiran itu sikit ataupun kurang dan ianya berlaku perkara-perkara yang dikatakan selalunya dikatakan di dalam mahkamah urusan hal ehwal penceraian dan sebagainya. Itu jawapan saya Tuan Speaker.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Tuan Speaker, soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ia, sila.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Bangi berpendapat sebenar gender ataupun jantina ni tidak ada diskriminasi antara lelaki dan perempuan. Kita sebenarnya memandang perempuan yang juga merupakan ibu kita, adik-beradik kita, anak kita dengan rasa kasih sayang ya. Itu sepatutnya. Yang menjadi diskriminasi ni mungkin antara majikan dan pekerja. Itulah yang agak yang menimbulkan soal gender ni ya? Bukan kerana dia jantina semata-mata. Ertinya kesalahannya mungkin kesalahan dari segi implementasi hak-hak di dalam sesuatu bidang atau institusi. Maksud saya kalau dia bos, dia pekerja bawahan. Kalau kilang, pekerja kilang.

TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat, masa

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Terima kasih.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Bangi. Saya faham tentang apa yang dimaksudkan oleh Bangi tetapi ingin saya tegaskan bahawa isu gender ini tidak sahaja dibicarakan tentang lelaki dan wanita ataupun jantina. Ianya adalah untuk kita faham bahawa ianya boleh berlaku bila mana sesuatu ataupun bila mana tanggungjawab hak dan peranan masing-masing itu tidak jelas ataupun tidak, ataupun berubah mengikut budaya masing-masing. Tetapi bagi saya yang tidak berubah adalah sifat ataupun peranan lelaki dan wanita dalam konteks azali tetapi dalam konteks peranan, dalam konteks keupayaan dan sebagainya ianya boleh, boleh dilaksanakan dan sebab itu Kerajaan Selangor sekarang ini telah melaksanakan banyak usaha-usaha advokasi dalam bidang fokus tentang gender ini kerana kita mahu lebih ramai faham apa yang sebenarnya gender itu dan bagaimana untuk mengelakkan berlakunya diskriminasi ke atas mana-mana kaum baik lelaki ataupun wanita. Sekian.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Tuan Speaker, soalan No.69.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BINTI MOHAMED TALHA
(TAMAN MEDAN)**

TAJUK: SURAU BOLEH ADAKAN SOLAT JUMAAT

69. Bertanya kepada Y.A.B. Menteri Besar:

- a) Selain daripada kutipan pada hari Jumaat, apakah kemudahan atau kelebihan surau yang statusnya dibenarkan mengadakan Solat Jumaat?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahir rahmanir rahim.* Dato' Speaker, Taman Medan bertanyakan tentang surau yang mengadakan dan dibenarkan untuk mengadakan solat Jumaat. Sehingga sekarang terdapat 192 buah surau yang mendapat kebenaran mendirikan solat Jumaat sementara. Jadi biasanya masjid yang mempunyai tempat untuk melakukan jemaah Solat Jumaat tetapi dia diberi kebenaran kepada 192 surau. Yang terbanyak ialah di Hulu Langat di mana kawasan perindustrian dan juga Petaling dan Klang.

Soalan kedua ialah bagaimana kutipan? Didapati sumbangan Kerajaan Negeri sebanyak RM1,250.00 tiap-tiap minggu untuk kegunaan aktiviti pengimarah surau.

Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER : Ya, sila.

Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Saya ingin mendapat tahu sama ada disebabkan surau-sarau ini mengambil ataupun mengadakan solat Jumaat sudah tentulah surau-sarau ini perlu dibesarkan. Jadi kalau ada kerja-kerja pembesaran surau ini perlu dilakukan adakah Kerajaan Negeri memberi peruntukan tambahan untuk usaha-usaha tersebut. Yang kedua, Mereka juga terpaksa menanggung kakitangan tambahan dan setakat ini mereka perlu mencari sumber-sumber kewangan mereka sendiri. Adakah permintaan untuk dibayarkan gaji ataupun elaun ditanggung ataupun dibiayai oleh Kerajaan Negeri, terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dato' Speaker, perkara ini telah kita perbincangkan di JAIS dari segi penggunaan surau untuk sembahyang Jumaat dan juga penggunaan surau. Kita dapati penggunaan surau ...surau tidak.....kalau kita perkuembangkan jadi maknanya kita akan bersaing dengan penggunaan masjid dan penggunaan masjid diambil kira daripada jumlah mereka yang menggunakan masjid setiap hari bukan untuk hari Jumaat sahaja. Jadi oleh sebab itu peruntukkan untuk pembinaan masjid diutamakan supaya pengimarahannya diberikan keutamaan bukan surau sebab surau itu dianggap tempat untuk masyarakat setempat. Perkara yang kedua, oleh kerana bajet ataupun belanjawan untuk pembinaan masjid diutamakan jadi belanjawan untuk pengembangan surau biasanya dilakukan oleh masyarakat setempat dan kita tidak hendak menggalakkan pembangunan surau yang akhirnya dengan alasan apabila dia sudah dibesarkan menjadi masjid. Kerana terdapat juga masjid yang sudah dibina berhampiran dengan surau tersebut dan menimbulkan beberapa usaha untuk menyatukan masyarakat itu tidak dapat disatukan. Jadi perkara-perkara ini dalam perbincangan kita untuk mencari penyelesaian tapi fokus kita ialah kepada pembinaan masjid dan pengimarahannya masjid.

TUAN SPEAKER: Rawang.....

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Tuan Speaker soalan no. 71

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN GAN PEI NEI
(RAWANG)**

TAJUK: PENGURUSAN SAMPAH DAN SISA PEPEJAL

71. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Senaraikan jumlah kutipan sampah dan sisa pepejal mengikut pecahan PBT bagi tahun 2007-2012

- b) Apakah mekanisme yang digunakan oleh Kerajaan Negeri Selangor bagi memastikan pengutipan sampah dan sisa pepejal yang efisien mengikut jadual yang ditetapkan demi kebersihan awam.
- c) Apakah sasaran dan langkah-langkah yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri bagi memastikan pembuangan sampah berkurangan untuk mewujudkan alam sekitar yang bersih dan hijau?

Y.B. TUAN RONNIE LIU THIAN KHIEW: Tuan Speaker, soalan Rawang adalah berkaitan dengan pengurusan sampah dan sisa pepejal. Rawang ingin nak tahu jumlah kutipan sampah dan sisa pepejal mengikut pecahan PBT bagi tahun 2007 hingga 2012. Kalau saya baca semua tidak akan cukup masalah. Jadi saya akan bagi secara ringkas. Di antara 12 PBT yang kita ada ini bagi 2012 purata: MBPJ 400 tan sehari, MBSA 500 tan sehari, MPK 600 tan sehari, MPSJ 550 tan sehari, MPAJ 450 tan sehari, MPSB 250 sehari, MPKJ 550 sehari, MPS iaitu Selayang 500 tan sehari, MPSS 150 tan sehari, MPKS 130 tan sehari, MPKL (Kuala Langat) 120 tan sehari, MBSB 120 tan sehari, jadi jumlahnya ialah 4,330 tan sehari untuk Negeri Selangor. Tuan Speaker, antara mekanisme yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri melalui PBT adalah dengan menubuhkan unit *Task Force* bagi memantau operasi kutipan sampah mengikut jadual. PBT juga telah melakukan perjumpaan bersama kontraktor secara terus bagi mengetahui masalah yang dihadapi oleh kontraktor kerja dan PBT juga telah mengkaji penyusunan semula agar dengan ruang lingkup kerja yang lebih kecil dan membolehkan waktu respons dipercepatkan. Ini membolehkan mutu perkhidmatan dipertingkatkan demi kebersihan awam. Kerajaan Negeri sentiasa memandang serius bagi memastikan pembuangan sampah berkurangan dan dapat mewujudkan alam sekitar yang bersih dan hijau. Dengan itu kerajaan negeri telah melakukan berbagai program antaranya ialah kempen Kitar Semula bagi memberi kesedaran kepada orang ramai mengenai kepentingan menjaga alam semula sekitar. Program 3R iaitu **REUSE, REDUCE & RECYCLE** diperkenalkan kepada semua pihak di semua peringkat punca bagi mengurangkan pembuangan sisa pepejal dan program hari tanpa *bag plastic* yang dilaksanakan pada setiap hari Sabtu akan dipanjangkan ke hari Jumaat juga di tahun depan di seluruh pasaraya-pasaraya di Negeri Selangor. Terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan speaker. Saya ingin bertanya Y.B. sama ada memaparkan papan tanda kontraktor yang bertanggungjawab untuk sesuatu zon juga dimasukkan sebagai salah satu mekanisme untuk memantau jadual kerja supaya penduduk kawasan tersebut juga boleh panggil membuat panggilan terus kepada kontraktor kalau mereka tak kutip ikut jadual yang ditentukan.

Y.B. TUAN RONNIE LIU THIAN KHIEW: Tuan Speaker, cadangan Rawang adalah baik dan kita, negeri sudah memberi arahan kepada semua PBT supaya memaparkan *detail* dengan izin, kontraktor masing-masing di tempat-tempat yang bersesuaian. Di

samping itu kita juga memberi nasihat kepada semua PBT untuk memaparkan senarai kontraktor dan kawasannya dan juga butiran-butiran yang terperinci supaya orang ramai boleh pergi ke Laman Web dan tahunya siapa kontraktor di kawasan mereka. Proses ini masih dijalankan. Terima kasih.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Soalan tambahan, terima kasih. Tuan speaker, Kajang ingin bertanya sama ada pihak kerajaan mempunyai rancangan untuk menangani perubahan iklim masalah perubahan iklim iaitu *climate change* dengan menetapkan satu sasaran pengurangan jumlah sisa pejal yang dihasilkan di setiap PBT dan juga di keseluruhannya, di Selangor. Terima kasih.

Y.B. TUAN RONNIE LIU THIAN KHIEW: Tuan Speaker, beberapa PBT telah mengadakan ataupun melaksanakan program-program yang akan mencapai matlamat yang disebut tadi oleh Kajang seperti contohnya di MPPJ mereka telah memberi galakan dalam secara insentif kepada semua keluarga yang dapat mengurangkan sampah, keluarga yang dapat mengurangkan kegunaan elektrik, kegunaan air dan sebagainya dan juga PBT juga diberi nasihat supaya mengadakan program-program yang boleh mencapai bangunan-bangunan hijau dan sebagainya dan ini telah dimulakan dan negeri Selangor juga sentiasa bekerjasama dengan Kerajaan Pusat apabila mereka mengadakan polisi ataupun dasar yang baru yang boleh mencapai konsep Hijau itu. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Dengkil

Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING: Tuan Speaker, soalan 72

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MARSUM BIN PAING
(DENGKIL)**

TAJUK: PELUANG PEKERJAAN BELIA

72. Penyediaan peluang pekerjaan yang mencukupi untuk semua golongan belia sama ada yang berpelajaran tinggi atau berkemahiran adalah penting.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Bagaimanakah kadar pengangguran di Selangor sekarang?
- b) Berapakah peluang pekerjaan yang telah berjaya diwujudkan di Selangor dan jenisnya dari 2008 hingga 2012?
- c) Apakah skim latihan atau insentif untuk membantu meningkatkan kemahiran belia?

Y.B. TUAN. DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Dengkil. Tuan Speaker bagi menjawab soalan No. 72, berdasarkan kepada perangkaan dari Unit Perancang Ekonomi Negeri kadar pengangguran di Negeri Selangor bagi tahun 2012 adalah pada kadar 3.9%. Kadar ini adalah sama pada tahun sebelumnya iaitu pada tahun 2011. Peratusan pengangguran yang rendah ini adalah didorong oleh kemajuan sektor perindustrian dan pembuatan yang telah berjaya menawarkan lebih 20,000 peluang pekerjaan setiap tahun kepada rakyat Kerajaan Negeri Selangor. Selain itu perkembangan sektor pembuatan yang positif dengan sumbangan melebihi 55% daripada KDNK negeri telah berjaya mengurangkan kadar pengangguran dan mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan di Negeri Selangor. Mengikut rekod yang diberikan peluang pekerjaan yang berjaya disediakan hasil pelaburan ke Negeri Selangor sepanjang tahun 2008 hingga 2011 adalah seperti berikut:

30,890 orang bagi tahun 2008 , 22,753 orang bagi tahun 2009, 22,875 orang bagi tahun 2010, dan 20,750 bagi tahun 2011. Sepanjang tempoh Januari hingga Julai 2012 sebanyak 142 projek pelaburan baru telah berjaya masuk ke Negeri Selangor dengan menawarkan sebanyak 13,197 peluang pekerjaan baru kepada rakyat Negeri Selangor yang merangkumi pekerja mahir, separa dan kurang mahir serta golongan profesional. Bagi menjawab soalan yang ketiga skim latihan dan insentif bagi meningkatkan kemahiran belia, seperti mana yang saya jawab kepada Sg. Burong tadi bahawa Latihan kemahiran Teknikal di bawah kolej INPENS adalah wadah yang kita gunakan untuk melatih belia-belia di negeri

Selangor dan sebagai insentif Kerajaan Negeri menaja para pelajar yang khususnya datang daripada keluarga berpendapatan di bawah RM1,500.00 sebulan. Kita taja sepenuhnya untuk golongan belia ini. Terima kasih.

Y.B. DATO' MARSOM BIN PAING: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ya, sila.

Y.B. DATO' MARSOM BIN PAING: Memandangkan banyak peluang pekerjaan yang akan dibuka dan masih ramai lagi graduan yang masih menganggur apakah pihak Kerajaan Negeri bercadang untuk menganjurkan *JOB FEST* seperti yang dianjurkan oleh pemuda UMNO.

Y.B. TUAN. DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Dengkil. Saya kira ramai di antara kita sedia maklum bahawa Kerajaan Negeri menganjurkan program JOM KERJA di bawah Standco Y.B. Dr. Halimah Ali dan saya kira beberapa program yang telah dijalankan di peringkat daerah-daerah pada tahun yang lepas dan program masih lagi berjalan dan kita telah memberikan peluang kepada belia-belia kita untuk *walk-in* interviu dan akhirnya sebahagian daripada belia-belia juga mendapat pekerjaan di

samping program-program, insya-Allah, akan berterusan dijalankan tetapi bukan program yang kita meniru Kerajaan Pusat dan sebagainya. Memang ada inisiatif daripada Kerajaan Negeri Sendiri. Terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Soalan tambahan Speaker

TUAN SPEAKER: Ya,

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Adakah pihak Kerajaan Negeri juga menggunakan anak syarikat negeri GLC dengan izin, sebagai satu saluran untuk menawarkan biasiswa dan pada masa yang sama bila mereka tamat pengajian juga diambil untuk bekerja dengan pihak Kerajaan Negeri ataupun anak syarikat berkenaan.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Rawang, setakat ini anak-anak syarikat kita masih belum ada lagi bentuk penawaran ataupun bentuk bantuan yang secara khusus untuk pelajar-pelajar ataupun anak-anak kita yang melanjutkan pelajaran di peringkat yang lebih tertinggi. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sg. Pelek

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Tuan Speaker, soalan 73.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN YAP EE WAH
(SUNGAI PELEK)**

TAJUK : AIR PERCUMA UNTUK PENDUDUK DI PANGSAPURI

73. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :

- a) Apakah langkah diambil oleh kerajaan negeri untuk memastikan semua penduduk di pangsapuri dapat menikmati air percuma?
- b) Berapa Jumlah penduduk pangsapuri yang belum menikmati air percuma?
- c) Apakah tindakan kerajaan negeri terhadap pengguna air yang mendakwa Kerajaan Negeri di mahkamah kerana tidak dapat menikmati air percuma?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih Y.B. Dato' Speaker serta Y.B.-Y.B. sekalian. Menjawab soalan tentang apakah langkah-langkah kerajaan untuk memastikan bahawa semua penduduk di pangsapuri dapat menikmati air percuma. Menurut perancangan Kerajaan Negeri yang pertama kita fokus kepada mereka yang tinggal di Pangsapuri Kos Rendah dahulu dan perkara pertama yang kita lakukan

adalah dengan mengeluarkan kupon ataupun rebet air percuma dan selepas itu kita memperkenalkan satu sistem yang dinamakan program lapor dan dapat dan selain daripada itu untuk pangsapuri kos rendah dan pangsapuri kos-kos lain. Kita juga telah menggalakkan atau bersama-sama dengan SYABAS menggalakkan proses migrasi daripada meter pukal kepada meter individu di mana ini akan membolehkan mereka yang duduk di pangsa-pangsapuri dapat air percuma. Tentang langkah-langkah yang kita ambil selain daripada itu adalah dengan kita mengadakan rundingan dengan pihak SYABAS untuk memastikan bahawa syarat-syarat untuk melakukan migrasi telah dapat dilonggarkan. Di antara syarat-syarat yang menjadi masalah adalah pertama adalah peratusan persetujuan pemilik ataupun *consent* dengan izin. Masalah kedua adalah penyelesaian tunggakan bil meter air dahulu, masalah ketiga adalah pematuhan keperluan-keperluan teknikal. Perkara tersebut telah dibincangkan bersama dengan SYABAS dan alhamdulillah dalam banyak hal perkara ini ataupun kelonggaran ...sedikit kelonggaran telah pun diberikan oleh SYABAS dan ini telah menyumbang kepada peningkatan migrasi yang berlaku. Selain daripada itu Kerajaan Negeri juga telah menubuhkan satu jawatankuasa di mana sekiranya terdapat pertelingkahan di antara pihak-pihak di rumah bertingkat termasuk dalam isu mendapatkan migrasi air. Jawatankuasa tersebut adalah jawatankuasa prihatin iaitu pemudah-pemudah isu-isu hal tanah bertingkat yang merangkumi segala masalah termasuk migrasi air perumahan bertingkat. Dan dari segi kempen untuk memastikan bahawa rakyat mereka yang menduduki pangsapuri bertingkat sedar akan perlunya mereka melakukan migrasi kita telah menubuhkan satu *Task Force* untuk menyelesaikan masalah migrasi. *Task Force* ini adalah *Task Force* penyelesaian migrasi meter air individu Selangor ataupun PERMAI.

Menjawab soalan yang seterusnya iaitu jumlah mereka yang duduk di pangsapuri ataupun perumahan bertingkat yang masih belum mendapat akan air percuma bagi pangsapuri kos rendah kita hampir selesai lebih daripada 92 peratus iaitu yang hanya tidak dapat adalah 14 kawasan dan bilangan unit kediaman yang telah yang belum lagi dapat adalah 3,500. Manakala pangsapuri bukan kos rendah yang ini kita tengah usahakan yang bilangan yang belum dapat lagi adalah 482 kawasan atau 142,000 dan 997 unit kediaman.

Kerajaan Negeri telah di saman ataupun di bawa ke mahkamah dan Kerajaan Negeri bersedia untuk memberi penghujahan semula ke mahkamah dan Kerajaan Negeri berhak untuk menyemak akan kesahihan tuntutan penduduk-penduduk dan akan mengambil apa-apa tindakan yang wajar sehubungan dengan itu. Cuma kita melihat bahawa dalam isu imigrasi ini terdapat masalah-masalah seperti tidak ada kerjasama daripada penduduk atau JMB adalah di antara sebab penghalang kenapa banyak kes di mana imigrasi tidak dapat dilakukan. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Hulu Bernam

Y.B. DATO' HAJI MOHAMED IDRIS BIN HAJI ABU BAKAR: Soalan No. 74,
Tuan Speaker.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' HAJI MOHAMED IDRIS BIN HAJI ABU BAKAR
(HULU BERNAM)**

TAJUK: PEMBANGUNAN LUAR BANDAR

74. Pembangunan kawasan luar bandar di Selangor dilihat tidak terarah dan tiada sebarang pencapaian sejak lima tahun lalu.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:-

- a) Apakah dasar pembangunan luar bandar sejak lima tahun yang lalu?
- b) Apakah projek dan program inovatif untuk pembangunan kawasan luar bandar di Selangor?
- c) Apakah kemajuan yang telah dijana khasnya di kawasan Hulu Selangor?

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Tuan Speaker, bagi menjawab soalan 74, apakah dasar pembangunan luar bandar sejak 5 tahun yang lalu? Ingin saya nyatakan di sini di antara dasar-dasar yang kita sediakan yang:

Pertama ialah memastikan bahawa kemudahan asas desa mencukupi seperti Balai Raya dan kemudahan-kemudahan sukan dan rekreasi. Keduanya memperbaiki infrastruktur luar bandar. Ketiga, membaiki ekonomi luar bandar, memperkasa JKK seluruh Negeri Selangor dan juga mewujudkan industri-industri kecil di luar bandar.

Antara inovasi yang terbaru yang kita buat di Negeri Selangor ialah kita memperkenalkan konsep *Asset Base Community Development* dalam usaha untuk membangunkan ekonomi luar bandar ataupun *ABCD*, di mana kita bangunkan ekonomi luar bandar berdasarkan potensi-potensi yang sedia ada di kawasan-kawasan tersebut.

Apakah kemajuan telah dijana khususnya di Hulu Selangor, di Hulu Selangor kita telah meningkatkan jumlah IKS-IKS di Hulu Selangor dan semua kemudahan asas di Hulu Selangor telah pun disediakan.

TUAN SPEAKER: Ya. Batang Kali.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Soalan Tambahan. Tadi Yang Berhormat EXCO ada menyebutkan pembinaan balai raya, kemudahan awam dan sebagainya.

Setakat hari ini berapakah balai raya baru yang telah dibina di dalam kawasan Hulu Selangor khususnya? Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Tiada balai raya baru yang dibina di Hulu Selangor tetapi Kerajaan Negeri telah membaiki semua balai-balai raya yang ada kerana ketika kita ambil alih Pilihan raya pada 2008 semua kemudahan-kemudahan asas yang ada di Balai raya telah pun dibawa keluar oleh JKK sebelum itu. Jadi kita menaik taraf, memperbaiki semua Balai raya yang sedia ada.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Soalan tambahan, Tuan Speaker.

TUAN SPEAKER: Ya. Sila, Permatang

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Tuan Speaker, saya nak tanya baru-baru ini di Sawah Sempadan berlaku masalah kekurangan air ya, kerana kemarau dan sebagainya sehingga menjejaskan keluaran padi. Jadi apa usaha-usaha yang dibuat untuk perbaiki palong dan sebagainya di kawasan pertanian Sawah Sempadan.

TUAN SPEAKER: Di luar tajuk ini.

Y.B. TUAN SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Infrastruktur Tuan Speaker, mengenai infrastruktur tadi disebut fokus infrastruktur yang saya tadi adalah infrastrukturnya kerana tak dapat bekalan air kerana masalah palong dan sebagainya.

TUAN SPEAKER: Tengok EXCO bagaimana.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Boleh jawablah, supaya Permatang dia rasa tenang untuk balik. Saya turun sendiri ke semua kawasan-kawasan padi di hujung *complain-complain* berkaitan kemarau, kita telah membetulkan apa ni.. *intake* air masuk ke kawasan-kawasan sawah padi dan jadual penggiliran air masuk juga di kawal dan alhamdulillah selepas saya sampai tu dan hujan hari ini tiada masalah air lagi di kawasan sawah, baik di Permatang ataupun di kawasan Sungai Burung ataupun ke kawasan-kawasan Sabak Bernam.

TUAN SPEAKER: Lembah Jaya

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Soalan No. 75.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. HAJI KHASIM BIN ABDUL AZIZ
(LEMBAH JAYA)**

TAJUK: TEKNOLOGI MAKLUMAT

75. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- (a) Dalam perancangan Kerajaan supaya masyarakat celik I.T, setakat ini berapakah pemancar jalur lebar yang telah dilaksanakan. Perincian mengikut kawasan-kawasan.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Tuan Speaker, Lembah Jaya ingin mengetahui setakat manakah program supaya masyarakat celik I.T. dan berapakah pemancar jalur lebar yang telah dilaksanakan? Untuk pengetahuan Ahli Dewan yang mulia, sebanyak 337 lokasi ataupun tempat yang telah dirancang untuk dilaksanakan ataupun diletakkan pemancar jalur lebar ini, yang mana ianya keseluruhan itu berlaku dalam dua (2) bentuk:

1. Dalam bentuk pemancar atau kita meletakkan pemancar jalur lebar dan yang keduanya;
2. Dalam menyediakan Pusat CY.B.er Rakyat

Ya, jadi dalam konteks ini yang telah sempurna adalah sebanyak 46 lokasi dan selebihnya itu dalam perancangan tetapi ianya sebenarnya dalam konteks diambil sama ada dalam PBT atau ianya dilaksanakan di bawah program Selangorku. Izinkan saya membuat sedikit pecahan dalam konteks kategori tetapi ianya tidak boleh diperincikan ataupun konteks kawasan kerana ianya terlalu banyak, Tuan Speaker kerana ada 337. Jadi lokasi-lokasi yang dikenal pasti itu adalah daripada 2010 hingga 2012 ada dua belas (12) yang diletak di kawasan luar bandar, ya, 200 dalam bandar ataupun Majlis Perbandaran Petaling Jaya kita meletak sebanyak 198 lokasi di bawah projek SPINS dan di bawah Selangorku setiap DUN akan mendapat manfaat dua (2) lokasi iaitu sebanyak 112 lokasi dan untuk Lembah Jaya saya difahamkan di sini bahawa Lembah Jaya telah memilih No. 47 Jalan Dagang 8, Taman Dagang Jaya, sebagai lokasi untuk meletak jalur lebar. Jadi lokasi ini dipilih atas dasar bila mana belum ada perkhidmatan jalur lebar atau kawasan tumpuan awam atau di tempat-tempat yang kebanyakannya penduduknya berstatus ekonomi sederhana dan rendah. Jadi kita tidak melaksanakan apa ni... projek jalur lebar ini secara menyeluruh tetapi fokus kepada tempat-tempat yang telah dikenal pasti yang kurang ataupun jurang I.T nya begitu jauh. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Soalan tambahan, ya.

TUAN SPEAKER: Sila.

Y.B. TUAN KHASIM BIN ABDUL AZIZ: Dalam perancangan kerajaan agak-agak dalam satu DUN tu berapa yang akan diberikan?

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Tadi saya telah umumkan untuk ataupun fasa 1, Selangorku setiap DUN akan dapat dua (2) tempat ataupun dua (2) lokasi pemancar. Insya-Allah kita akan usahakan untuk tahun depan Selangorku fasa 2 akan bermula, ya, tetapi perkhidmatan ini kita sasarkan pada 1 Januari nanti setiap DUN akan dapat dua (2) ini akan telah dapat dilancarkan dan semuanya telah siap boleh digunakan, insya-Allah.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Soalan Tambahan.

TUAN SPEAKER: Ya. Kajang

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih. Bilakah, pemasangan jalur lebar ini di luar bandar ini akan disiapkan, terima kasih.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Tuan Speaker dan untuk maklumat Yang Berhormat Kajang, ianya sedang berlaku sedang berjalan dan ianya insya-Allah akan disempurnakan sehingga hujung tahun ini, maknanya 30 Disember 2012 akan sempurnalah 112 lokasi err... apa ni... tempat yang akan didirikan jalur lebar sebab itu insya-Allah bulan Januari nanti Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar akan merasmikan program ini secara sempurna. Jadi kita dah buat semua baru kita rasmikan kali ini. Terima kasih.

Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ya. Sekinchan.

Y.B. TUAN NG SUEE LIM: Terima kasih, Tuan Speaker. Berkenaan dengan jalur lebar ini Kerajaan Negeri nak pasang sampai 120 tahniahlah diucapkan, ya. Tetapi saya nak tahu, apabila kita dah pasang, adakah pihak Kerajaan memantau sama ada fungsinya ya, fungsi penggunaan kepada pengguna itu dalam keadaan berkesan ataupun tidak, sebab ada banyak *complain* tidak dapat menggunakannya dengan baik.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Ok, kita kena maklum bahawa *Wi Fi* percuma ini bukanlah satu perkhidmatan yang sebenarnya yang sebagaimana yang ditawarkan dalam skim-skim perkhidmatan jalur lebar yang lain. Maksudnya jumlah kapasiti penggunaannya tidak setinggi atau tidak semaksimum yang ada seperti 3G, 4G dan juga *Edge*, ianya kapasitinya begitu minimum dan ianya menawarkan perkhidmatan percuma sebanyak setengah jam, ya, bagi mereka seratus yang pertama dulu, jadi *queue*, kena ada *queue* dan sebagainya ini seolah-olah macam kita guna air bersihlah. Hanya perkhidmatan ini diberikan percuma sebanyak 20 meter padu. Bagi mereka yang memerlukan tetapi *Wi-Fi* percuma ini cukup ya, cukup untuk semua boleh mengakses Internet secara untuk membuat *online*, *transaction* ataupun pembacaan *email* dan benda-benda yang asasi ya, untuk mendapat perkhidmatan *extra* seperti

menikmati apa ni... video daripada *Youtube* dan sebagainya ia memerlukan kapasiti yang lebih tinggi, ya. Untuk menjawab kepada apa yang Sekinchan sebut memang ada pemantauan dan kita juga sebenarnya ada data berapa ramai yang menggunakan ataupun melihat ya, ataupun mengenal pasti ataupun mengambil perkhidmatan ini sebagai penggunaan harian beliau. Jadi kalau Sekinchan perlukan data itu, saya boleh bekalkan, insya-Allah.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Taman Medan.

Y.B. PUAN HAJAH HANIZA BINTI MOHAMED TALHA: Soalan tambahan, walaupun telah dipasang tiang-tiang pemancar untuk memberi *Wi-Fi* percuma, saya mendapat aduan daripada penduduk, duduk bawah tiang pun tidak dapat akses, itu satu.

Yang Kedua, saya juga dimaklumkan pemasangan untuk *Wi-Fi* percuma memerlukan tempat yang mempunyai talian dan juga perlu membayar bil untuk akses, maknanya tempat tersebut yang menawarkan tempat untuk dipasangkan *Wi-Fi* percuma itu perlu ada talian dan juga perlu membayar bil untuk akses tersebut. Jadi saya ingin tahu mendapat penjelasan.

Y.B. PUAN HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih, Taman Medan, sebenarnya apa yang Taman Medan sebut itu adalah yang berlaku di lokasi kawasan beliau, apa yang dikata duduk di bawa pun tidak dapat sebenarnya ada berlakunya sedikit masalah teknikal, sebenarnya isu itu tidak, tidak, tidak menjadi masalah sebenarnya ianya boleh, boleh melangkaui sebanyak setengah Kilometer, diamik atau diameter dalam lokasi tersebut tetapi untuk masalah yang berlaku di Taman Medan sebenarnya saya telah pun merujuk kepada MBPJ dan pihak pemasangan tersebut, insya-Allah perkara tersebut akan dibetulkan.

Tetapi untuk jawapan kepada apakah ianya ada bil kena dibayar? Sebenarnya tidak ada, ya. Saya katakan tadi untuk perkhidmatan *Wi-Fi* percuma itu dalam limit yang telah ditentukan adalah percuma dan tidak perlu dibayar, ya. Tetapi kalau kita perlukan perkhidmatan yang lebih itu masing-masing perlu membayar ataupun memilih dan membuat pembayaran masing-masing tapi bagi apa yang telah saya umumkan tadi sebanyak 322 lokasi itu ianya diberikan secara percuma kepada rakyat. Terima kasih.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Bukit Antarabangsa, tidak hadir. Sekinchan

Y.B. TUAN NG SUEE LIM : Tuan Speaker, Soalan No. 77.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN NG SUEE LIM
(SEKINCHAN)**

TAJUK: PELABURAN NEGERI SELANGOR

77. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sila kemukakan jumlah pelaburan yang diperolehi oleh Negeri Selangor sehingga bulan September 2012 mengikut pecahan daerah?
- b) Sila nyatakan bagaimanakah prestasi Negeri Selangor dalam memperoleh pelaburan tempatan dan luar negeri bagi 9 bulan yang pertama tahun 2012 secara perbandingan dengan negeri-negeri lain?
- c) Sila nyatakan berapakah peluang pekerjaan yang berjaya diwujudkan bagi tahun 2012 dan apakah unjuran dan sasaran jumlah pelaburan Negeri Selangor bagi pecutan akhir tahun 2012?

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM: Tuan Speaker dan Ahli-ahli Berhormat, Sekinchan tanya tentang jumlah pelaburan yang diperolehi oleh Negeri Selangor sehingga bulan September 2012 mengikut pecahan daerah.

Kalau kita lihat statistik yang diberi oleh MIDA, mengikut kalau kita lihat mengikut daerah kawasan Serendah adalah mencapai jumlah pelaburan perindustrian RM 2.1 bilion dan di antaranya terdapat 3 projek telah pun diletakkan di situ dan dalam jumlah ini RM2 bilion adalah daripada pelaburan tempatan yang kedua adalah Shah Alam 39 projek dan jumlah pelaburan RM1.16 bilion, yang ketiga ialah Pelabuhan Klang 13 projek dan jumlah pelaburan ialah RM468,000.00 nombor empat ialah Bukit Raja IE, 3 projek dan jumlah pelaburan adalah RM 384,000.00 dan kelima ialah Klang 14 projek jumlah pelaburan adalah RM359,000.00. Di sini saya ada satu senarai tetapi saya ingin tak sempat baca kesemua senarai daerah ini.

Sekinchan juga tanya tentang prestasi Negeri Selangor dalam memperoleh pelaburan tempatan dan luar negeri pada bagi sembilan bulan yang lepas dalam tahun ini secara perbandingan dengan negeri-negeri lain.

Mengikut saya hanya dapat maklumat daripada MIDA sehingga bulan Ogos dan sehingga bulan Ogos, Selangor mendapat 170 projek perindustrian dan jumlah peluang pekerjaan adalah 14,630 dan jumlah pelaburan adalah RM6.9 bilion yang mana kita adalah nombor satu berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia sehingga bulan Ogos, yang kedua ialah Sabah 22 projek jumlah pelaburan adalah RM4.84 bilion, yang

ketiga ialah Sarawak terdapatnya 20 projek dan jumlah pelaburan adalah RM 4.6 bilion, keempat adalah Johor 116 projek dan jumlah pelaburan adalah RM3.23 bilion, kelima ialah Terengganu terdapatnya 8 projek jumlah pelaburan adalah RM 2.32 bilion.

Dan Sekinchan juga tanya tentang peluang pekerjaan yang di wujud seperti apa yang saya baca tadi, jumlah peluang pekerjaan bagi Selangor ialah 14,630 peluang pekerjaan. Sekian.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ya. Sila.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Terima kasih, Yang Berhormat Dato' Speaker, saya ingin bertanya Taman Templer ingin bertanya kepada Yang Berhormat EXCO Pelaburan, errr... memandangkan errr sepatutnya iklim pelaburan di Selangor ni... sihat kerana menjadi Pusat kepada Negara. Saya nak bertanyakan adakah Yang Berhormat merasa risau dengan statistik yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Besar tentang FDI *Foreign Direct Investment* daripada Tahun 2011 ke kini iaitu menurun daripada RM9 bilion ke hanya kalau tak silap saya RM1.6 bilion pada tahun ini ya. Ini menunjukkan penurunan yang begitu ketara. Adakah Yang Berhormat sebagai EXCO berasa risau bertanggungjawab dan perlu meletakkan jawatan dengan serta merta. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Masa-masa.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Ya, jadi adakah Yang Berhormat sebagai EXCO berasa risau, bertanggungjawab dan perlu meletakkan jawatan dengan serta merta? Terima kasih.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM: Yang Berhormat Taman Templer, Selangor nombor satu tahu dari segi pelaburan perindustrian berbanding dengan negeri-negeri lain di Malaysia. Kenapa saya perlu meletakkan jawatan? Tentang penurunan pelaburan asing, sebenarnya kalau kita lihat yang angka yang kita ada seluruh negara, bagi saya lihat seluruh negara sebenarnya *Forum Investment*, pelaburan asing adalah RM14.55 bilion dan domestik *Investment* pelaburan tempatan adalah RM15.23 bilion. Ini bermaksud ini adalah satu keadaan seluruh Malaysia bukan sahaja di Selangor. Jadi kalau, kalau mengikut teori Yang Berhormat yang saya perlu letak jawatan kerana pelaburan asing itu turun, jadi Menteri Perdagangan dan Perindustrian pusat itu juga kena letak jawatan.

TUAN SPEAKER : Ya sila Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Tuan Speaker

TUAN SPEAKER : Dua-dua hendak letak jawatan sekarang ni. Ya Sri Muda sila.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI : Ok, terima kasih Tuan Speaker. Saya pun bersetujulah kalau pasukan bola sepak kalah kena letak jawatan. Tuan Speaker, soalan tambahan saya, jumlah peluang pekerjaan yang diperolehi daripada hasil pelaburan pada tahun 2012 adalah sekitar RM16,000.00. Jadi saya ingin bertanya apakah jumlah ini yang tertinggi berbanding dengan tahun-tahun sebelum ini ataupun jumlah ini semakin rendah yang merupakan satu trend yang dikatakan oleh Taman Templer tadi merisaukan? Mohon penjelasan.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM: Boleh tanya tentang peluang pekerjaan kan? Ya, sebenarnya kita menghadapi banyak masalah khususnya dari segi Sumber Manusia. Pekerja asing yang mana Kerajaan Pusat dah letak banyak halangan dan syarat bagi mereka untuk masuk ke Malaysia kerana Kerajaan Pusat menggalakkan kilang-kilang tempatan ni guna pekerja tempatan. Jadi dengan ini kita lihat dari segi peluang pekerjaan ia memang agak turun kalau berbanding dengan tahun yang lepas tapi turun pun tak turun begitu banyak kerana kalau yang masuk itu hanya pelaburan dari segi perindustrian yang mana perlu banyak pekerja kilang, ramai orang tempatan, anak-anak kita di sini tidak suka kerja dekat kilang. Ini adalah masalah kita. Jadi kita terpaksa ambil pekerja asing dan itu sebabnya bagi Kerajaan Pusat dan juga Kerajaan Negeri, kami juga berusaha untuk cuba mendapatkan pelaburan dari segi perkhidmatan *services* industri macam perhotelan, pelancongan, pendidikan, perubatan dan sebagainya supaya orang tempatan, anak-anak muda kita ini yang keluar dari universiti dan kolej mereka yang boleh sudi mencebur diri dalam bidang tersebut.

TUAN SPEAKER : Subang Jaya.

Y.B. PUAN HANNAH TEOH TSEOW SUAN : Tuan Speaker soalan nombor 78.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN
(SUBANG JAYA)**

TAJUK: JAWATAN DATUK BANDAR DAN YANG DIPERTUA PBT

78. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah status terkini penukaran jawatan Datuk Bandar MBPJ yang dilakukan secara mengejut?
- b) Siapakah yang mempunyai kuasa mutlak dalam pemilihan jawatan Datuk Bandar dan yang Dipertua PBT?

- c) Apakah garis panduan ataupun proses yang diguna pakai untuk (b) di atas?

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW : Tuan Speaker, Subang Jaya ingin hendak tahu tentang status jawatan Datuk Bandar dan Yang Dipertua PBT. Subang Jaya juga ingin hendak tahu status terkini penukaran Datuk Bandar di MPPJ. Tuan Speaker, memang apabila Datuk Bandar MBPJ ditukarkan secara mengejut kita setuju. Ini memang satu cara mengejut kerana EXCO dan juga Menteri Besar sendiri pun tidak diberi tahu. Dan pertukaran ini telah membangkitkan isu-isu seperti siapakah yang mempunyai kuasa mutlak dalam pemilihan jawatan Datuk Bandar dan Dipertua PBT? Jadi bagi dalam undang-undang sebenarnya sangat-sangat jelas berdasarkan Seksyen 10 (1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 iaitu Akta 171, memperuntukkan jawatan Datuk Bandar dan Yang Dipertua Pihak Berkuasa Tempatan dilantik oleh Pihak Berkuasa Negeri. Namun yang demikian, pelantikan seorang Pegawai Kerajaan bagi yang menyandang Datuk Bandar, Yang Dipertua tertakluk kepada prinsip peminjaman yang diperuntukkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil.12 Tahun 2008. Jadi sekarang kita tidak setuju, Kerajaan Negeri tidak setuju dengan pertukaran Datuk Bandar di MBPJ dan satu rundingan telah diadakan di antara Negeri dan juga Pusat dan belum ada keputusan yang muktamad tetapi ekoran apa yang berlaku di MPS iaitu Selayang, di mana YDP juga ditukarkan tanpa pemberitahuan ataupun pengetahuan EXCO dan Menteri Besar dan akhirnya JPA sendiri ada mengeluarkan *statement* yang seolah-olahnya telah memberi pengesahan bahawa kuasa untuk melantik YDP ataupun Datuk Bandar adalah dalam tangan Menteri Besar. Jadi status Datuk Bandar MBPJ saya rasa kita tunggu dia pulang daripada Makkah, Arab Saudi dan sebelum kita membuat keputusan yang akhir. Sebenarnya Datuk Bandar MBPJ dicadangkan bertukar, dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Kerajaan Pembangunan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor yang juga merangkap Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri iaitu UPEN.

TUAN SPEAKER: Ya, masa. Masa dah sampai.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Ok

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Soalan tambahan

TUAN SPEAKER: Kajang

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih Tuan Speaker. Kajang ini bertanya untuk mengelakkan gangguan daripada Kerajaan Pusat menukarkan YDP ataupun Datuk Bandar ikut suka mereka adakah kerajaan mempertimbangkan membuka tawaran jawatan ini kepada orang awam dalam bentuk kontrak supaya kita mempunyai kuasa sepenuhnya untuk menguruskan pegawai ini? Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker apa yang dicadangkan oleh Kajang memang ada berasaslah sebab dalam sejarah Negeri Selangor memang saya bagi contoh ia, Datuk Bandar di Shah Alam jawatan itu telah satu ketikalah disandangkan oleh orang politik atau Ahli Parlimen atau pun ADUN. Dan memang dalam undang-undang jawatan Datuk Bandar merupakan satu jawatan yang terbuka. Ini bermakna orang awam termasuk orang profesional pun boleh dilantik sebagai Datuk Bandar di bandar raya tetapi ini akan melibatkan banyak isu-isu yang kerajaan sekarang belum mencadang lagilah untuk mengadakan jalan itu. Tetapi memang kalau Kerajaan Pusat selalu mengganggu Kerajaan Negeri jadi mana tahu Kerajaan Negeri pun terpaksa mengkaji dalam hala itu. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Y.B. Tuan Speaker. Saya tertarik dengan jawapan yang diberikan oleh Y.B. Pandamaran tadi yang mengatakan bahawa penukaran Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang itu di luar daripada pengetahuan Kerajaan Negeri tetapi beberapa hari yang lepas sebelum ini saya melihat Dato' Menteri Besar memberikan jawapan yang berbeza. Jadi kita mahu dalam Dewan ini diberikan jawapan yang sebenarnya dengan pengetahuan ataupun di luar pengetahuan Kerajaan Negeri kerana jawapan yang bercanggah ini mungkin boleh memberikan jawapan persepsi kurang baik kepada Kerajaan Negeri.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Saya setuju Sri Muda. Sebab itu Ahli-ahli Majlis dan juga pegawai di MPPJ telah mengadakan mesyuarat penuh yang khas untuk membuat perbincangan. Dan ekoran itu satu surat telah dihantarkan ke JPA untuk meminta penjelasan. Di mana MPPJ hendak tahu sebenarnya JPA menggunakan kuasa yang mana dalam undang-undang dalam akta untuk menjalankan yang saya sebutkan tadi.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Minta maaf Tuan Speaker, yang saya sebut tadi MPS, Majlis Perbandaran Selayang.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: *Sorry?* Selayang? Selayang itu Ahli-ahli Majlis pun juga tidak puas hati dan mereka juga sudah memberi, membuat satu bantahan yang keras terhadap apa yang berlaku di Selayang dan saya rasa, saya rasa isu ini perlu diperjelaskan lagi oleh JPA dan Kerajaan Negeri akan teruskan usaha untuk supaya kita faham supaya kita jelas dari segi pelantikan dan juga pertukaran sebenarnya siapa yang ada hak yang mutlak. Itu sahaja, itu sangat penting.

TUAN SPEAKER: Batang Kali.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Terima kasih Speaker. Saya tengok Y.B. Pandamaran tidak faham soalan daripada sahabat dia sendiri. Dia tanya tolong

jelaskan mana satu yang betul dan kita lihat kesalahan adalah di atas Pandamaran keluarkan kenyataan sebelum Menteri Besar keluarkan kenyataan. Jelaskan mana yang betul. Jadi memang patut ditukarlah EXCO ini. Mohon pertimbangan daripada pihak Ijok. Terima kasih.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Menteri Besar sendiri sudah memberi penjelasan mengenai isu ini dalam surat khabar. Memang Menteri Besar sendiri tidak meminta pertukaran itu apa yang tidak faham? Apa yang saya tak faham ini?

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Memang *you* tak faham. Lain kali keputusan kerajaan biar Menteri Besar jawab.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Sila duduk saya terangkan. Dato' Speaker.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Nanti dalam penggulungan boleh jawab, Menteri Besar. Tak payah. Saya hendak Pandamaran, saya hendak Pandamaran.

Y.B. TUAN SPEAKER: Batang Kali duduk-duduk. Sebab dalam, nanti Batang Kali, Batang Kali, Batang kali kena faham. Kalau mengikut peraturan semua soalan ditujukan kepada Dato' Menteri Besar. Cuma Dato' Menteri Besar mempunyai kuasa kepada EXCO yang lain untuk menjawab. Jadi apabila EXCO tidak dapat memberi jawapan yang memuaskan maka Menteri Besar boleh menjawab. Jadi sila duduk hendak jawapan ke tak hendak, kalau tak hendak jawapan saya terus kepada soalan lain hendak jawapan ke tidak kalau hendak saya minta Dato' Menteri Besar, kalau tidak saya akan ke soalan lain. Jadi tak payahlah cakap ni..duduklah duduklah tenanglah, tenang tenanglah pagi, pagi dah panas apa ni tenang, tenang duduk, duduk tenang tenanglah biar MB jawab. Biar MB jawab. Baik sila Menteri Besar kalau hendak jawab.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih, terima kasih. Oleh sebab keadaan pemilihan Datuk Bandar dan YDP selalunya dibuat secara tergesa-gesa dan oleh sebab itu saya telah membuat jadual berapa banyak lagi masa untuk YDP dan juga Datuk Bandar jadi kalau dalam masa setahun umpamanya YDP Selayang dia sudah menunggu lagi 6 bulan untuk sama ada kita putuskan dia ditukarkan atau tidak. Saya meminta Jabatan Perkhidmatan Awam supaya menyediakan *subsection planning* maknanya setiap masa supaya jangan kita ambil sahaja esok tak sampai 24 jam kita suruh orang keluar seperti yang berlaku di Selayang dan seterusnya. Jadi jawapan Kerajaan Persekutuan baru-baru ini dia kata jawapannya ialah Menteri Besar sudah setuju untuk ditukarkan maknanya *subsection planning*, *subsection planning* maknanya boleh ditukarkan. Maknanya bukanlah saya cakap *planning* itu esok semuanya kena tukar *subsection planning*, jadi dia lepas itu saya pun sediakan *subsection planning* sebab saya dapat pengalaman yang tidak berapa bagus. Masa pemilihan Setiausaha Kerajaan dulu jadi saya buat *subsection planning* supaya kita ada perancangan daripada awal lagi siapa yang dan saya telah pun buat perancangan tapi perancangan

itu apabila orang itu hendak keluar 2 bulan sebelum dia keluar kita ada apa yang dipanggil *exchange of task*. Maksudnya ada pertukaran ada duduk begitu ini sedang saya lakukan. Ini maksudnya saya akan cuba mengubah cara kita krisis *entertainment* kepada sistem *entertainment* itu sahaja. Itu tapi saya tidak hebahkan kepada orang ramai sebab bila kita hendak memilih orang kalau orang yang hendak kita pilih itu seperti juga saudara-saudara yang pengalaman terlalu banyak lobi pun susah juga, itu sebab saya tidak cerita. Hah itu cerita benar saya cakap EXCO Pandamaran memang terperanjatlah bila ada dalam masa 24 jam. Benar juga saya sendiri menjalankan usaha *subsection plainning*.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Tuan Speaker soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Subang Jaya ya silakan.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Soalan saya 78 (b), Siapakah yang mempunyai kuasa mutlak dalam pemilihan jawatan Datuk Bandar dan YDP PBT? Yang ini saya belum dapat terima jawapan daripada EXCO. Terima kasih.

Y.A.B DATO' MENTERI BESAR: Sebenarnya tradisi ini, saya akan jawab dalam, saya ingat EXCO tak boleh jawab sebab saya sendiri mengkaji tentang perkara ini. Dulunya pemilihan YDP dan juga Datuk Bandar melalui satu proses yang dipanggil *tradisional process*. Maksudnya dia pilih daripada pegawai-pegawai kanan kerajaan PBT untuk dilantik. Hanya berlaku beberapa perbincangan di Majlis Perbandaran Shah Alam di mana perubahan itu pernah berlaku tetapi timbul beberapa krisis hasil daripada tersebut. Saya membaca tentang perkara tersebut. Jadi oleh sebab itu kita dapati ada keadaan yang mana oleh kerana JPA mempunyai kuasa meletak pegawai-pegawainya ke setiap YDP dan Datuk Bandar, JPA mempunyai kuasa bukan kepada kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan tetapi kuasa kepada orang yang seempunya. Maksudnya kalau dia suruh orang yang seempunya tukar dia kena tukarlah. Jadi kuasa tu yang sebenarnya orang melihat kuasa pada PBT, kuasa tu kepada pegawai tersebut. Kalau disuruh pegawai tu tak tukar seperti macam Yang Berhormat Gombak Setia ada bagi saya soalan tu kalau dia tak tukar, maksudnya akibatnya ialah kepada orang tersebut bukan kepada PBT tersebut. Jadi bila menengok tradisi ini saya hantar saya minta JPA Negeri untuk berbincang dengan JPA Pusat dan akhirnya JPA Pusat walaupun tradisi tu ada, bersetuju dengan kenyataan KSN, kuasa melantik YDP dan juga Datuk Bandar adalah di tangan Menteri Besar, Dato' Menteri Besar dan juga Kerajaan Negeri. Sekarang dah *confirm* dia punya status.

TUAN SPEAKER: Permatang.

Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Tuan Speaker soalan nombor 79.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK
(PERMATANG)**

TAJUK : ASET KOMERSIAL PKNS

79. Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dikatakan menjual semua aset bangunan komersialnya.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar :-

- a) Adakah dakwaan ini benar dan apakah tujuan penjualan aset-aset komersial ini?
- b) Nyatakan aset-aset komersial yang terlibat dengan penjualan dan nilainya?
- c) Apakah kesan penjualan ini terhadap matlamat PKNS membantu pembangunan sosioekonomi Bumiputera?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dato' Speaker, perkara yang dibangkitkan oleh Permatang ini satu perkara yang sangat hangat diperbincangkan. Jadi saya ingin menyatakan perkara ini dibincangkan kerana kita ada ketelusan dari segi maklumat. Oleh sebab itu kita tahu di mana syarikat apa semua. Setiap langkah akan dipantau tapi Yang Berhormat Permatang mungkin tidak tahu jumlah aset PKNS yang terlepas dari tangan PKNS bukan RM4 bilion. Itu mesti dipersoalkan oleh Permatang umpamanya pembangunan Kota Damansara. Jumlah tanah yang diberikan kepada PKNS beratus ekar. Pembangunan yang dibuat oleh PKNS hanyalah 10% daripada tersebut tapi tidak termasuk dalam akaun PKNS sebab *accounting* PKNS hanya bila dah dapat duit baru tulis bukan dapat tanah. Ada kalanya PKNS tak bayar pun tanah tu pada kerajaan dan dibangunkan. Bila dapat duit baru dia masuk. Jadi saya nak mengubah *culture* (budaya) yang berlaku sekarang iaitu saya rekodkan semua. Saya tak nak megahlah, saudara boleh anggap saya layak melihat ini sebab saya pernah bangukan satu institusi bumiputera juga iaitu PNB lebih lewat daripada PKNS tapi jumlah pelaburan PNB sekarang berpuluh kali ganda dari PKNS sebab kita ada rekod betul. Itu sebab saya bukanlah orang anggap saya tidak meneliti tentang pembangunan bumiputera, saya sendiri yang bekerja untuk itu, tapi kita tak boleh cakap banyak kalau kita tak buat betul, yang ini kita buat tak betul. Itu sebab saya kumpulkan saya bila pegawai tu kata kumpulkan harta-harta ni supaya kita masukkan di bawah satu syarikat, saya setuju sebab dengan ada itu kita boleh pantau ke mana harta itu pergi. Sekarang belum sempat harta tu dimasukkan dah bergaduh sebab tradisi dulu, tradisi dulu bila dah masuk dalam syarikat tu ada hantu yang nak saham tu adapun harta tersebut. Itu tradisi dulu, tradisi sekarang tak ada. Tradisi sekarang *very transparent, very reformist*,

jadi saudara ingatlah tak ada. Saudara tengok, itu sebab saya biarkan, ada perbincangan supaya semua pandai, besok saudara akaun PKNS saudara *check*, mana, siapa yang dapat, apa yang dapat. Sekarang baru ada, dulu tak ada. Jadi kita bumiputera megah sebab kita dibagi RM100 juta kita naikkan keuntungan atau modal jadi RM1 bilion. Ini dibagi RM100 juta, tinggal RM10 juta, ha ini tak boleh.

Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ya, sila.

Y.B. TUAN HAJI SULAIMAN BIN HAJI ABDUL RAZAK: Soalan tambahan. Menteri Besar boleh kata saya tak faham, tapi Menteri Besar tak tengok soalan saya. Soalan saya *is very focus*. Soalan saya kata 'Apakah aset komersial bangunan PKNS akan dijual', itu soalan saya bukan mengenai projek mana-mana soal pembangunan tanah, itu bukan soalan saya. Soalan saya ialah apakah aset termasuk SACC, bangunan PKNS Shah Alam, bangunan PKNS Petaling Jaya, PKNS Bangi dan sebagainya. Sama ada semalam Kuang bangkitkan mengenai aset ini akan dipindahkan di bawah sebuah syarikat bernama PREC, itu sepatutnya yang dijawab, yang saya minta jawapan dan yang kedua saya nak bertanya kalau ya jawapannya, apakah syarikat yang akan menerima aset ini perlu membayar kepada PKNS sama ada melalui pinjaman dan sebagainya. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Sebenarnya itulah bentuk-bentuk penyusunan semula struktur organisasi, dia masukkan dalam itu. Jadi aset tu akan dimasukkan dalam syarikat itu. Kalau kita jual syarikat daripada Perbadanan ke syarikat yang milikan penuh, maknanya dia bukan jual kepada orang lain, dia jual ke dalam kumpulan dan kalau saudara belajar dalam perakaunan, bila dia dimasukkan dalam *consolidated account* (akaun yang disatukan) tak ada penjualan, tak ada penjualan, aset tu sama. Jadi kedua saudara akan bertanya tentang siapa yang akan apabila kita ada aset kita tak gunakan aset tersebut, maknanya kita tidak pandai mengurus aset. Jadi jawapan saya, dia masukkan ke dalam tersebut dia gunakan aset tersebut. Ada yang orang belajar tentang perakaunan, *is called leverage*. *Leverage* itu maknanya kalau dia ada aset RM500 juta kalau dia hendak membangunkan aset lain, menggunakan aset tersebut dapat RM100 juta ke dan dia akan kembangkan aset daripada RM500 juta ke RM700 juta. Itu memang biasa dilakukan, bukan sahaja di syarikat PKNS, kalau saudara berminat GLC di bawah *Ministry of Finance Incorporated* pun buat tapi ada kalanya betul, ada kalanya salah. Nampaknya sebagai contoh saudara kalau nak melihat bagaimana di *leverage* Malaysian Airlines dengan Air Asia. Jadi kahwin tu tak jadi pula, itu *leveraging* dipanggil, bukan satu perkara yang aneh dalam penyusunan semula aset-aset ini yang bagus di sana ialah Penasihatnya dapat berjuta-juta ringgit, yang tak bagusnya di peringkat PKNS tak dapat apa-apa. Itu sahaja. Jadi jawapannya kalau Kuang berminat, kalau Permatang berminat, itu sebab saya suruh Pengurus

Besar dan juga Timbalan Pengurus Besar memberi *briefing* kepada sesiapa pun sebab kita *very transparent organisation*. Saya tak campur sebab saya hanya tengok *structure*, kalau dia buat tak betul saya kata tak betul, kalau betul, dia, sebab dia dibayar gaji untuk menjalankan tugas. Kalau mereka tak pandai, tukar. Kalau mereka menyeleweng, tukar. Tapi, jadi saya jawab itu caranya. Jadi serupa juga kalau tak bagus saudara tunjukkan cara yang bagus..ah? ah?..itu tak boleh la.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Ya, Kajang.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih Tuan Speaker. Kita nampak contoh PKNS ini sebagai satu contoh di mana penglibatan anak syarikat kerajaan ataupun pihak kerajaan penglibatannya dalam pihak swasta dan ikut pandangan kebanyakan orang sedunia ni memang kita dapati di *business government shouldn't be in the business*. Jadi ini dengan izin ya bermaksud kerajaan harus mentadbir bukan terlibat dengan ini dan Kajang ingin bertanya sama ada pelepasan harta tanah dan sebagainya merupakan satu proses transformasi PKNS, anak syarikat melepaskan penglibatannya dalam sektor swasta. Terima kasih.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih, satu ialah Dato' Speaker tentang jawapan *the philosophy of management*. Sebenarnya *ultimate philosophy* Al-Ghazali menyatakan kalau kerajaan yang adil, dia tidak mencampuri perjalanan perniagaan. Jadi itu *philosophy* tetapi *philosophy* itu tidak dapat dilaksanakan *ultimate* sebagai contoh antara negara-negara yang berjaya ialah Singapura. Singapura pun juga dia ada *government*, dia juga ada *business government in business*. Contohnya Temasek Holdings dan itu saya nak bagi contoh jadi maknanya tak mestinya kerajaan tidak mencampuri *business* tapi apabila dia menjalankan *business* dia menjalankan dengan cara yang terbaik dan kompetitif. Itu yang paling penting. Jadi dia ada beza apabila jadi kerajaan apabila buat *business*, dia ada beza, *there must be a separation*. Kedua yang saya rasa penting saya nak ingatkan ialah apabila kita buat *business*, bukan *business* secara apa yang dipanggil '*sleeping partner*'. Tak boleh, itu yang saya tidak hendak lakukan. Tradisi PKNS dan beberapa syarikat GLC di yang lepas, ialah dia jadi *joint venture*, yang buat kerja swasta, yang dapat untung sedikit ialah PKNS. Saya bagi beberapa contoh; PKNS lebih awal dan lebih kaya daripada Sunway, lebih kaya daripada SP Setia. Ada dua. Apa jadi? Nilai PKNS, kita nilai pun Yang Berhormat Bukit Antarabangsa paling banyak RM4 bilion. Nilai Sunway melebihi RM20 bilion. Jadi apa yang kita belajar daripada di sini? Kita kena buat, bukan suruh orang lain buat, *that's the lesson that we learnt*. Itu sebab saya nak ubah tradisi PKNS. Buat. Kalau tak betul pun belajar sampai buat dan insya-Allah kalau dibuat secara begitu, dia akan bangunkan PKNS sama tarafnya dengan Temasek. Itu bukan hari ini.....

TUAN SPEAKER: Ia, masa telah sampai. Sungai Burung.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Tuan Speaker, soalan 80.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS
(SUNGAI BURONG)**

TAJUK: PERUMAHAN

80. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar;

- a) Apakah Dasar Kerajaan Negeri Selangor untuk menyediakan perumahan kepada golongan berpendapatan rendah dan sederhana?
- b) Siapakah agensi yang dipertanggungjawabkan melaksanakan tanggungjawab tersebut?
- c) Berapakah jumlah rumah yang telah dibina dari tahun 2008 sehingga 2011 untuk golongan tersebut?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Terima kasih kepada Sungai Burung. Yang Berhormat Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Untuk menjawab soalan tersebut, Dasar Perumahan Kerajaan Negeri iaitu untuk kita menyediakan perumahan yang secukupnya untuk rakyat berpendapatan rendah dan sederhana ianya adalah gandingan di antara Kerajaan Negeri dan juga swasta, di mana di bawah Kerajaan Negeri kita ada anak-anak syarikat yang masih membina rumah-rumah untuk mereka berpendapatan sederhana dan di bawah dan seperti mana Ahli-ahli Yang Berhormat ketahui bahawa terdapat suatu peraturan di mana pemaju swasta apabila mempunyai tanah yang melebihi 10 ekar terpaksa membina 20 peratus rumah kos rendah, 20 peratus rumah kos sederhana rendah dan 10 peratus rumah kos sederhana. Di mana rumah kos rendah kita semua maklum RM42,000.00 ke bawah, rumah kos sederhana rendah RM72,000.00 dan rumah kos sederhana RM100,000.00 dan bagi kawasan-kawasan Majlis Daerah dan di luar kawasan-kawasan Majlis Daerah peraturan ini adalah 20 peratus rumah kos rendah, 10 peratus rumah kos sederhana rendah dan 10 peratus rumah kos sederhana. Dan di bawah Kerajaan Pakatan Rakyat penambahbaikannya adalah kita membenarkan pemaju-pemaju membina rumah kos rendah di kawasan-kawasan di mana tidak ada permintaan untuk kos rendah sebab sekarang ini kita ada beratus-ratus akan rumah kos rendah yang tidak dapat dipenuhi kerana ianya di bina di kawasan-kawasan yang tidak ada orang nak beli dan kita lihat bahawa di kawasan-kawasan tersebut ianya menjadi usang dan mendatangkan masalah kepada masyarakat. Itu sebab apa yang kita lakukan adalah kita tambah baik akan peraturan ini yang saya akui daripada kerajaan yang lepas bahawa kita bagi peluang kepada pemaju untuk membina rumah kos sederhana ataupun rumah mampu milik di mana tidak ada permintaan untuk rumah kos rendah.

Tentang jumlah yang telah disiapkan perkara ini telah dipertikaikan oleh Taman Templer semalam dan saya memberi secara kasar akan jumlah yang telah kita bina sebab saya akan jawab dalam penggulungan. Kita mempertahankan akan angka yang telah kita siarkan di dalam Akhbar bertarikh 30 hari bulan Oktober 2012 di mana angka tersebut adalah rumah kos rendah lebih daripada 6,500 telah siap dan rumah kos sederhana adalah 3,925. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Batang Kali,

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Tambahan.

TUAN SPEAKER: Baik, Sungai Burung.

Y.B. DATO' MOHD SHAMSUDIN BIN LIAS: Selain daripada mengatasi masalah perumahan ini kita tahu semasa Kerajaan Barisan Nasional memerintah Selangor dahulu, setinggan telah berjaya diselesaikan pada tahun 2005. Tapi hari ini kita lihat bahawa setinggan-setinggan baru telah muncul dan soalan saya ialah apakah kajian telah dibuat untuk pasti setinggan-setinggan baru, kelompok-kelompok baru yang wujud dan kedua adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk menyelesaikan masalah atau menempatkan semula setinggan-setinggan ini di bawah 'Program Khusus Pembersihan Setinggan'.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: Terima kasih kepada Yang Berhormat. Kita tidak mengambil pendekatan setinggan sifar di mana kita dengan izin *bulldoze* semua setinggan-setinggan tersebut tetapi setelah Mac 2008, kita mengambil ketetapan bahawa setinggan-setinggan ataupun lebih elok kita panggil peneroka bandar-peneroka bandar ini, kita mahukan mereka mendapat satu penyelesaian yang baik jadi kita mengadakan perbincangan dengan mereka tetapi peneroka-peneroka bandar, penempatan-penempatan baru tidak boleh mereka buka atau pun mereka buat penempatan-penempatan baru dan ini adalah arahan tegas kepada Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah bahawa tidak boleh ada penempatan-penempatan baru.

Tentang penyelesaian, memang kita ada penyelesaian. Di antara penyelesaiannya adalah seperti mana yang berlaku di Klang di Kampung Sungai Sirih, Kampung Sungai Sirih Tambahan dan juga di Desa Seroja, di Kajang di mana kita punya penyelesaiannya adalah kita memberi milik tanah kepada mereka yang duduk di atas tanah kerajaan. Kita tidaklah seperti mana di Kampung Sungai Sirih, Sungai Sirih Tambahan kawasan yang di tengah, yang kawasan yang *prime* juga, kalau kerajaan negeri nak buat, nak buat keuntungan boleh kita berikan kepada pemaju swasta dan dibangunkan dan mereka ini dipindahkan kepada rumah kos rendah seperti mana yang dilakukan oleh kerajaan dahulu. Tetapi sekarang ini kita tidak, kita berikan mereka tanah, kita berikan mereka untuk mereka duduk di sana. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Batang Kali.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Speaker, esok hari Jumaat, lusa hari Sabtu. Soalan saya No. 81.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM
(BATANG KALI)**

TAJUK: TANAH YAYASAN BASMI KEMISKINAN (YBK)

81. Mahkamah memutuskan bahawa tindakan kerajaan negeri melucutkan tanah milik YBK di Serendah dan memulangkan bayaran cukai sebagai tidak sah dan terbatal.

Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Apakah Kerajaan Negeri tidak mendapat nasihat perundangan ketika melakukan tindakan perlucutan dan pemulangan cukai terdahulu?
- b) Apakah Kerajaan Negeri bercadang untuk mempertimbangkan projek UiTM di Serendah?
- c) Apakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu golongan miskin melalui NGO-NGO?

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Terima kasih. Dato' Speaker. Batang Kali bertanyakan tentang tanah Yayasan Basmi Kemiskinan yang masih lagi dalam mahkamah untuk dibicarakan oleh sebab itu jawapan saya sedikit teknikal sebab dia bertanya tentang nasihat perundangan jadi jawapan saya ialah iaitu Pentadbir Tanah Hulu Selangor telah mengambil tindakan berdasarkan peruntukan dalam undang-undang yang sedia ada, terutama Kanun Tanah Negara akibat Y.B.K gagal selama bertahun-tahun menjelaskan cukai tanah tertunggak. Bagaimanapun situasi yang melibatkan tanah YBK ini membangkitkan isu undang-undang baru terutama tafsiran peruntukan Kanun Tanah Negara yang relevan kepada fakta kes-kes tersebut. Isu-isu undang-undang ini tak pernah diputuskan oleh mahkamah di Malaysia. Satu rayuan telah difailkan di Mahkamah Rayuan dan alasan-alasan penghakiman bertulis Mahkamah Tinggi akan dilakukan *this is the test case*. Antara isu-isu undang-undang yang dirujuk sama ada pihak yang tidak diperuntukkan dalam Seksyen 98 Kanun Tanah Negara boleh membayar cukai tanah tertunggak.

Kedua, sama ada mesti ada pematuhan ketat kepada syarat-syarat pembayaran dalam Notis 6A. Sama ada pengendosan wajib Seksyen 97 Kanun Tanah Negara perlu dilakukan ke atas hartanah dengan cara serta merta. Sama ada tiga (3) bulan yang dinyatakan dalam Notis 6A hanya bermula selepas pengetahuan wajib Seksyen 97 Kanun Tanah Negara dilakukan dalam - tersebut. Saya mengambil minat dalam

perkara ini sebab bukan sahaja Yayasan Basmi Kemiskinan yang melakukan perkara ini tetapi berpuluh-puluh pemilik tanah yang melakukan perkara ini termasuk juga syarikat di bawah Kerajaan Negeri yang lupa membayar cukai, bukan 1 tahun, 2 tahun tetapi 10 tahun. Jadi jawapan saya, itu sebab saya bawa kes ini ke mahkamah untuk dijadikan *test case* sebab kalau kita tidak selesai perkara ini interpretasi Kanun Tanah Negara tidak akan boleh ditadbirkan oleh pegawai tanah kita dengan baik.

Kedua, kita menggalakkan pembangunan di Negeri Selangor. Saya tiap-tiap minggu dalam EXCO Negeri kita meluluskan perancangan dan pembelian pemilikan tanah dengan cara yang betul kepada peminta-peminta. Jadi kita boleh nyatakan berapa yang kita luluskan sejak 4 tahun yang lepas. Semuanya kita lakukan dan kita menggalakkan pembangunan tetapi ianya mesti dilakukan dengan cara yang betul, jadi kalau tidak betul, kita tidak lakukan dan kita tidak bezakan antara lain *there is no discrimination* kalau ada *discrimination* sudah tentu perkara ini akan di bawa ke SELCAT untuk dibincangkan kepada ramai. Jadi oleh sebab itu kita harus berjaga-jaga.

Kemudian adakah inisiatif Kerajaan Negeri untuk membantu golongan miskin. Perjuangan saya dalam reformasi ialah menolong orang miskin, tak payah saya tolong orang kaya, itu sebab dalam merakyatkan ekonomi Selangor saya menentukan pertolongan kita ialah kepada keluarga yang, kita tumpukan keluarga yang pendapatannya RM1,500.00 dan ke bawah dan kalau kita berjaya dalam usaha pembangunan kita, tak ada lagi keluarga dalam negeri Selangor ini yang mempunyai pendapatan di bawah RM2,500.00 maknanya perancangan ekonomi negeri Selangor ini akan berjaya, itu tugas saya. Tujuan saya merancang belanjawan, menentukan pentadbiran supaya Selangor ini kalau dia berjaya terdapat satu kumpulan *middle class* yang besar dan juga tak ada rakyat yang tidak mempunyai pendapatan keluarga di bawah RM2,500.00.

TUAN SPEAKER: Meru. Sila Meru.

Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN: Soalan No. 82.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN DR. ABD. RANI BIN OSMAN
(MERU)**

TAJUK: PREMIS MPK DIJADIKAN PREMIS PERNIAGAAN

82. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Berapakah jumlah rumah di perumahan awam dijadikan premis perniagaan terutama warga asing di kawasan Dun Meru?
- b) Senaraikan semua rumah yang dijadikan premis perniagaan tersebut?
- c) Apakah tindakan yang dilakukan oleh MPK berpandukan akta dan undang-undang sedia ada. Berapa keskah yang dibawa ke pengadilan atau mahkamah?

TUAN SPEAKER: Pandamaran.

Y.B. TUAN LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, soalan Meru adalah berkenaan dengan premis MPK dijadikan premis perniagaan. Jumlah rumah di perumahan awam yang disalah guna menjadi premis perniagaan dan dikendalikan oleh warga asing di kawasan DUN Meru adalah sebanyak 13 buah premis di mana pemilik rumah iaitu warga tempatan menyewakan rumah atau menggaji warga-warga asing untuk mengendalikan perniagaan tersebut. Tindakan penguatkuasaan telah diambil berpandukan undang-undang kecil pelesenan, trek perniagaan dan perindustrian MPK 2007 dengan mengeluarkan notis pemberitahuan dan tindakan kompaun kepada peniaga-peniaga yang menjalankan perniagaan tanpa lesen. Jabatan Bangunan MPK juga telah mengambil tindakan mahkamah kesalahan menyalahgunakan bangunan kediaman kepada perniagaan. Jumlah rumah, senarai semua rumah yang dijadikan premis perniagaan tersebut akan diadakan kepada Meru. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Telok Datok.

Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE: Soalan saya soalan 83, Tuan Speaker.

**PERTANYAAN-PERTANYAAN MULUT DARIPADA
Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE
(TELOK DATOK)**

TAJUK: RUMAH MAMPU MILIK

83. Bertanya kepada Y.A.B. Dato' Menteri Besar:

- a) Sejak Mac 2008 sehingga kini, berapakah kos rumah mampu milik yang telah dibina di Negeri Selangor?
- b) Sila senaraikan lokasi-lokasi rumah mampu milik yang telah dibina.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN A. SAMAD: Terima kasih, Teluk Datok. Sebenarnya soalan ini telah saya jawab pada hari pertama dahulu. Yang Berhormat Dato' Speaker dan Yang Berhormat-Yang Berhormat sekalian, untuk menjawab rumah mampu milik yang telah dibina ataupun sedang dibina sejak Mac 2008, yang pertama adalah di Bandar Baru Bangi iaitu sebanyak 124 unit oleh PKNS, yang kedua adalah di Sungai Long iaitu sebanyak 136 unit. Kedua-dua ini dijangka siap pada awal tahun hadapan

dan kita juga mengklasifikasikan sebagai penyelesaian peneroka bandar di Bukit Botak sebanyak 1,442 unit sebagai rumah mampu milik kerana harganya adalah di bawah RM100,000.00. Terima kasih.

Y.B. TUAN PHILLIP TAN CHOON SWEE: Soalan tambahan.

TUAN SPEAKER: Waktu pertanyaan sudah tamat. Waktu pertanyaan sudah tamat. Urusan seterusnya.

IV. RANG UNDANG-UNDANG

SETIAUSAHA DEWAN: Aturan mesyuarat seterusnya sambungan Rang Undang-Undang (2013) (2012) semua peringkat.

TUAN SPEAKER: Ya, Yang Berhormat sekalian, sebelum saya meminta pihak kerajaan untuk menggulungkan perbahasan ke atas Rang Undang-Undang Perbekalan, sukacita saya ingatkan bahawa hari ini adalah untuk kerajaan menjawab dan seboleh-bolehnya Rang Undang-Undang ini diluluskan untuk bacaan kedua, seboleh-bolehnya kerana hari esok kita cuma ada satu jam sahaja sebelum kita, Dewan ini meluluskan Rang Undang-Undang tersebut sebelum pukul 12.00 tengah hari. Baik silakan.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM: Tuan Speaker dan juga Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Negeri Selangor kekal dan terus menjadi penyumbang terbesar kepada KDNK Malaysia melebihi 20%. Sumbangan yang besar berbanding dengan negeri yang lain di Malaysia membuktikan status negeri maju yang dicapai sebelum ini, akan diteruskan dengan prestasi ini yang lebih baik 2012. Pertumbuhan KDNK Negeri Selangor dalam keseluruhan 2012 adalah diunjurkan pada 6.1 % berbanding dengan pertumbuhan 6 % pada tahun 2011. Sektor Perkhidmatan dianggarkan menyumbang 58% kepada KDNK negeri pada tahun ini dan mengalami pertumbuhan sebanyak 4.5%. Sektor kecil utiliti pengangkutan dan penyimpanan, komunikasi merupakan penyumbang terbesar dari segi nilai yang ditambah dengan mengalami nilai yang ditambah sebanyak 5.2 %. Sektor kecil kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan merupakan penyumbang kedua terbesar dari segi nilai yang ditambah dan sektor ini dianggarkan mengalami pertumbuhan 4.2 % pada tahun ini.

Sektor kecil perkhidmatan lain dianggarkan mengalami pertumbuhan 4.3% Puan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat secara keseluruhan nilai ditambah sektor perindustrian dianggarkan menyumbang 39.9% kepada KDNK Selangor pada tahun ini dan merupakan penyumbang kedua terbesar pecahan pendapatan negeri. Sektor pembuatan ini diunjukkan mengalami peningkatan ditambah sebanyak 5.6% yang di sumbang dan peningkatan 4.1% nilai ditambah sektor.

Industri pembuatan berorientasikan domestik dijangka berkembang seiring sentimen pengguna dan perniagaan yang baik dengan *subsector elektronik* dan elektrik dijangka meningkat dengan permintaan kelengkapan elektronik *semi conductor*. Peningkatan permintaan baru dan sumber seperti *product petroleum*, kimia dan *plastic*. Serta peningkatan pendapatan boleh guna terutama industri kelengkapan pengangkutan dijangka menyokong pertumbuhan sektor pembuatan terus meningkat.

Ahli-ahli Yang Berhormat. Di sini saya ingin memberitahu kepada Ahli-ahli Yang Berhormat tentang prestasi sektor pelaburan bagi tahun 2008 sehingga Ogos 2012. Sejak Pakatan Rakyat memegang teraju Kerajaan Negeri Selangor kami selalu dituduh oleh Pihak Pembangkang Dewan ini bahawa saham di Negeri Selangor telah pun jatuh. Di sini mengikut statistik daripada MIDA dari tahun 2008 sehingga Ogos 2012 yang mana pelaburan Prestasi Negeri Selangor amatlah cemerlang dan mencatatkan pelaburan yang tertinggi sebanyak RM44.917 bilion daripada 1,338 daripada projek yang diluluskan iaitu sebanyak 20%. Daripada jumlah pelaburan yang diluluskan di seluruh negara di Malaysia. Sebanyak RM20.856 bilion adalah daripada pelaburan tempatan dan sebanyak RM20.061 bilion adalah daripada pelaburan asing. Sebanyak 114,978 potensi peluang pekerjaan diwujudkan. Ini diikuti dengan Sarawak RM40.653 bilion dengan 170 projek dan Pulau Pinang sebanyak RM30.383 bilion daripada 564 projek. Dari segi status projek pula sebanyak 863 dalam tempoh 2008 sehingga Ogos 2012 adalah projek baru. Dengan nilai pelaburan sebanyak RM22.386 bilion dan sebanyak RM22.531 bilion adalah dari 475 projek pembesaran dan perkembangan pelaburan.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bari tempoh Januari hingga Ogos tahun ini sebanyak 170 projek perkilangan telah diluluskan di Negeri Selangor dengan nilai pelaburan bernilai RM6.903 bilion daripada jumlah keseluruhan pelaburan yang diluluskan di Malaysia iaitu sebanyak RM29.786 bilion sebanyak RM6.903 bilion iaitu 23.18 % ini daripada modal pelaburan yang diluluskan MIDA Malaysia di Negeri Selangor. Selangor mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi antara negeri-negeri lain dengan RM6.903 bilion diikuti dengan Sabah yang mencatatkan jumlah pelaburan sebanyak RM4.84 bilion daripada 22 projek dan Sarawak sebanyak RM4.635 bilion daripada 20 projek yang diluluskan. Daripada jumlah pelaburan diluluskan di Negeri Selangor sebanyak RM5.237 bilion adalah daripada pelabur tempatan dan sebanyak RM1.665 bilion adalah daripada pelaburan asing. Sebanyak 14,630 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan. Dari segi status projek yang diluluskan sebanyak 100 dan 1 projek merupakan projek baru dengan nilai pelaburan sebanyak RM4.112 bilion iaitu 60% dan sebanyak 69 projek, merupakan projek penambahan atau perkembangan pelaburan dengan nilai pelaburan berjumlah RM2.792 bilion iaitu 40%. Daripada jumlah ini menunjukkan bahawa pelabur tempatan memainkan peranan penting dalam meningkatkan prestasi pelaburan di Selangor masih berkeyakinan dengan senario

dengan pelaburan semasa dan dasar pelaburan yang berkonsepkan mesra pelabur yang diamalkan oleh Kerajaan Pakatan Rakyat.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, industri pembuatan barangan kelengkapan kenderaan mencatatkan jumlah pelaburan tertinggi dengan pelaburan RM2.762 bilion daripada 29 projek. Ini diikuti industri pembuatan makanan sebanyak RM1.002 bilion daripada 14 projek dan industri pembuatan barangan logam, asas sebanyak RM729 juta daripada 12 projek yang diluluskan. Dari segi peluang pekerjaan yang ditunjukkan pembuatan barangan kelengkapan kenderaan mencatatkan potensi peluang pekerjaan yang tinggi iaitu sebanyak 4,049 peluang pekerjaan diikuti industri buatan mesin dan peralatan sebanyak 1,603 potensi peluang pekerjaan dan industri pembuatan makanan 1,136 potensi peluang pekerjaan.

Pelabur dari Switzerland merupakan pelabur utama dan nilai pelaburan bernilai RM257 juta dengan 2 projek diikuti pelabur daripada Singapura sebanyak RM237 juta dengan 13 projek dan pelabur daripada Thailand sebanyak RM226 juta dengan 5 projek. Daerah Hulu Selangor mencatatkan jumlah pelaburan yang tertinggi dengan nilai pelaburan RM2.129 bilion dengan 3 projek. Ini diikuti daerah Petaling dengan RM952 juta dengan 38 projek dan diikuti dengan daerah Klang dengan RM840 juta daripada 19 projek. Bagi tempoh Januari sehingga Ogos 2012 sebanyak 119 telah diluluskan dengan nilai pelaburan berjumlah RM2.984 bilion.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE B. ABU BAKAR: Tuan Speaker, Timbalan Speaker, boleh dapat maklumat projek-projek dilaburkan di Switzerland, apakah projek-projek yang dibina atau diwujudkan di Negeri Selangor.

Y.B. PUAN TERESA KOK SOH SIM: Terima kasih Bangi. Sebenarnya saya tidak ada maklumat. Sebenarnya saya selalunya saya tanya MIDA mereka bagi projek yang diluluskan ini mereka pelaburan yang sebenar belum masuk lagi mereka juga tidak begitu suka mengemukakan sebenar nama syarikat dan juga jenis pelaburan. Jadi apa yang dibekalkan MIDA kepada Kerajaan Negeri syarikat dan juga jumlah nilai pelaburan.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE B. ABU BAKAR: Timbalan Speaker, takkan tak tahu langsung dah banyak negeri yang menanam modal daripada Switzerland hingga Singapura, Thailand dan sebagainya penanaman modal buat semikonduktor ke ataupun kenderaan dan sebagainya.

Y.B. PUAN TERESA KOK SOH SIM: Jika Yang Berhormat Bangi perlukan saya boleh beri maklumat secara tulis kerana ini adalah dasar daripada MIDA yang mana mereka kata sesetengah syarikat mereka masuk di Negeri Selangor tidak mahu diheboh-hebohkan kerana mereka juga dipelawa oleh Kerajaan di luar di Singapura, Thailand

dan sebagainya. Jadi selalunya mereka bersetuju untuk melabur mereka buat senyap-senyap keseluruhan siap baru syarikat umumkan. Ini adalah dasar.

Y.B TUAN DR. SHAFIE B. ABU BAKAR: Puan Timbalan Speaker, takkan kita secara senyap-senyap jahil daripada apa yang hendak dilabur....

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Dia dah diberitahu akan bekalkan secara bertulis.

Y.B TUAN DR. SHAFIE B. ABU BAKAR: Terima kasih.

Y.B PUAN TERESA KOK SUH SIM: Yang Berhormat berminat untuk Switzerland kan. Boleh, boleh saya akan bincang dengan Pihak SSIC secara bertulis kepada Yang Berhormat. Di sini Puan Timbalan Speaker. Daripada jumlah Ini RM2.309 bilion adalah pada pelaburan tempatan dan sebanyak RM674 juta daripada pelaburan asing sebanyak 11,188 potensi peluang pekerjaan telah diwujudkan.

Puan Timbalan Speaker Ahli-Ahli Yang Berhormat, berkenaan dengan langkah meningkatkan pertumbuhan sektor pelaburan terutamanya dalam sektor perkhidmatan daripada usaha yang kita adakan ialah kita letakkan tiga matlamat utama untuk dicapai pihak Kerajaan Negeri. Iaitu:

1. Meningkatkan nilai pelaburan Negeri Selangor. Di samping menjadikan Selangor pusat pelaburan Perindustrian dan yang *condusive* dan *strategic*.
2. Menggalakkan pertumbuhan industri baru dan berteknologi tinggi seperti *technology industry* macam solar, *renewable energy education* dan sebagainya.
3. Menggalakkan pertumbuhan sektor perkhidmatan diikuti dengan izin *regional establicement, operation headquarter, international procument centre, regional distribution centre, regional representative officers, global operation hub*.

Dari segi *surport services* kita juga letakkan *renewable energy integrated logistic services, international intergrated logistic services, research and development* dan *intergrated market services* dan kita juga menggalakkan *embassy status company real estate housing company, financial real tourism, education services health services*.

Timbalan Speaker dan Ahli-Ahli Yang Berhormat saya juga ingin mengambil kesempatan untuk memberitahu tentang dasar menggalakkan pertumbuhan industri berdasarkan teknologi hijau kepada Ahli-ahli yang terhormat.

Kerajaan Pusat telah memperkenalkan pelbagai insentif fizikal syarikat-syarikat yang menjana elektrik daripada sumber tenaga boleh diperbaharui ataupun *renewable energy* dan syarikat-syarikat yang mengamalkan aktiviti penjimatan tenaga ataupun

energy efficiency di mana mereka tidak diberi pengecualian, cukai pelaburan atas pun *investment tax allowance*, *apprentice* ataupun *premier* status. Syarikat-syarikat ini boleh memohon untuk mendapatkan pengecualian duti import dan cukai jualan tempoh setahun dan mesin peralatan material dan alat ganti import digunakan secara terus penjanaaan elektrik daripada *renewable energy* dan aktiviti *energy efficiency*. Insentif-insentif ini tambah baik di bawah *budget* 2012 di mana pengecualian diberikan kepada :

1. Duti import dan cukai jualan untuk peralatan sistem solar untuk kegunaan pihak ketiga diberi kepada pihak pengimport termasuk penyedia perkhidmatan foto, *prototype* yang diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga.
2. Pengecualian cukai jualan untuk pembelian peralatan sistem pemanas solar daripada pengilang tempatan.
3. Pengecualian duti import dan cukai jualan diberi ke atas peralatan *Energy Efficiency* seperti motor cekap tenaga dan bahan penebat diberi kepada pengimport termasuk agen yang diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga.
4. Pengecualian cukai jualan diberi kepada pembelian elektrik dan elektronik *consumer goods* dengan izin yang diluluskan oleh Suruhanjaya Tenaga seperti bahan penebat peti sejuk, barang elektrik, suis lampu, *fluorescent* lampu dan penghawa dingin.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Timbalan Tuan Speaker sekali lagi, Bangi , boleh beri ruang untuk Bangi

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Sebentar, sebentar.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Ya. Di Bangi ada pejabat utamalah dari segi Tenaga Hijau ini ah! Setakat ini apakah produk yang dapat dikeluarkan yang dapat dimanfaatkan oleh sama ada kilang-kilang atau pun rumah-rumah persendirian dari segi penggunaan tenaga hijau.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM: Terima kasih Yang Berhormat ialah apa manfaatnya ialah boleh dinikmati oleh mereka yang gunakan tenaga hijau.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Maksud saya di Bangi tu, itu ertinya satu, satu kilang yang mengeluarkan bahan-bahan untuk penggunaan tenaga hijau. Tapi, walau pun di Bangi kami tak tahu apa dia keluarkan alat-alat atau pun apa dia ni yang boleh kita dapat manfaatkan untuk kegunaan sama ada untuk industri atau pun domestik perumahan. Terima kasih.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM: Terima kasih Yang Berhormat Bangi. Saya ah! Mungkin kita pilih minggu depan Yang Berhormat Bangi dengan saya kita pergi

melawat ah! ah! kilang tersebut dan kita boleh cuba jadikan kita lebih mesra dengan pelabur dan kita boleh dapat lebih maklumat dengan cara inilah. Yang sebenarnya lawatan, lawatan kilang adalah sesuatu perkara yang selalu dilakukan oleh pihak SSIC dan juga setiap bulan kita juga ada ah!, kita ada satu macam, kita pilih satu pelabur dari satu negara macam Jepun, kita akan adakan satu *tea reception* dengan pelabur-pelabur dari Jepun dan daripada sana mereka, kita akan tahu lebih tentang cadangan pelaburan mereka dan juga tentang bisnes mereka dan juga masalah yang mereka hadapi. Jadi, kerana di Bangi dan Kajang terdapatnya memang banyak kilang tau. Jadi, yang kilang Yang Berhormat minat itu mungkin kita boleh pergi bersama. Okey. Yang Berhormat Timbalan Speaker, saya akan akhirkkan ucapan penggulungan saya di sini saya hanya ah! ingin memberi tahu Dewan tentang juga pengelasan Industri Teknologi Hijau seperti berikut:

1. Sektor, daripada sektor tenaga. Sektor bekalan tenaga, aplikasi teknologi hijau dalam penjanaan tenaga dan pengurusan bekalan tenaga termasuk penjanaan bersama atau pun *co-generation* di sektor industri dan komersil.
2. Sektor penggunaan tenaga aplikasi teknologi hijau dan semua sektor penggunaan tenaga dan dalam program pengurusan permintaan tenaga. Dari segi sektor bangunan, kita akan menerima pakai teknologi hijau dalam pembinaan pengurusan pemuliharaan dan pemusnahan bangunan.
3. Sektor air dan pengurusan sisa. Kita menerima pakai teknologi hijau dalam pengurusan dan penggunaan sumber air, rawatan kumbahan, sisa pepejal dan kawasan pelupusan sampah, dan akhirnya ialah
4. Sektor pengangkutan memasukkan elemen teknologi hijau dalam prasarana.....

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Bangi, bangun sekali lagi untuk mendapat maklumat.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM: Nanti, bagi, bagi saya siapkan ini, prasarana pengangkutan dan kenderaan khususnya bio bahan api dan pengangkutan jalan awam. Kesemua ini, sumber, maklumat ini kita boleh dapat daripada Kementerian Teknologi Hijau dan Air. Okey.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Ah! Puan Timbalan Speaker. Di Bangi juga ada satu kompleks dinamakan Genom, G E N O M untuk *research*. Kami pun tak tahu juga, walau pun begitu besar apa dia bangunan untuk *research* ini. Dia *research* tentang apa. Inovasi ke, apa ke. Bangunan yang terletak di antara pekan Bangi ke

Bandar Baru Bangi. Satu bangunan yang hebat besar di bawah apa dia ni bahagian Tenaga dan Air.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM: Terima kasih Bangi. Yang soalan Bangi itu memang amat spesifik sekali. Di Negeri Selangor kita ada beratus ribu kilang tau. Di Bangi juga saya ingat tak kurang daripada 10,000 kilang. Kalau tanya macam ini saya *off hand* memang tak, tak dapat beri apa-apa maklumat. Jadi, itu sebabnya saya cadangkan Yang Berhormat Bangi senaraikan syarikat yang, Yang Berhormat berminat, jadi kita akan buat lawatan tapak bersama dan juga bermesra dengan pelabur yang, Yang Berhormat Bangi sebutkan.

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Masalahnya, Puan Timbalan Speaker, syarikat-syarikat dan juga Jabatan Kerajaan ini bila kita tulis surat, kita ada siri melawat, bila tengok daripada ADUN Pakatan, dia semacam apa dia ni penerimaan dia tidak begitu senang. Kadang-kadang dia jawab tidak dapat terima. Oleh kerana kita bukan dari apa dia ni kerajaan pusat ya. Kita ada terima jawapan sedemikian. Kami dada satu siri melawat semua jabatan di DUN Bangi. Ada yang menerima kita dengan baik tapi ada yang tak menerima kita. Itu walau pun dua tiga kali tulis surat. Sekarang ini kita faham, umpamanya tempat latihan Jabatan Kehakiman di tepi UKM. Kita hendak tahu apa dia buat dan sebagainya. Begitu juga *institut, institut* apa dia ni, ah! Atom di jalan ke pekan Bangi. Kita tulis surat juga. Mereka tak jawab ya. Beberapa kali kita tulis surat sebab dia berada di dalam kawasan kita. Kita hendak tahu, ya, dan juga maklumat hendak beri tahu. Mereka respons begitu negatif terhadap kita walau pun adalah beberapa menerima kita macam MARRIS, dia terima baik kita melawat. Tetapi sebahagian tidak memberi respons yang baik kerana kita kerajaan Pakatan walau pun dia berada di negeri Pakatan. Terima kasih.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM: Terima kasih maklum balas Bangi. Bukan semua syarikat macam inilah. Selalunya, kalau sekiranya *SSIC Selangor State Investment Centre* kita tulis surat, mereka tahu kita adalah, kami adalah agensi yang membantu mereka sekiranya mereka menghadapi masalah. Jadi, selalunya mereka akan jumpa kamilah. Dan kadang-kadang bagi sesetengah kilang, kerana *boss* mereka di Jepun atau pun di Korea. Jadi, mengikut sistem syarikat besar seperti ini, apa-apa perkara macam ini lawatan, berjumpa dengan Wakil Rakyat, bagi mereka, ah! mereka ingin dapat kelulusan daripada pihak Ibu Pejabat Jepun beri *green light* baru mereka akan buat apa-apa perjumpaan dengan kami. Kami juga pernah menghadapi perkara macam ini. Kadang-kadang kerana kalau mereka ada protokol dalam satu syarikat, mereka mahu *manager* atau pun yang mereka yang boleh membuat keputusan yang datang untuk jumpa Wakil Rakyat atau pun mungkin wakil daripada SSIC. Kerana budak-budak bawahan di dalam syarikat atau pun kilang itu mereka tak berani buat cakap apa-apalah. Jadi, ini adalah protokol syarikat-syarikat tertentulah. Tapi, kita

masih boleh buat lawatan. Cuba buat lawatan dengan mereka sekiranya Bangi berminat.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Baik, Kota Anggerik.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Kajang, ingin minta laluan ya. Belum habis lagi kan. Terima kasih kepada EXCO yang beri laluan. Kajang ingin bertanya ah! di dalam Rancangan Tempatan Kajang, RT Kajang di mana didapati ada dihadkan hanya jenis industri-industri ringan dan bukan industri berat di dalam kawasan bawah jajahan MPKj. Dan sama ada sewaktu kerajaan menjemput pelaburan-pelaburan asing ini atau pun pelaburan domestik perkiraan diambil dari segi jenis industri yang terlibat dan kita dapati memang masih ada juga industri-industri agak berat yang masih beroperasi dalam kawasan bawah MPKj. Terima kasih.

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM: Memang di seluruh Negeri Selangor kita ada pelan struktur negeri ya! di mana kita dah meletakkan sesetengah tempat itu sebagai kawasan industri berat khususnya di kawasan di daerah Kuala Langat. Kita lihat yang banyak industri berat ya, atau pun yang agak cemas sikit terletak dekat situ dan banyak tempat kita amat prihatin tentang isu alam sekitar. Jadi selalunya, bila kalau satu syarikat masuk untuk buat dan adakan kilang mereka di sini apa yang SSIC cuba buat pada tahap permulaan ialah kita tunjukkan kepada mereka semua kawasan perindustrian di seluruh Selangor dan kita bagi, kita jemput pihak swasta atau pun GLC kita macam PKNS, PNSB yang ada tanah perindustrian. Lepas itu kita bawa mereka pergi membuat lawatan tapak. Tengok mereka suka tapak di dekat mana, jadi lepas itu mereka tetapkan. Kalau yang, yang jenis pelaburan itu adalah industri berat jadi kami selalu cadangkan di kawasan Kuala Langat atau pun beberapa kawasan tertentu telah pun dizonkan sebagai industri kawasan berat baru kami akan cadangkan kepada mereka dan selalunya kami menghendaki kesemua syarikat ini dapat kelulusan daripada Jabatan Alam Sekitar dan juga kita akan panggil PBT berkenaan, pegawai yang berkenaan untuk datang bincang tentang pelan mereka. Selepas itu baru mereka buat, selepas di lulus baru mereka akan menanamkan pelaburanlah. Jadi, ini adalah prosedur. Jadi, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Kajang mungkin ini adalah dibuat banyak tahun sebelum kami. Sebelum kami, waktu itu syarat-syarat yang dikenakan tidak begitu ketat. Dan saya juga tahu di kawasan Balakong dan juga Kajang, memang banyak kawasan industri kecil, dia diwujudkan secara sendiri tau. Mereka ah!, yang apa! SMI Operator mereka yang dapat tanah buat kilang sendiri tak ikut langsung dengan syarat-syarat yang ditetapkan oleh pihak PBT. Itu sebabnya kita ada EXCO yang cuba memutihkan kilang haram di seluruh negeri Selangor untuk diputihkan supaya kesemua kawasan yang ada banyak kilang itu kita mahu menghendaki mereka untuk mengikut kesemua syarat yang ditetapkan oleh PBT. Jadi, ini adalah luar daripada bidang kuasa saya. Ini lebih di bawah bidang kuasa PBT berkenaan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Kajang, saya perlu mengingatkan pihak EXCO sekarang menjelaskan perkara yang dibangkitkan dalam perbahasan Rang Undang-Undang Perbekalan ya. Bukan membangkitkan soalan-soalan baru. Ya! Silakan Kota Anggerik.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: *Bismillahir Rahmannir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Puan Timbalan Speaker. Terima kasih di atas sentuhan-sentuhan yang diberikan oleh Seri Serdang, Kg. Tunku mereka soal memastikan bekalan-bekalan cukup. Bukit Antarabangsa membangkitkan program hutan simpan, Bukit Tarek dan hutan simpan Sungai Panjang. Paya Jaras soal usahawan PKNS, dan Teluk Datok masalah petani-petani di kawasan Kuala Langat. Saya tertarik dengan penutupan perbahasan daripada Seri Serdang yang mengingatkan kita tentang hadis (hadis telah dibaca). Hadis ini mengingatkan kita supaya apabila kita hendak memberi amanah bersatu hendaklah kepada ahlinya. Contohnya kalau kita ada masalah sakit-sakit kita akan jumpa doktor. Sebab ahlinya ialah seorang doktor. Saya kira rakyat Negeri Selangor telah membuat satu pilihan yang tepat untuk menguruskan ekonomi Negeri Selangor, amanah ini diberi kepada Yang Amat Berhormat Ijok yang saya kira adalah yang terbaik dan menguruskan sumber ekonomi Negeri Selangor. Ini kita buktikan dengan pendekatan rizab Negeri Selangor kepada RM2.52 bilion dan Serdang cuba, Seri Serdang cuba mempersoalkan soal kewibawaan Yang Amat Berhormat Tan Sri Ijok. Tapi, saya lihat bahawa kecekapan Yang Berhormat Menteri Besar ini adalah yang terbaik yang ada di Negara ini yang sepatutnya Selangor bangga dan keupayaan Tan Sri menguruskan PNB, amanah bumiputera hari ini menjadi kebanggaan kepada rakyat Malaysia. Saya membaca buku 66 usahawan berjaya di Selangor. Saya bangga dan Tan Sri adalah nama yang tercatat di dalam buku tersebut. Jadi, amanah ini diberi kepada Tan Sri dan juga EXCO-EXCO bagi memastikan bahawa ekonomi Negeri Selangor akan terus dipacu. Berbanding, seandainya amanah ini diberi kepada pimpinan-pimpinan UMNO dan Barisan Nasional ia kata peribahasa seperti suruh serigala menjaga kambing. Hari demi hari kambing itu akan berkurangan. Atau harapkan pagar, pagar menjadi padi. Apa ini, pagar makan padi.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Ah! Timbalan Puan, Timbalan, Puan Speaker. Mohon minta laluan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Ah!, Yang Berhormat Kota Anggerik. Saya bangkitkan dalam soal manifesto ya. Manifesto. Manifesto itu tertera gambar Yang Amat Berhormat Ijok. Bermakna di sini menunjukkan bahawa Yang Amat Berhormat Ijok ini kena bertanggungjawab dalam soal manifesto. Tetapi, apa kenyataan yang dibuat oleh Yang Amat Berhormat Ijok ini mengatakan manifesto itu

bukan satu perjanjian. Di sinilah yang kami pertikaikan, kerana di mana-mana pilihanraya, yang saya sebutkan di Amerika syarikat sekali pun bahawa manifesto itu.....

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Apa soalnya Seri Serdang. Penjelasan daripada pihak Kota Anggerik apa yang Seri Serdang mahu.

Y.B. DATO' DR. HAJI MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Itulah yang saya katakan tadi ialah kerana tertera gambar. Jadi di situ yang kita pertikaikan. Kalau itu bukan satu perjanjian apa maknanya itu. Kalau macam itu pun serupa macam di Dewan Rakyat, Buku Jingga itu bukan satu perjanjian. Jadi tak boleh nak dipakai. Pilihanraya. Ah! itu saya bangkitkan di sini.

TIMBALAN PUAN SPEAKER: Terus kepada apa soalan yang hendak dibangkitkan.

Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Itu yang saya nak bangkitkan di sini.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Terima kasih Serdang. Adakah Seri Serdang sedar daripada 24 perkara yang di capaikan dalam manifesto tersebut. 21 telah pun kita laksanakan bahkan kita tambah lagi ada sebahagian daripada program-program MES yang tidak tercatat dalam manifesto telah kita laksanakan seperti program jom *shopping* pengurusan sumber bumi Selangor. Kalau kita laksanakan 21, 24 ini satu kejayaan cemerlang. Kalau masuk universiti ini dapat apa ni di *list* 21, 24 dan ini telah disahkan semalam oleh Hulu Klang. Jadi memang ada satu dua yang belum dilaksanakan tapi kita akan laksanakan.

Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Puan Speaker, Y.B. Puan Speaker, (.ya...) saya nak tanya dalam manifesto...

TIMBALAN PUAN SPEAKER: yang berkaitan sahaja.

Y.B. DATO' DR. MOHAMAD SATIM BIN DIMAN: Ya, yang manifesto tu 24, atau 33, saya sering kira tu, 33.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Saya nyatakan bahawa apa yang kita buat lebih daripada manifesto tersebut bahkan Barisan Nasional juga ada manifesto yang tak dilaksanakan dan kita akan laksanakan. Seterusnya Puan Speaker, jadi saya nyatakan tadi bahawa, saya mengambil hujung hujah ini sedar memberi amanah kepada ahlinya. Apabila amanah tidak beri kepada ahlinya maka berlakulah kalau Sri Serdang balik ke Puchong tidak rasa malu ke, tanah PKPS tak ada lagi. Soal pelantikan CEO atau Pengurus Besar, saya rasa Pengurus Besar PKPS adalah yang terbaik kita ada. Benar, PKPS daripada Guthrie tetapi bagi saya pencapaiannya sangat cemerlang dan pada 2010 PKPS menunjukkan buat pertama kalinya untung operasi.

Selama ini PKPS saya jual tanah seperti tanah PKPS di Puchong yang ADUN Sri Serdang tinggal di situ. Dan melantik ahlinya, maknanya orang yang pakar dalam bidang pertanian untuk memimpin PKPS hari ini 2,600 ekar kawasan baru kelapa sawit telah pun kita usahakan. Tapi kalau amanah ini diberi orang bukan tak tahu menguruskan ladang, saya dapati, saya melawat dalam PKPS sebelum 2008, sangat daif sekali, sedangkan orang kampung boleh hasilkan 15 tan per hektar PKPS ketika itu di bawah paras orang kampung. Pada hari ini PKPS tunjukkan sekurang-kurangnya purata antara 20 ke 21 tan per hektar telah kita tunjukkan. Apabila amanah diberi ahlinya iaitu kalau rakyat Selangor beri amanah kepada kami di Pakatan Rakyat, kita pastikan bahawa ekonomi Selangor akan kita maju.

Soalan kedua, Kg. Tunku soal pastikan cukup bekalan makanan. Ini menjadi keprihatinan kerajaan Negeri Selangor. Walaupun Selangor terus maju dengan sektor industri dan sektor perkhidmatan tetapi Kerajaan Negeri Selangor juga berhasrat untuk mereformasi sektor pertanian supaya dapat mengalami pertumbuhan yang signifikan dan sekali gus dapat membantu meningkatkan taraf hidup petani di Negeri Selangor. Seterusnya ini dapat menjamin bekalan makanan yang mencukupi dan berterusan untuk rakyat Selangor khususnya dan negara Malaysia, secara amnya. Untuk tujuan ini sektor pertanian diberi nafas baru oleh Kerajaan Negeri dengan komitmen yang lebih terancang dan bersepadu untuk mencapai tahap produktiviti dan pengeluaran bahan makanan tinggi di samping merasakan makanan yang berkualiti, selamat dan mesra alam sekitar. Program-program yang bertujuan untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan di Negeri Selangor antaranya ialah perintis, projek perintis peningkatan hasil padi. Bagi tanaman padi, Kerajaan Negeri telah melaksanakan projek perintis meningkatkan hasil padi melalui program meningkatkan hasil padi negeri Selangor di mana poli program ini Kerajaan Negeri telah meluluskan peruntukkan sebanyak 3.03 juta pada 2009. RM4.90 juta pada 2010 dan RM3.50 juta pada tahun 2011 dan pada tahun ini berjumlah 3.240 juta. Jumlah yang telah diperuntukkan di bawah projek rangsangan ekonomi Negeri Selangor 2009, 2013 ialah RM10,993,000. Projek ini bertujuan untuk pertama menjadikan projek perintis sebagai kawasan rujukan bagi para pegawai dan petani dalam usaha mempertingkatkan pengeluaran padi dari 5.1 tan per hektar semusim kepada 7.5 tan per hektar semusim menjelang 2013. Mempertingkatkan purata pendapatan pesawah pada melebihi RM1,500.00 sebulan. Kerajaan Negeri telah merancang beberapa strategi bagi meningkatkan hasil pengeluaran padi dan pendapatan petani melalui perancangan jangka pendek dan jangka panjang iaitu perancangan jangka pendek mewujudkan semula kerja-kerja menyisir dan badai, merata peringkat akhir penyediaan tanah sawah. Menambah bahan organik setiap lot sawah padi pada anggaran 2 hingga 3 tan sehektar. Mengadakan usul bersepadu di dalam kerja-kerja pembersihan kawasan semak di tepi-tepi parit dan batas bagi bertujuan menghapuskan serangan-serangan tikus. Rancangan jangka panjang Kerajaan Negeri melalui Jabatan Pertanian Negeri

Selangor telah mengambil inisiatif untuk mengeluarkan makanan agro makanan yang berkualiti dan selamat dinamakan melalui penerapan program namanya *natural farming*. Untuk pengetahuan semua Selangor adalah negeri pertama dalam usaha-usaha ini. Penggunaan kaedah ini untuk tanaman padi akan dapat menjamin keseimbangan agro ekosistem kualiti keseimbangan tanah yang kandungan bahan organik, mikro organisma dan memelihara alam sekitar di samping meningkatkan pengeluaran hasil padi. Pada masa ini..

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Puan Timbalan Speaker, kita mendengar Kota Anggerik selalu menekan tentang padi dan kelapa sawit. Pada 19 hari bulan yang lalu Isnin saya pergi ke Sabak Bernam melawat muzium pertanian, jadi di situ ada ditunjukkan tentang koko, tentang kopi. Saya tanya macam mana koko dengan kopi, sekarang sudah merosot, sudah tidak berapa ada orang Sabak Bernam tanam. Kenapa tidak ada diberi perhatian penanaman yang terkenal koko dengan kopi, ia hanya tumpu padi dengan kelapa sawit sahaja. Sayang, dulu kita Selangor terkenal dengan koko dan kopi.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Untuk makluman Bangi Kerajaan Negeri, Jabatan Pertanian bersama dengan Lembaga Koko Malaysia ada usaha-usaha untuk menanam semula koko di Negeri Selangor. Perjumpaan telah kita buat di kawasan Kg. Bukit Kerayong di Klang. Cuma saiz kawasan masih kecil sebab ramai petani-petani khususnya di kawasan Sabak Bernam telah menukar tanaman mereka daripada koko kepada kelapa sawit. Pertamanya kerana ketika itu harga koko menurun. Keduanya pengurusan kelapa sawit lebih mudah berbanding dengan koko. Jadi, bagi saya yang mana lebih menguntungkan bagi petani kita beri tumpuan tetapi untuk padi memang kawasan ini kita gazetkan kawasan padi seluas 18,000 hektar. Ini kita beri perhatian sebab jumlah petani in agak ramai. Pada masa ini tumpuan adalah terhadap penerangan dan menggalakkan *natural farming*, yang ini menarik kepada perhatian Bangi soal *natural farming*. Kita kembali kepada yang asal. Sehingga musim 2012 seramai 429 petani telah menanam padi menggunakan kaedah yang melibatkan 647 hektar. Penggunaan kaedah ini dapat mengurangkan kos sehingga 40 peratus berbanding dengan penggunaan kaedah penanaman secara konvensional dan pesawah terlibat berjaya menaikkan hasil mereka berjumlah 69 tan metrik. Saya nak nyatakan bahawa kaedah ini pertamanya dapat mengurangkan penggunaan input racun dalam sawah. Kita maklum selama ni petani-petani menggunakan baja organik, baja kimia dan juga menggunakan bahan-bahan beracun dan kaedah yang kita perkenalkan ini tidak lagi ataupun mengurangkan jumlah bahan kimia dalam sawah. Dan keduanya, kebanyakannya ia sangat menjimatkan. Kita dapati petani yang menggunakan kaedah *nature farming* ini boleh menjimatkan pendapatan hingga RM1,200.00 per hektar yang ini lebih baik daripada memberi RM500.00 dalam BRIM kalau diberi 50 tahun sekali, yang ini kita beri kepada petani RM1,000.00 ke

RM1,200.00 semusim. Malah, dalam masa setahun petani dapat pendapatan tambahan sekitar RM2,400.00. Bagi musim satu 2011 data awal menunjukkan purata hasil padi Negeri Selangor adalah 6.0 metrik tan se hektar iaitu tertinggi di Malaysia. Pada tahun 2011 jelapang padi Negeri Selangor dianggarkan mengeluarkan sebanyak 226,320 metrik tan padi atau 1,038 tan beras. Dengan itu mengambil kira penggunaan beras per kapita 79.2 kilo setahun dengan keluasan yang ada kita berjaya menghasilkan 34.8 peratus keperluan beras di Negeri Selangor. Bagi musim satu 2011 juga didapati seramai 857 orang pesawah yang terlibat dengan program ini telah meningkatkan pendapatan mereka di mana bilangan pesawah yang mendapat pendapatan antara RM1,000.00 ke RM1,500.00 ialah 533 pesawah. Bila aya turun saya, saya dapati tidak ada pesawah padi di Negeri Selangor yang menerima zakat ataupun asnaf. Maknanya usaha-usaha pertanian di sawah ini mampu mengeluarkan petani daripada kemiskinan.

Puan Speaker, seterusnya pewujudan kawasan Tanaman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) telah dapat membantu meningkatkan pengeluaran bahan agro makanan bagi mencapai matlamat ini Kerajaan Negeri telah melaksanakan beberapa langkah konstruktif seperti memberi sokongan infrastruktur, kemudahan serta perkhidmatan yang lengkap, penggunaan teknologi moden dan pengeluaran mengikut amalan pertanian baik *Good Agriculture Practices*. Rangkaian ini dapat meningkatkan produktiviti serta pengeluaran produk, agro makanan yang berkualiti dan selamat di makan. Seterusnya pemasaran hasil ladang yang dapat dibaiki dan mendapat pendapatan usahawan yang menyertai projek ini juga ditegakkan. Pada tahun 2011 Kerajaan Negeri telah berjaya menubuhkan sebanyak 12 buah tanaman kekal pengeluaran makanan dengan keluasan 1,395 hektar yang melibatkan seramai 36 usahawan dan Syarikat Swasta. TKPM Negeri Selangor telah mengeluarkan hasil sebanyak 28,914 metrik tan merangkumi sayur-sayuran, buah-buahan dengan nilai RM32 juta dan pengeluaran ini merupakan 55% daripada hasil TKPM seluruh Malaysia. Sehingga bulan Disember 2012 TKPM negeri Selangor telah mencatat pengeluaran sebanyak 18,053 metrik tan dengan nilai RM22.6 juta. Pengeluaran sayur-sayuran

Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR: Ini Bangi, bukannya sawit dan padi, sayur-sayuran, buah-buahan juga kita beri perhatian kalau boleh bagi boleh melawat ke TKPM Hulu Yam, pengeluaran sayur-sayuran yang terbaik yang ada di negeri Selangor.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Secara keseluruhan bagi tahun 2011 sebanyak 56,052 metrik tan sayur-sayuran dengan nilai RM6.33 juta telah dikeluarkan di mana ia telah menyumbangkan sebanyak 20.27% berbanding keperluan pengeluaran Negeri Selangor iaitu sebanyak RM270,500.00. Pada tahun ini pengeluaran dicatatkan sehingga Jun 2012 adalah sebanyak RM30,200.00 metrik tan dengan nilai RM32.5 juta. Manakala buah-buahan juga pengeluaran adalah RM85,257

metrik tan bernilai RM120 juta menyumbang sebanyak 18.3% berbanding keperluan penggunaan buah-buahan seterusnya di negeri Selangor ialah

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Puan Timbalan Speaker, tentang buah-buahan. Pisang semalam sebutlah buah, tentang penyakit moko itu saya cari dalam kamus *Longman*, dalam *Oxford* tak ada istilah *moko*. Istilah Dewan Bahasa lagilah tak ada. Betul ke ini istilah saintifik sebab kamus yang besar-besar pun tak ada *moko*. Macam mana?

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Saya akan beri saintifik *name* untuk jenis bakteria itu. Saya tak dapat nak sebut di sini saintifik *name* di hujung itu yang *moko*. Jadi ia ialah satu saintifik *name* untuk virus yang menyerang akal pokok pisang.

Y.B. TUAN DR SHAFIE BIN ABU BAKAR: Bermaknanya Puan Timbalan Speaker, kamus Dewan memang ketinggalan dan kamus *Inggeris* pun memang ketinggalan. *Longman* dan *Okford* pun memang tak ada. Saya duduk baca subuh pagi tadi cari dalam 2, 3 buku tadi lepas sembahyang subuh tak jumpa, tak ada istilah.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Dialah nama saintifik, nama saintifik dalam kamus tidak mencatatkan nama-nama saintifik. Jadi saya nak bekalkan nama-nama saintifik ini.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan, terima kasih Puan Timbalan Speaker, terima kasih Yang Berhormat EXCO. Saya ingin bertanya semalam dua hari yang lalu saya ada sebut tentang krisis makanan yang saya jangka dan saya kluatir akan berlaku tahun depan. Jadi Yang Berhormat telah memberi hujah yang cukup, banyak. Saya ingin bertanya satu soalan iaitu adakah Jawatankuasa Tetap di bawah Yang Berhormat ada membuat satu unjuran? Apakah KPI kalau katakan padi, kalau katakan sayur, kalau katakan pisang, kalau katakan buah-buahan? Produktiviti kita pada masa ini adalah sekian, sekian, sekian. Jadi apakah unjuran pada masa depan, tahun depan atau pun tahun-tahun yang akan datang supaya kita dapat menjangkakan apa akan berlaku nanti kalau kita menghadapi krisis makanan nanti. Adakah ini dilakukan oleh Yang Berhormat.

Y.B. TUAN DR. HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Tidak ada unjuran secara nyata tetapi kita memastikan bahawa bekalan makanan cukup untuk di Negeri Selangor. Memang untuk padi, untuk sayur-sayuran dan buah-buah tak cukup kerana tanah kita yang terhad. Tetapi amalan Pertanian Moden sebagai contohnya dapat *investor* daripada Holland untuk menanam cendawan. Kawasan seluas 6 ekar *turnover* nya RM70 juta setahun. Dengan teknik moden ini cendawan cukup untuk Negeri Selangor dan kita eksport dan seterusnya contohnya untuk ternakan ayam dan telur kita ada cukup untuk negeri Selangor. Bagi memastikan cukup sumber protein ikan, kita menggalakkan telakan ikan sangkar memastikan bahawa ikan segar untuk keperluan restoran-restoran

di negeri Selangor atau pun kita menggalakkan ternakan air bagi memastikan cukup ikan di waktu musim tengkujuh dan kita pastikan bahawa sumber-sumber ini cukup untuk negeri Selangor. Untuk padi stok ini disediakan oleh pihak pusat.

Menjawab soalan daripada Teluk Datok, masalah pekebun-pekebun kecil Kuala Langat yang jaga kerja-kerja menanam sayur-sayuran, kunyit, jagung, pisang dan lain-lain di kawasan Bukit Kemandol, Bukit Perah, Sungai Kelambu yang tidak mempunyai tapak yang dibetulkan oleh Kerajaan. Untuk makluman Yang Berhormat Teluk Datok sebenarnya daerah Kuala Langat Kerajaan Negeri telah memperuntukkan sebanyak 4 tapak kawasan yang boleh dijadikan pengeluaran makanan. Tapak ini boleh disewa oleh pekebun-pekebun kecil iaitu di kawasan Bukit Changgang, Sg. Kelambu atau pun kawasan Kundang dan baru-baru ini Kerajaan Negeri telah luluskan kawasan seluas 250 ekar di Mukim Batu untuk tujuan ini dan Jabatan Pertanian Negeri Selangor akan majukan kawasan ini. Jadi petani-petani boleh mohon kawasan-kawasan tersebut. Berkaitan dengan semalam disebut soal *loader* oleh Teluk Datok PKPS, KSB, Kumpulan Semesta Sdn. Berhad telah pun membeli *loader* untuk tujuan operasi pasir.

Soal usahawan PKNS yang disebut oleh Paya Jaras semalam saya rasa Bukit Antarabangsa telah menjelaskan. Saya secara peribadi saya turun ke hampir semua kawasan-kawasan usahawan ini dan mereka bersetuju bahawa kenaikan yang munasabah boleh diterima. Alasan saya ialah peniaga-peniaga yang sudah lama tidak boleh berterusan dengan subsidi. Sekurang-kurangnya kos operasi pengendalian di kawasan tersebut hendaklah ditanggung oleh peniaga. Kalau yang subsidi ini ialah yang baru berniaga itu saya setuju. Tapi setelah 20 tahun berniaga di Kompleks PKNS Shah Alam, peniaga-peniaga tidak boleh lagi untuk di subsidi.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan, Paya Jaras.

Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR: Saya rasa bukan Paya Jaras, Kuang tentang peniaga-peniaga....

Y.B. TUAN DR HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Paya Jaras sebut tentang kenaikan sewa.

Y.B. TUAN DR HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Saya hanya tanya Bukit Antarabangsa semalam mengenai Syarikat Shell yang mengambil alih 5 hartanah bukan tentang lain.

Y.B. TUAN DR HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Bukit Antarabangsa bakal soal Program Perhutanan Semula Hutan Simpan Bukit Tarek dan Hutan Simpang Rantau Panjang. Program Perhutanan Semula di bawah PKPS melibatkan 2 kawasan Hutan Simpan seluas 10,000 hektar. Dua kawasan tersebut ialah Hutan Simpan Bukit Tarek 5,000 hektar dan Hutan Simpan Rantau Panjang 5,000 hektar. Kedua-dua Hutan Simpan

tersebut telah diusahakan dengan pokok akasia pada tahun 1984. Sehingga tahun 1984 seluas 10% berjumlah kawasan tersebut telah mencapai tahap matang dan sesuai untuk tebang ditanam semula. Bagi pelaksanaan program Perhutanan Semula ini satu perjanjian pajakan dan konsesi tanah telah ditandatangani oleh Kerajaan dengan PKPS pada 22 Februari 2001 dengan tempoh konsesi selama 60 tahun. Tidak ada seorang pun daripada Yang Berhormat yang ada ketika itu membantah konsesi ini. Kerajaan negeri pada ketika itu telah mengarahkan PKPS untuk menjalankan program Perhutanan Semula ini dengan pokok sentang dan jati bagi menggantikan pokok-pokok akasia sedia ada. Bagaimana pun, seluas 1,000 hektar tanah Hutan Simpan Rantau Panjang telah dijadikan tanaman buah-buahan itu disebut sebagai *Fruit Valley* sekarang. Hutan Simpan Terek 5,000 ekar keseluruhan tanah telah padatkan kepada Syarikat Shrider Forest Management Sdn. Bhd. Perjanjian pajakan kecil telah ditandatangani pada 7 Mac 2001. Jenis pokok yang diusahakan ialah Pokok Jati, tempoh pajakan 50 tahun. Hutan Simpan Rantau Panjang 5 ribu hektar terdapat sebanyak 6 perjanjian pajakan kecil telah ditandatangani oleh PKPS bagi menjalankan Program Perhutanan Semula Hutan Simpan tersebut. Perjanjian itu telah ditandatangani pada 2001 – 2005.

Kerajaan Negeri di bawah Pakatan Rakyat merasakan bahawa perjanjian-perjanjian tersebut sangat berat sebelah. Oleh itu tindakan telah diambil oleh PKPS *demand* PKPS sebelum 2007. Pada Mei 2007 telah menguruskan sebahagian daripada tanah Hutan Simpan Rantau Panjang di pajak kecil kepada 2 Syarikat iaitu Insan Murni 20 ekar dan Maju Global Trading 60 hektar. PKPS selama ini mengambil tindakan untuk menarik balik oleh sebab perjanjian ini berat sebelah. Pada 22 November 2008 Kerajaan PKPS telah menarik balik tanah-tanah tersebut. Kemudian untuk Megah Forest PKPS telah mendapat perintah Mahkamah pada tahun 2011 untuk membubarkan Syarikat Megah Forest Nurseri Sdn. Bhd iaitu Syarikat Usaha sama di antara PKPS dengan Megah Forest Management Sdn. Bhd. Kerana dapati telah melanggar syarat-syarat yang ditetapkan. Selain itu Kerajaan Negeri juga telah membatalkan pajakan tanah dan konsesi dengan PKPS bagi tanah yang terlibat iaitu Hutan Simpang Rantau Panjang seluas 1,000 hektar. Kerajaan Negeri telah membatalkan pajakan dan konsesi tanah dengan PKPS iaitu seluas 3,230 hektar Hutan Simpan Bukit Tarik yang melibatkan Syarikat Shredder Forest Management Sdn. Bhd. Makna kita tidak ada baki 3,000 hektar kita batalkan perjanjian tersebut. PKPS juga telah mengusahakan sendiri baki tanah-tanah yang ada di Hutan Simpan Rantau Panjang dan pro getah 300 ekar, pokok kelapa pandan 80 hektar, pokok getah 30 hektar, pokok kelapa pandan laut 30 hektar, Sopic Sdn. Bhd. juga telah mengusahakan tanah-tanah yang ada dengan pelbagai tanaman buah-buahan tropika dengan perkataan PKPS tidak lagi memanjatkan tanah-tanah yang ada pada Syarikat luar.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Puan Timbalan Speaker, minta penjelasan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Sila, Kajang.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih dan Kajang ingin minta penjelasan daripada Yang Berhormat EXCO tentang tanaman-tanaman di asalnya Hutan Simpanan di Rantau Panjang ini kerana didapati pokok-pokok atau tanaman yang ditanam di kawasan ini seharusnya mendapati garis panduan atau pun Akta di mana hutan-hutan harus ditanam dengan pokok-pokok hutan. Pokok-pokok buah di kelapa pandan tidak mendapati di garis panduan ini. Adakah Kerajaan ingin mengambil balik tanah ini dan tanam dengan pokok hutan? Terima kasih.

Y.B. TUAN DR HAJI YAAKOB BIN SAPARI: Untuk makluman Kajang getah adalah termasuk dalam pokok hutan yang dibenarkan, tapi sawit tidak, getah dibenarkan tapi kawasan-kawasan buah-buahan dikekalkan sebagai tanaman buah-buahan. Untuk akhirnya Puan Timbalan Speaker PKPS telah menandatangani perjanjian pajakan kecil tanah dan dalam menjalankan program semula Hutan Simpan Tarik dan Hutan, Simpan Rantau Panjang. Walau pun perjanjian kenyataan tersebut didapati tidak menguntungkan PKPS namun PKPS terikat untuk meneruskan surat perjanjian telah pun dibuat. Sekiranya perjanjian-perjanjian yang sedia ada ditamatkan tanpa asas yang kukuh maka PKPS akan sedar dengan undang-undang oleh Syarikat Termajak yang terlibat. Ini boleh merugikan lagi PKPS dan Kerajaan Negeri. Justeru itu, sebarang pindaan akan menamatkan perjanjian perlu dikaji sedalam-dalamnya bagi mengelakkan tindakan undang-undang. Puan Timbalan Speaker, terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih, seterusnya Sijangkang.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih, Puan Speaker. *Bismillahir rahmani rrahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Puan Timbalan Speaker, saya kira tidak banyak Ahli Dewan Negeri yang membangkitkan isu-isu berkaitan dengan portfolio di bawah Jawatankuasa Tetap Adat Resam Melayu, Beliau dan Sukan kecuali daripada Bangi. Dan kebetulannya beliau juga adalah Pengerusi Perbadanan Adat Melayu dan Warisan. Saya kira penjelasan saya ni adalah penjelasan seperti dalam keluargalah, adik-beradik. Tapi saya kira maklumat ini juga boleh dikongsi oleh semua ahli Dewan Negeri, yang mana beberapa isu telah dibangkitkan oleh Bangi. Antaranya adalah berkaitan dengan peruntukan-peruntukan yang telah diuntukkan perbadanan adat Melayu dan Warisan. Yang mana beliau mengharapkan supaya peruntukan-peruntukan penambahan bagi pembangunan baik pulih dan juga Muzium Negeri dan daerah-daerah. Perlunya ada peruntukan untuk program penyelidikan, eskovasi, bahan sejarah yang mana beliau merasakan kemungkinan apabila dilakukan akan ada juga Selangor man akan dikenal pasti ada juga di negeri Selangor. Juga bahan-bahan mempromosikan bahan sejarah, pada satu ketika dulu juga berlaku perlombongan bijih timah. Kekhawatiran beliau ada generasi akan datang yang mungkin tidak akan tahu apa dia kapal korek dan sebagainya.

Begitu juga dengan isu-isu bahasa dalam pelbagai dialek yang ada di Negeri Selangor ini yang mana saya kira di utarakan oleh Bangi, perlu ada juga bahan-bahan promosi kepada seluruh rakyat Negeri Selangor. Begitu juga berkaitan dengan ketidakcukupan had pegawai yang ada pada hari ini yang saya kira untuk menjalankan tugas-tugas di Muzium dan juga Muzium Daerah. Mungkin ada perlu satu kaji selidik yang perlu dibuat tentang keperluan pegawai-pegawai ini. Juga perkara-perkara untuk mengenal pasti identiti Negeri Selangor, yang mana sebenarnya beliau sedia maklum bahawa beberapa bengkel telah diadakan di bawah Perbadanan Adat Melayu dan Warisan. Saya kira, saya terlibat secara langsung tujuh bengkel telah diadakan. Termasuklah bengkel busana kebaya Melayu, bengkel komping, silat dan sebagainya telah diadakan pada tahun ini. Untuk makluman seperti mana yang juga saya sentuh di dalam saya menjawab soalan daripada Pelabuan Klang tempoh hari, beberapa projek naik taraf yang telah diluluskan oleh Kerajaan Negeri dalam peruntukan pembangunan. Antaranya yang ingin saya sebutkan di sini adalah kerja-kerja kemas dinding Bangunan Muzium Sultan Alam Shah, di Shah Alam, yang mana peruntukan sejumlah RM2,100,000.00 telah diuntukkan. Yang kedua kerja-kerja menaiktarafkan ruang..

Y.B. TUAN DR. SHAFIE BIN ABU BAKAR: Puan Timbalan Speaker, bukan saya nak berhujah sangat, tapi untuk melahirkan rasa hati. Kalau nak kata kecewa, tidak juga. Tindakan-tindakan agak, macam ada lambat sangat. Saya ingat, umpamanya muzium permainan di Kuala Selangor. Mulai Yang Berhormat Sijangkang dilantik, situ terbakar, dah terbakar. Tapi hingga sekarang tidak ada usaha untuk membaik pulih walaupun permohonan dibuat berterusan. Begitu juga bangunan Sultan Alam Shah, saya ingat dah terlampau lama. Ini, walaupun ini membuka pekung di dada sendiri, tapi mungkin diharap dengan penyebutan ini, lebih cepatlah. Begitu lambat. Umpama tindakan untuk membaiki bangunan. Saya risau macam kita di tambah lagi dengan bangunan bekas Pejabat Agama Negeri Selangor di Klang dan juga Pejabat Agama Klang begitu indah dan cantik, tapi telah dirosakkan oleh anasir-anasir yang merosakkan. Pun kalau nak baiki berjuta-juta, bila agaknya boleh dibaiki Gedung Raja Abdullah dan sebagainya. Dekat sepuluh bangunan yang terletak di bawah PADAT. Kita risau, takut benda ni, bangunan-bangunan rumah lama lagi diserahkan pada kita, yang juga tak ada tindakan. Mungkin peruntukan dan sebagainya. Kita takut jadi reput begitu saja. Terima kasih.

Y.B. TUAN DR. AHMAD YUNUS BIN HAIRI: Terima kasih Bangi. Saya kira beberapa perkara yang telah disebutkan tadi sudah ada kelulusan dan peruntukan. Cuma mungkin proses untuk kita lakukan baik pulih dan pembinaan itu agak mengambil masa. Walau bagaimanapun saya akan cuba melihat bagaimana perkara-perkara ini dapat boleh dipercepatkan lagi. Kerana kita sedia maklum sebahagian daripada prasarana-prasarana ataupun kemudahan ini yang memang agak usang. Contohnya Gedung Raja Abdullah yang mana memerlukan baik pulih. Baik pulih itu juga memakan

kos yang agak tinggi kalau di dalam makluman yang saya ada ini lebih kurang RM700,000.00 sudah diperuntukkan. Cuma mungkin dari segi proses pembinaan itu agak berlaku kelewatan. Walau bagaimanapun saya akan melihat apakah sebab-sebab yang berlaku seperti ini, dan saya kira perkara-perkara yang boleh dilakukan supaya perkara ini boleh diambil tindakan dengan lebih cepat dapat dilaporkan dengan kadar yang agak segera. Jadi saya kira itu adalah beberapa program maklumat yang saya kira mungkin secara *detailnya* juga ada pada saya berkaitan dengan kos-kos kerja-kerja baik pulih tambahan yang perlu dilakukan bagi tahun ni yang sudah ada kelulusannya boleh saya bagikan ataupun saya kira Bangi sudah mempunyai lis tersebut. Jadi saya kira itu sahaja sebahagian daripada mungkin yang di utarakan di bawah portfolio saya. Cuma mungkin saya juga ingin menjawab sedikit tambahan tadi, yang saya sebenarnya terlupa dalam menjawab soalan yang dikemukakan berkaitan peluang pekerjaan kepada belia-belia. Cuma secara kebetulannya Selangor Agro Fest yang akan berlaku pada 11 – 16 Disember ini di perkarangan Stadium Malawati, juga akan mengadakan program Job, ataupun Edu Fest, yang mana antara tujuan dan matlamatnya memberikan penerangan kepada belia-belia ataupun rakyat negeri Selangor peluang-peluang pekerjaan yang ada yang boleh juga belia-belia kita melihat, mungkin ada kesesuaian pada mereka. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Baik, seterusnya Seri Kembangan.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Puan Timbalan Speaker, saya ingin ucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Kajang yang membangkitkan tentang isu premium tanah di Kampung Baru Sungai Chua yang menempatkan 17 buah keluarga. Untuk maklumat Yang Berhormat sekalian, pengambilan tanah ke atas 17 keping tanah kediaman di Kampung Baru Sungai Chua telah dilakukan oleh Kerajaan Negeri pada tahun 2001 untuk tujuan projek lebuhraya SILK. Dan 17 keping tanah baru telah diluluskan sebagai ganti rugi kepada penduduk yang berkaitan dan dikenakan premium ikut kadar biasa. Namun begitu pemohon telah mengemukakan rayuan untuk mendapatkan kadar premium khas di bawah skim pemilikan untuk tujuan bangunan kediaman persendirian di Negeri Selangor, mendapatkan premium sejumlah RM1,000.00 sahaja. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Kajang, kertas rayuan mereka telah diangkat oleh Pentadbir Tanah Daerah Hulu Langat, pada 31 Oktober 2012 dan menunggu pertimbangan dan kelulusan Kerajaan Negeri. Sekian.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN LEE YING HA: Puan Timbalan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Oh, ada soalan.

Y.B. PUAN LEE YING HA: Dalam sesi perbahasan Teratai telah membangkitkan isu pemilihan ketua kampung termasuk ketua kampung cina. Jadi saya berharap pihak EXCO boleh bagi sedikit penjelasan mengenai isu ini.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih Teratai. Tentang isu pemilihan ketua kampung, Kerajaan Negeri telah melaksanakan projek perintis pemilihan kampung baru di tiga kampung di Negeri Selangor iaitu Kampung Pulau Ketam, Kampung Baru Pandamaran dan Kampung Baru Jenjarom. Ini merupakan satu projek kita mahu mengembalikan demokrasi ke atas pentadbiran yang di peringkat kampung dan ini merupakan satu ujian ataupun projek perintis yang kita mahu lihat apakah kesan yang boleh kita dapat selepas ada pemilihan dan kita masih dalam kajian untuk adakah Kerajaan Negeri ingin meneruskan projek sebegini pada masa yang akan datang.

Y.B. PUAN LEE YING HA: Puan Timbalan Speaker, minta mencelah, sebab kita nampak pemilihan itu sudah dijalankan sudah satu tahun, jadi apakah kajian lagi kita perlukan. Jadi kalau kita nampak prosesnya agak boleh kata bukan terlalu susah kenapa tidak teruskan pemilihan ketua kampung di kampung-kampung lain. Jadi kita, saya tak berharap kita buat serentak, sebab ini agak susah. Tapi kalau kita boleh buat macam tiga kampung dalam setiap dua tiga bulan, ini boleh menunjukkan hasrat kita mengembalikan hak demokrasi ini kepada orang-orang kampung.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Untuk makluman Teratai, tempoh perkhidmatan untuk kampung baru adalah selama dua tahun dan perkhidmatan mereka akan tamat pada akhir tahun ini dan untuk tiga kampung yang mengadakan pemilihan ini, tempoh perkhidmatan mereka akan tamat pada tahun depan. Jadi kita masih mengkaji, adakah kita mahu mengadakan pemilihan di semua seluruh Negeri Selangor ataupun tidak. Ha, itu yang kita masih mengkaji. Kerana memandangkan pilihan raya yang akan datang, jadi kita mahu ada satu pentadbiran yang lebih stabil di peringkat kampung, pada setakat ini. Sekian.

Y.B. PUAN LEE YING HA: Puan Timbalan Speaker, satu lagi. Sebab kita selalu dengar, Yang Berhormat EXCO selalu kaji, kaji. Bolehkah kita ada satu tarikh supaya kita tahu apakah keputusan kajian tersebut dan bagaimanakah dasar dalam masa akan datang. Sebab ini bukan satu syor sahaja, dengan izin tapi kena perlu ada satu rancangan untuk masa akan datang, masa yang lagi panjanglah. Sekian terima kasih.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Jikalau kita sudah ada satu keputusan, saya akan mengumumkan kepada semualah. Terima kasih.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Puan Speaker, boleh saya celah sikit.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Kuala Kubu Baharu.

Y.B. TUAN WONG KOON MUN: Saya agak setuju dengan Teratai bahawa ini bukan satu syor, ini betul-betul satu sandiwara, dengan izin. Mengapa hanya tiga kampung di pilih untuk mengadakan pemilihan. Kalau kata memandangkan bahawa Selangor begitu banyak kampung. Satu mengapa hanya kampung Cina di pilih, bagaimana kampung tradisi Melayu, dengan kampung yang keturunan India. Ini betul-betul satu sandiwara.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Terima kasih, Kuala Kubu Baharu la. Kalau pihak Barisan Nasional ataupun Kuala Kubu Baharu setuju dengan cadangan tentang pemilihan kerajaan tempatan termasuk Ahli Majlis dan juga Pengerusi JKKK, saya syorkan kepada KKB supaya mengesyorkan kepada Kerajaan Persekutuan supaya menukarkan Akta di dalam Parlimen, itu yang paling penting. (Tepuk)

Y.B. DATUK MOHD. ISA BIN ABU KASIM: Pengerusi, pengerusi. Saya ingat Speaker ni tak, Speaker, *sorry*, (ketawa). Minta maaf,

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Jangan tergesa-gesa.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Saya ingat EXCO.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Bangkitkan yang berkaitan, ya, Batang Kali.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Ya, dengar la, saya nak cakap ni, jangan ganggu saya, Puan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya hanya mengingatkan.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Saya tahu tanggungjawab saya, Puan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Batang Kali, teruskan.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: *You* tak boleh salahkan Kerajaan Barisan Nasional.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Bukan panggil *you*, ya.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: EXCO tak boleh salahkan Kerajaan Barisan Nasional. EXCO yang berjanji. Itu sebelum berjanji, tengok mampu atau tidak buat, jangan suka sebut sahaja. Bila dah terkena batang hidung, tak boleh buat salahkan orang. Ini Kerajaan apa ni. Bukan sandiwara lagi, ini songsang punya Kerajaan. Terima kasih.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Batang Kali, ini bukan sandiwara. Kita janji buat, kita ada buat projek perintis untuk mengkaji. Adakah ini kita dapat laksanakan. Kalau benar-benar Barisan Nasional sokong demokrasi, pentadbiran demokrasi di

peringkat tempatan, saya syorkan supaya Batang Kali syorkan pada pemimpin untuk mengubah satu *local government act*, di dalam Parlimen. Itu yang paling penting.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Puan Speaker, puan Speaker. Boleh Puan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Kampung Tunku dulu.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya baru tanya soalan ni.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Hanya perkara yang berkaitan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Berkenaan pemilihan ketua kampung. Saya ingin bertanya apa salahnya kita buat ujian ataupun projek perintis ini. Ia bukannya sandiwara, jadi saya ingin tanya, saya ingin bertanya kepada EXCO, apa salahnya kita lakukan ini. Kalau seseorang yang pertikaikan masalah ini, saya dia ada masalah dengan parti dia, dengan diri sendiri, kerana dia nak satu, suasana politik di kawasan kampung yang secara diktator. Dia lantik semua, dia kawal semua. Ini bukannya kita nak menjadi lebih demokrasi. Yang Berhormat dari Barisan Nasional suka bercadang supaya kita adakan debat. Supaya kita *transparent*, kita telus. Mengapa pula dalam isu pemilihan Ketua Kampung ini, mengapa Barisan Nasional menghentam kata ini sandiwara, kata itu tak baik, ini tak baik. Pada halnya ia satu perintis. Kalau kita dapat melakukannya kita boleh memberikan butiran yang lebih terperinci, ia akan dapat dilaksanakan pada masa-masa akan datang kos dan *efficiency* akan lebih, lebih, lebih baik. Jadi apa salahnya saya bertanya kepada EXCO.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Kampung Tunku soal pemilihan Kerajaan Tempatan ini pernah dilakukan pada masa dahulu tapi dihentikan oleh Barisan Nasional. Sekarang kerajaan Pakatan Rakyat kita menyeru kepada Kerajaan Pusat supaya mereka memulihkan pemilihan, pemilihan Kerajaan Tempatan di seluruh negara bukan sahaja di Selangor. Sekarang kita mahu satu *test* projek perintis pemilihan Ketua Kampung, apa salah tu? Tiada salah!

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Puan Speaker.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya tidak benarkan sebab tidak ada soalan yang dibangkitkan balik.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Puan Speaker tidak faham soalan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Batang Kali saya ingin mengingatkan jangan biadab. Kalau sekiranya jika sedang bercakap, kena duduk sebenarnya.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Saya sahaja, dia tak perlu duduk.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Bukan

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Jangan saya menggunakan Peraturan Tetap 44

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: saya tahu

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Duduk. .

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM:..... soalan tambahan lagi.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Soalan yang berkaitan sahaja.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Soalan berkaitan. Dalam kes ini saya bercadang dalam Yang Berhormat EXCO. Juga menjadi dasar kerajaan supaya Kerajaan Pusat bubarkan JKKKP dan calon daripada JKKKP itu dia mengambil bahagian dalam pemilihan Ketua Kampung ini, kita pilih, bukankah ini lebih baik? Adakah Yang Berhormat EXCO berpendapat begitu? Kita bubarkan JKKKP, dan seorang daripada JKKKP ini diambil alih

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Ini soalan berkaitan dengan Kampung Baru ya.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ya Kampung Baru. JKKKP pun ada dalam Kampung Baru. Dan ia mengganggu operasi JKKK...

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Saya bersetuju dengan cadangan Kampung Tunku kerana sepatutnya satu kampung ada dua jawatankuasa dan

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat sebelah pembangkang ini saya mohon supaya senyap ya. Apabila seorang ahli sedang berucap yang lain perlu senyap.

Y.B. TUAN EAN YONG HIAN WAH: Saya ingin menegaskan di sini bahawa tidak sepatutnya dalam satu kampung ada dua jawatankuasa kampung. Itu JKKKP hanya wujud lepas tahun 2008 kerana mereka sudah kalah dalam Selangor. Kalau mengikut apa ini, perlembagaan tidak sepatutnya ada dua. Apa yang dilantikkan oleh Kerajaan Persekutuan adalah tidak dalam undang-undang kita. Itu yang saya hendak jelaskan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Baik. Bukit Lanjan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Puan Timbalan Speaker, saya ingin bersama menambah satu dua maklumat atau fakta yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sekinchan yang berkenaan tanah-tanah lot yang diberi milik kepada parti-parti politik. Di kawasan saya di DUN Bukit Lanjan, 2 lot yang jelas diberi kepada UMNO, Barisan Nasional. Satu, 3 Ekar dekat sekolah Tamil ... Bandar Utama. Kedua,

kepada Parti Gerakan 1 ekar juga di Bandar Utama. Dekat *Centre Point* sekarang di panggil PU8. Nilai kedua-dua lot tanah saya jangka, ini anggaran saya tidak kurang daripada RM30,000,000.00 yang diberi milik bayaran itu sampai itu. Jadi Yang Berhormat Sekinchan boleh tambah lagilah dalam senarai sebut. Saya ingin dalam masa yang amat singkat untuk menjawab beberapa dakwaan yang dilontar khas daripada rakan kita Taman Templer tapi saya harap, Taman Templer di luar ke sekarang kalau Yang Berhormat di luar sekarang sila masuk ke dalam. Termasuk juga dengan rakan kita daripada Kuala Kubu Baharu iaitu kalau mengikut *hansard* ada rujukan kepada akhbar *The Star* muka hadapan ada minggu ini yang mengatakan Kerajaan Negeri Selangor telah menghancurkan. Jika saya hendak menggunakan perkataan Taman Templer mencerooboh hutan simpan Taman Templer. Saya ingin memberi fakta. Ini Fakta bukan resepsi atau auta atau apa-apa. Fakta. Sekarang di kawasan Taman Templer yang dikenali sebagai Taman Templer bukan hutan simpan lagi. Ini tidak dibuat oleh Pakatan Rakyat. Ini tanah diberi milik pada tahun 1987. Bila kerajaan itu? Bila? Bukan kitalah! Masa itu saya masih di sekolah, 1987 tanah tersebut diberi kepada LSP Laser Resort Sdn. Bhd. untuk membangunkan 454 hektar tanah yang sekarang dipanggil atau diberi milik, di daftar milik sebagai *Templer Park Resort*. Masa itu LSP, Barisan Nasional semua GLC. Pada Ogos 2, 1990 PTGC. Golf Club. Izinkan saya bacakan dalam bahasa Inggeris sebab fakta ini dalam bahasa Inggeris. Boleh didapati dalam *website. Help is grown up ceremony ... Menteri Besar Selangor Darul Ehsan December 1992 the full ... officially by the Club Presiden, November cost 1998 by Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor Darul Ehsan..* Ini dalam website. Ini adalah pelan yang diluluskan. Saya hendak baca berdasarkan pelan guna tanah bilangan SAP/TP/S/1K yang telah diluluskan oleh EXCO / Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor pada 17.7.1991. Ini cerita 20 tahun. Sekarang dipanggil Taman Templer tapi bukan hutan simpan. Memang ada hutan simpan. Hutan simpan Templer bukan hutan simpan Taman Templer. Jadi UMNO Barisan Nasional cuba mengaburkan mata rakyat. Kata kita mencerooboh hutan simpan, kata kita rampas hutan simpan, tidak ada. Sekarang ditetapkan hutan simpan Templer. 800.33 hektar tidak disentuh semenjak 2008, tidak diberi milik untuk pembangunan perumahan. Inilah begitu tegas Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat. Jadi tuduhan memang tidak sah. Kata kita buat ini, buat itu. Tanah atau tapak yang mereka kata *front page* itu bukan dalam Taman Templer Park Golf & Resort Sdn. Bhd. Tanah itu tanah persendirian untuk kegiatan pertanian beri milik 19 18 1980. Saya boleh tunjuk inilah senarai yang menunjukkan tanah yang lain untuk menuduh kerajaan negeri. Apa ini. Kata songsang. Ini surat khabar songsang. Bintang tetap bintang. Songsang tetap songsang. Walau bagaimanapun

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Puan Speaker.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Duduk.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Speaker.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Walau bagaimanapun Majlis Perbandaran Selayang

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Bukit Lanjan tidak memberi laluan. Sila duduk.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Beri....

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Saya tidak ada masa. Saya tidak ada masa.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Tidak beri laluan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Majlis Perbandaran Selayang telah dikeluarkan dua kompaun nilainya RM25,000.00. dua kali kepada tapak tanah persendirian ini (*freehold land*) itu mereka masih degil jadi kita *stop work*. Jadi tindakan memang diambil oleh Majlis Perbandaran Selayang kerana tidak ada *work plan*. Pelan untuk gerak kerja tanah lot 234, 4235 jadi hendak tuduh kerajaan gunalah gambar yang betul. Sekarang tiada *of work* yang mereka tuduh kita pelan sebagainya, tiada. So, saya hendak ulangi. Hutan simpan Templer bukan Taman Templer. Apa yang kita fikir ada visi, ada gambar sebagainya dan lebih daripada 20 tahun diberi milik kepada GLC lepas itu dijual. pada asalnya saya fikir mungkin ada 100 pemilik tanah di sana. *Private land owner* saya semak, terkejut, ini adalah hak milik yang ada di kawasan Taman Templer. *The housing development now* Taman Templer. Saya fikir saya hendak baca kalau 100 nama, saya hendak baca dalam dewan supaya boleh direkod dalam *handsard, development now* Taman Templer. Saya fikir saya hendak baca kalau 100 nama, saya hendak baca dalam dewan supaya boleh direkod dalam *handsard* tapi tidak boleh 1085 hak persendirian dari dulunya tapi tidak mengapalah saya *go through* lah.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Puan Speaker. Sebentar sahaja.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Silakan.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Terima kasih. Cuma saya mungkin setuju dengan kenyataan yang diberikan. Mungkin yang dihebahkan itu menjadi kesalahan kepada kerajaan negeri. Saya harap kalau EXCO kalau berani, betul-betul berani saman STAR. Saham STAR kerana mengeluarkan fakta yang salah dan saya juga amat gembira EXCO menjaga kawasan-kawasan

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Terus kepada soalan. Ini bukan sesi perbahasan.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Teruskan menjalankan aktiviti-aktiviti mengawasi hutan-hutan atau tanah simpan ini daripada di ceroboh. Tapi jangan

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Apa dia soalan.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Jangan sampai.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Soalannya apa.

Y.B. DATUK MOHD ISA BIN ABU KASIM: Jangan sampai terlupa jaga hutan kita sendiri. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Tiada soalan.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Kita kerajaan negeri memang tidak ada hak untuk menyaman sesiapa. Saya memberi, saya ada memberi ruang penjelasan, kalau media masa ingin. Kalau mereka ingin apa *is hall in choose* mereka akan cetak apa yang kita dedahkan ataupun *present aspect*. Tadi dia hendak nakal-nakal lah, ini adalah perangai Barisan Nasional kita sudah, sudahlah. *You and I know*. Tidak apa, hendak hina wanita, hinalah! Ini UMNO Barisan Nasional. Lagi satu minit, minta izin ya. Kawasan ini kalau saya minta fail 1085 hak milik persendirian. Saya *the new pages*, saya pun terkejut apa ini, kononnya banyak orang ternama dalam itu. Ada bekas Menteri, ada bekas ahli Parlimen Gombak, bekas ADUN Gombak Setia, *this time* tiadalah *is not. Not this sitting*. Kononnya tidak hendak keluarkan nama. Bekas ADUN Sungai Burong, *relax* bukan Sungai Burong sekarang. *Relax*

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Selamat

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Bekas ADUN Rawang, bukan macam cili padi kita. Bekas ADUN Rawang. Selepas saya baca 2 hingga 3 muka surat, saya simpan. Kalau sesiapa hendak tengok ambillah. Di luar. Inilah orang-orang yang ambil tanah di situ bukan tanah kerajaan. Mereka beli tanah itu, kata ooo... kita tidak sepatutnya bagi orang beli rumah mewah, mahal dan sebagainya. Siapa yang milik rumah di sana? Tengoklah itu. Jadi kalau hendak tuduh, tuduh baik-baik. (bahasa Inggeris) Jadi itulah kesimpulan saya. Ada satu dua perkara.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat, kita boleh sambung selepas.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Kalau boleh satu minit, saya habiskan satu minit.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Habiskanlah.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Kerajaan Negeri Selangor Pakatan Rakyat semenjak tahun 1998 hingga tahun ini tidak memberi apa jua hak milik untuk perumahan di hutan simpan kecuali satu longgokan beberapa biji buah rumah di Sabak Bernam Utara, mereka telah ada rumah di sana zaman British. Tapi tiada hak milik. Masuk gazet. Tapi kita prihatin juga kita tidak kacau mereka. Kita beri hak kepada

mereka keluar sedikit. Kesimpulan adalah semenjak 2008 sampai 2012 keluasan hutan simpan di Negeri Selangor sudah meningkat 1% antara hutan yang kita dapat selamat Hutan Bukit Lagong, dekat mukim Rawang, Kapar Hulu Langat, Kota Damansara, 900 hektar, Puchong 55 hektar. Jadi tuduhan liar yang mengatakan kita bagi tanah dan sebagainya untuk hutan simpan adalah tidak betul dan saya yakin rakyat akan mengekalkan Pakatan Rakyat sebagai kerajaan di Negeri Selangor kerana kita menjaga alam sekitar di Negeri Selangor.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Terima kasih Bukit Lanjan. Jam di dinding sudah menunjukkan waktu untuk kita berhenti sebentar. Dewan ditangguhkan sehingga 2.30 petang ini.

(Dewan ditangguhkan pada jam 1.00 tengah hari)

(Dewan disambung semula)

(Puan Timbalan Speaker mempengerusikan mesyuarat)

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Selamat tengah hari dan *Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*. Waktu penggulungan disambung semula. Saya menjemput Bukit Lanjan untuk sambung.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Timbalan Puan Speaker, saya ingin tambah dua perkara selepas isu pertama telah di bentang kepada Dewan yang mulia ini. Satu isu adalah isu pembangunan, perumahan di kawasan cerun kelas 3 dan kelas 4 dan perkara ini sudah dibangkit juga oleh Taman Templer dan juga Hulu Kelang. Saya ingin maklum kepada Yang Berhormat Hulu Kelang bahawa yang permohonan untuk perumahan di kawasan cerun kelas 3 dan kelas 4 Yang Berhormat itu belum, tidak ada kelulusan ini setakat ini. Hanya ada permohonan dan kita akan teliti perkara ini dengan boleh dikatakan sangat cermatlah. Dan perkara ini akan di bawah ke Jawatankuasa Kawasan Sensitif Alam Sekitar (KSAS). Begitu juga satu tapak pembangunan perumahan bukan hutan simpan tapi sudah diberi milik lamanya. Kawasan ini pada ketika ini dipegang itu dipegang oleh satu yang dipanggil GLC dekat kawasan perumahan Taman Templer. Memang ada aduan daripada penduduk-penduduk di sana dan syarikat GLC telah membuat pindaan kepada pelan kepada pelan pembangunan mereka. Setakat ini tidak di *endorse* oleh Majlis Perbandaran Selayang dan perkara ini juga akan di bentang semula di Jawatankuasa (KSAS) Kawasan Sensitif Alam Sekitar. Jadi empat-empat tapak ini akan disemak semula kalau memang tidak boleh dibina, dibina.

Saya rasa Yang Amat Berhormat Dato' Menteri Besar juga dia ada satu pelan masa penggulungan Yang Amat Berhormat. Perkara ketiga juga adalah satu dakwaan bahawa Kerajaan Negeri Selangor membenarkan *elegant lodging* pembalakan haram dan ini berlaku di Hutan Simpan Kanching. Ini adalah satu sekali lagi cerita yang liar yang tidak benar. Pada tahun 2005 JKR Persekutuan telah dapat kelulusan untuk membangunkan satu jalan pintas, Jalan Pintas Rawang. *Free way* bukan *toll way* jadi jalan percuma 2005. Pada tahun 2007 ada satu sesi pendengaran awam ratusan orang ada di sana dikendalikan oleh JKR terdapat borang penyertaan yang diisi 18,000. Masa itu Kerajaan Negeri belum dapat melaksanakan projek itu. 2008 Pakatan Rakyat jadi kerajaan dan kita juga semak semula jajaran tersebut. Jajaran asalnya yang di bantah, boleh dikatakan semua agensi teknikal adalah memotong jalan itu, jalan itu akan di kawasan tengah-tengah Simpan Kanching. Yang luasannya 477.38 hektar. Bila Pakatan Rakyat masuk kita minta jajaran itu dipindah supaya dengan izin.....(bahasa Inggeris).....maksudnya di kawasan sempadan(bahasa

Inggeris) tidak potong di tengah-tengah. Dan kita juga tambah syarat supaya ianya menjadi satu *elevated highway*, jalan pintas bertingkat. Supaya di bawah tumbuhan-tumbuhan itu, pokok-pokok tidak akan terjejas, flora dan fauna boleh dikekalkan. So, kita tunggulah sampai tahun lepas 2011, baru JKR Persekutuan dapat dana tambahan membuat *elevated highway* dan kita juga luluskan jajaran bertingkat tersebut. Jajaran tersebut kita tidak beri milik di hutan simpan Kancing kerana Hutan Simpan Kancing tidak besar lagi sikit saja, yang lain sudah diberi milik bertahun-tahun berdekat-dekat sebelum itu. Hanya ada 4.77 juta hektar tapi kita beri *right of way* (ROW) maksudnya kita kekal tanah itu sebagai tanah hutan simpan tetapi JKR kerana demi kebaikan penduduk-penduduk yang duduk dekat Rawang, yang duduk dekat Serendah, mereka boleh guna jalan pintas itu supaya mereka tidak payah melawan dengan puluhan ribu kereta yang hendak keluar dari Bandar Rawang oleh sebab itu kita juga mempertimbangkan kebaikan rakyat dan kita beri *right of way*. Tetapi hak milik masih hak milik kerajaan *still under forest*. Dan selepas projek ini akan dihabiskan 2015 dijangka habis 2015 pokok-pokok semua ditanam semula. Jadi saya ingin jelaskan Ahli-ahli Dewan yang mulia ini bahawa kita tidak beri milik untuk tersebut juga Hutan Simpan di Kancing, di Templer tidak ada perbezaan dari segi keluasan sejak 2008. Terima kasih.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Puan Timbalan Speaker saya ingin bertanya, minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Silakan.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Sebenarnya Rawang juga rasa ada *bypass* ini memang kalau mengikut mesyuarat yang kita hadir bersama dengan JKR erti katakan boleh kurangkan kesesakan lebih kurang 30% kenderaan-kenderaan yang melalui kawasan berkenaan. Jadi saya ingin satu kepastian maksudnya Yang Berhormat memang tiada hutan simpan maksudnya hutan simpan yang dicerobohi untuk jalankan projek ini *by pass* ini, tiada.

Y.B. PUAN ELIZABETH WONG KEAT PING: Bukan Yang Berhormat, maksud saya kita tidak beri milik, kita tidak beri , kita tidak keluar gazet. Kita kekalkan gazet tersebut dan kerana ini adalah *highway*, ataupun jalan pintas bertingkat jadi kita masih boleh mengekalkan pokok-pokok ataupun menanam semula pokok tersebut. Memang ada sebahagian itu kita telah luluskan 30 hektar jajaran tersebut. Dengan kerjasama JKR dan juga Jabatan Perhutanan Negeri Selangor maka kita dapat kurangkan kepada 15 hektar. *That is on the ground, of couse* sudah tentu ada pokok-pokok yang akan dipotong tetapi pokok-pokok itu, pokok itu ditandakan, pokok-pokok ini, pokok-pokok ini, tidak boleh dipindahkan daripada kawasan tersebut. Jadi pokok-pokok itu

diletakkan, ada stesen dan sebagainya ada katalog penuh, balak-balak pokok yang dipotong itu. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Terima kasih, Chempaka. Silakan Chempaka.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: *Bismillahir Rahmanir Rahim*, terima kasih kepada Yang Berhormat Puan Speaker dan Yang Berhormat sekalian, Saya ingin mengambil satu beberapa perkara, ingin saya gulung adalah Taman Templer telah mendakwa bahawa bajet Kerajaan Persekutuan 2013 begitu prihatin terhadap keperluan perumahan rakyat. Saya akui bahawa RM1.9 bilion telah diperuntukkan oleh Kerajaan Persekutuan tetapi jumlah ini seharusnya dilihat dari jumlah keseluruhan peruntukan bajet 2013 dengan peruntukan sebanyak RM251.6 bilion. Ini bermakna peruntukan perumahan Kerajaan Persekutuan hanyalah 0.75% sahaja. Adakah 0.75% ini saja menunjukkan satu jumlah yang boleh dibanggakan untuk Kerajaan Persekutuan. Kita bandingkan pula dengan peruntukan Kerajaan Negeri untuk perumahan bagi Kerajaan Negeri. Saya ingin hanya mengambil dua perkara sahaja yang melibatkan perumahan sebab ada lagi perkara-perkara lain yang belum kita masukkan dan kita baru sahaja mendengar akan ucapan belanjawan tersebut. Yang pertama adalah pengumuman Y.A.B. Dato' Menteri Besar pada ucapan belanjawan itu di mana Kerajaan Negeri akan menggunakan RM50 juta Kerajaan Negeri untuk membina Rumah Mampu Milik Pasang Siap. Yang kedua adalah peruntukan RM9.7 juta untuk membaik pulih pangsapuri kos rendah dan kos sederhana di bawah Program CERIA. Jika diambil kira kedua-dua peruntukan ini, maka setakat ini kalau kita lihat ini adalah 3.3% telah diperuntukkan daripada keseluruhan belanjawan Kerajaan Negeri. Ini bermakna peruntukan perumahan Kerajaan Negeri adalah 5.2 kali ganda dari peruntukan perumahan Kerajaan Persekutuan. Ini pula belum diambil kira akan subsidi yang ditanggung oleh PKNS bagi menyelesaikan masalah peneroka Bandar Bukit Botak, dan membina rumah-rumah mampu milik di Bandar Baru Bangi. Kalau kita lihat bajet Kerajaan Persekutuan 2013 untuk projek terbengkalai dijangka atau diperuntukkan RM100 juta jumlah ini sebenarnya kurang daripada apa yang diperuntukkan atau dibelanjakan oleh PKNS, untuk menyelesaikan projek Bukit Botak. Telah dibangkitkan juga kebanyakan rumah-rumah kos rendah yang siap dibina pada era Pakatan Rakyat di Negeri Selangor telah dimulakan pada zaman Barisan Nasional. Saya ingin menegaskan di sini bahawa memulakan sahaja tidak mencukupi tetapi lebih penting lagi memastikan ia siap dan ia boleh diduduki dengan sempurna. Banyak rumah-rumah kos rendah yang dimulakan ketika pentadbiran kerajaan Barisan Nasional dibelenggu dengan pelbagai masalah. Ia memerlukan campur tangan Kerajaan Negeri sekarang untuk memastikan ianya boleh disiapkan dengan sempurna dan boleh diduduki di antaranya adalah projek rumah kos rendah Berembang Indah, Kampung Berembang dengan 694 unit, projek rumah kos rendah Sg. Sering 160 unit dan projek

rumah Bandar Kampung Kemensah. Semuanya memerlukan campur tangan Kerajaan Negeri kerana telah terbengkalai dan terhenti untuk jangka masa yang sekian lama. Dalam hal ini, saya teringat kisah seorang ibu yang melahirkan seorang bayi kemudian menyerahkan kepada keluarga lain untuk dibesarkan dan disekolahkan kemudian apabila bayi tersebut telah dewasa dan berjaya ibu tersebut mendakwa usaha beliaulah yang menjadikan bayi itu berjaya. Menafikan sumbangan keluarga yang membesarkan dan mendidik anak tersebut. Melahirkan anak penting tetapi membesar dan mendidiknya lebih penting. Memulakan projek-projek kos rumah rendah penting tetapi hendak menyiapkannya juga memerlukan usaha. Saya juga ingin mengambil perhatian di sini ada banyak lagi rumah kos rendah seperti di Jalan Pluto, di Seksyen U5 yang dimulakan. Dalam zaman Kerajaan Barisan Nasional pada tahun 1993, masih lagi belum siap dan sekarang ini Kerajaan Negeri bertungkus-lumus untuk menyiapkannya dan juga di Kampung Masjid di Sungai Buloh.

Saya juga akui bahawa Barisan Nasional banyak membina rumah kos rendah dan rumah kos sederhana. Namun kebanyakan rumah-rumah itu hari ini dibelenggu dengan berbagai masalah di antaranya adalah bumbung bocor, lif rosak, tangki air pecah, paip sumbat, bangunan usang. Oleh itu Kerajaan Negeri telah mewujudkan program membaik pulih pangsapuri-pangsapuri kos rendah dan kos sederhana melalui kaedah perkongsian kos program yang bernama ceria ini melibatkan 70 kawasan pangsapuri. Lebih 70 kawasan pangsapuri hampir separuh kerja-kerja tersebut telah disiapkan. Oleh yang demikian Barisan Nasional tidak bolehlah menabik dada bahawa membina banyak rumah kos rendah kerana akhirnya Kerajaan Negeri sekarang, Kerajaan Negeri di hari ini bertungkus-lumus untuk membaik pulihnya. Untuk membantu penduduk membaik pulihnya. Taman Templer juga telah membangkitkan statistik rumah kos rendah yang diumumkan oleh Kerajaan Negeri Selangor. Beliau mempertikaikan jumlah rumah kos rendah yang diumumkan di dalam Akhbar Sinar Harian bertarikh 30 Oktober 2012 kerana kata beliau berbeza dari jawapan yang diberikan pada sidang Dewan yang mulia ini pada bulan Mac 2012. Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor sebenarnya telah melakukan penyelarasan statistik kerana ia melibatkan Pihak Berkuasa Tempatan dan begitu banyak pemaju-pemaju. Tetapi penyelarasan ini berakhir dengan statistik peningkatan keseluruhan bilangan unit yang telah dibina di Selangor. Kita tidak menambah unit-unit tetapi apabila kita menyelaraskan balik statistik itu ia jadi lebih banyak. Taman Templer juga mahukan pecahan rumah kos rendah yang dibina di Gombak. Berikut adalah pecahannya: Panji Selasih (80 unit), Sungai Sering (660 unit), Kampung Perembang (694 unit), Pangsapuri Hijau Rawang (120 unit), Bukit Rahman Putera (600 unit) dan Kampung Bunga Raya (180 unit). Maka jumlah besarnya adalah 2334 unit seperti mana yang diiklankan. Turut dibangkitkan adalah kenapa 107 unit rumah kos rendah yang diumumkan pada bulan Mac sebagai siap dibina dan siap diduduki di Hulu Selangor tetapi diumumkan pada Sidang Dewan

pada Mac 2012 tetapi di dalam iklan akhbar itu diletakkan sebagai tiada. 107 unit kos rendah ini adalah rumah pekerja ladang Bernam Jaya di Ulu Bernam yang di bina sebagai CSR atau *Corporate Social Responsibility* PKNS dan dari segi kos ia layak disenaraikan sebagai rumah kos rendah. Tetapi setelah diselaraskan semula statistik ia kita keluarkan kerana tidak dijual secara terbuka tetapi ia khusus untuk pekerja-pekerja ladang. Itu sebablah 107 unit ini seperti mana yang dibangkitkan telah hilang dalam statistik bulan Oktober. Bermakna kita telus, kita tidak sembunyi. Kalau kita fikirkan ia perlu dikeluarkan, kita keluarkan. Walau bagaimanapun, Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor akan mengeluarkan pecahan mengikut projek dan lokasi bagi rumah-rumah kos rendah sebelum berakhirnya Sidang Dewan kali ini. Kita akan keluarkan pecahan bagi setiap projek yang ada dan tarikh-tarikh sebelum berakhirnya Sidang Dewan untuk hari ini.

Tentang menjawab kenapa ada daerah yang tidak ada rumah kos rendah di bina, kerana ia adalah mengikut permintaan. Pembinaan adalah mengikut permintaan. Ada yang tinggi dan ada yang rendah. Ada daerah-daerah yang terdapat rumah kos rendah yang masih tidak terjual sehingga hari ini. Tentang polisi rumah kos rendah saya ingin menegaskan di sini bahawa Kerajaan Negeri telah membuat banyak inovasi tentang polisi atau peraturan rumah kos rendah sekarang ini. Yang pertamanya adalah kita mewajibkan pihak pemaju-pemaju membina rumah kos rendah pada fasa pertama bukannya seperti sebelum-sebelum ini di mana pemaju-pemaju boleh membina di fasa yang akhir dan ini akhirnya kita melihat bahawa rumah-rumah itu tidak terbina langsung dan kali ini kerajaan sekarang mewajibkan pemaju-pemaju membina pada fasa pertama supaya pemaju tidak boleh lari. Keduanya adalah kedudukan rumah kos rendah di dalam kemajuan juga kita kawal, tidak boleh diletakkan sesuka hati contohnya seperti dulu di tepi kolam najis atau STP dengan izin atau di tepi-tepi *substation*. Sekarang ini kita pastikan bahawa tempat ini adalah tempat yang boleh diterima oleh semua. Kerajaan Negeri telah pun menolak beberapa permohonan daripada pemaju yang meletakkan rumah-rumah kos rendah di dalam pemajuan mereka di tempat-tempat yang mungkin tidak sesuai atau tidak kondusif untuk diduduki. Terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Silakan Taman Templer.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Yang Berhormat Puan Timbalan Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Chempaka kerana Yang Berhormat Chempaka ini memang saya akui sahabat baik saya yang telah pun bersusah payah untuk membantu saya selesaikan banyak masalah di kawasan perumahan Bukit Botak, itu saya tidak nafikan. Tapi saya nak maklumkan di Dewan ini saya sebenarnya bukan tidak hadir Dewan tetapi saya keluar pukul 12 tadi kerana

terpaksa menziarahi seorang kawan yang telah meninggal dunia. Ini menjawab soalan Bukit Lanjan tadi.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Ini bukan sesi menjawab soalan.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Saya nak minta penjelasan pada Y.B. Chempaka. Tadi Yang Berhormat EXCO ada menyatakan bahawa bukannya siapa yang memulakan tetapi siapa yang menyudahkan. Saya setuju tetapi persoalan saya contoh di kawasan saya sendiri bukan soal siapa mula siapa siap tetapi kalau dah siap tapi penduduk yang duduk di situ, penduduk asal tidak mampu untuk memiliki rumah tersebut maka tak guna juga. Tak guna siap contohnya...

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Apa soalnya Taman Templer.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Saya minta penjelasan, Yang Berhormat EXCO faham.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Nyatakan soalan.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Yang Berhormat EXCO faham. Masalahnya kalau rumah itu telah disiapkan tapi tidak mampu dimiliki oleh penduduk di kawasan Bukit Botak maka saya rasa tak guna, jadi soalan saya bukannya eloknya kalau dah siap tetapi harga yang ditawarkan perlulah berpatutan dengan kemampuan penduduk yang akan membeli rumah tersebut. Terima kasih.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih Yang Berhormat. Sebab tu saya jawab petang bukan pagi sebab ketika itu saya lihat Yang Berhormat tiada. Jadi tentang Bukit Botak kita masih lagi dalam perbincangan dengan mereka-mereka atau penduduk-penduduk yang tidak mampu. Jadi maknanya kita belum lagi menutup pintu, masih terus berbincang dengan pihak atau penduduk yang berkata bahawa mereka tidak mampu.

Untuk meneruskan penggulungan saya, Kerajaan Negeri terus komited untuk membina rumah mampu milik melalui anak syarikat Kerajaan Negeri dan menggalakkan pemaju membina rumah mampu milik. Rumah mampu milik di Selangor memberi *value for money* ataupun nilai kepada wang kepada pemilik. Rumah kos rendah sebelum ini menjadi usang dan dibelenggu masalah dalam masa yang singkat. Terdapat yang dibeli oleh penduduk atau peneroka bandar dengan harga RM35,000.00 tetapi hari ini hanya boleh dijual dengan harga tidak sampai pun RM10,000.00 contoh di Negeri Selangor. Bandingkan dengan rumah-rumah yang dijual dengan peneroka bandar di

Bukit Botak tadi yang harganya mungkin kelihatan mahal RM99,000.00 tetapi harga pasaran adalah lebih daripada RM180,000.00 dan ada sekarang ini telah menawarkan rumah tersebut dengan harga melebihi RM200,000.00. Inilah *value for money* yang kita cakapkan.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Itu yang saya cakapkan Yang Berhormat kerana bagi saya bila rumah itu telah disiapkan tetapi penduduk asal Bukit Botak itu sendiri, Yang Berhormat sendiri tahu yang datang kata tak mampu beli rumah tersebut jadi walau harga pasaran tinggi, betul, kalau ikut *business point* memang dari segi rugi tidak ada kerana dijual lebih tapi masalahnya kita nak penduduk di Negeri Selangor yang kurang berada mempunyai satu aset bukan orang kata jual kepada Kerajaan Negeri dapat pampasan RM70,000.00 kemudian orang lain dari luar datang membeli, mereka yang mampu tetapi dari jangka masa panjang RM70,000.00 tidak akan menjamin masa depan mereka. Ini adalah warga tua yang memerlukan duit untuk jangka masa panjang. Jadi persoalan saya bukankah elok harga dikurangkan supaya penduduk di situ mampu membeli harga berpatutan dan mereka gunakan rumah tersebut sebagai aset jangka panjang bukan setakat tak mampu jual dan bagi RM70,000.00 kemudian masalah selesai tetapi selesai seketika sahaja bukan untuk jangka masa panjang.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Terima kasih Yang Berhormat. Saya rasa Yang Berhormat sedia maklum bahawa melalui borang-borang yang saya terima majoritinya menerima akan tawaran Kerajaan Negeri. Walau bagaimanapun bagi mereka yang tidak mampu sekarang ini kita masih meneruskan perbincangan dengan mereka apakah sebenarnya masalah yang dihadapi oleh mereka. Ini kita terus jalankan. Tapi penyelesaian setinggian atau peneroka yang dilakukan oleh Kerajaan Negeri pada hari ini ia adalah melalui pemberimilikan tanah Kerajaan Negeri di antaranya adalah seperti di Desa Seroja, Kajang, Kampung Sungai Makau, Hulu Langat, di Kampung Sungai Sireh, Kampung Sungai Sireh Tambahan dan Kampung Sungai Sireh Tambahan 2, Klang. Seperti yang kita ketahui semua mereka boleh mendapat hak milik tanah melalui Skim RM1,000.00. Tidak ada gunanya kita kata bahawa kita boleh memberi premium yang rendah tetapi tidak memberikannya atau tidak diluluskan semasa kita berkuasa. Permohonan untuk mendapatkan hak milik tanah dari banyak kampung kita lihat bahawa tidak ada sebab kenapa ia ditangguhkan tetapi ia ditangguhkan. Mungkin ada muslihatnya tetapi di bawah Pakatan Rakyat segala-galanya telah kita percepatkan. Berbalik kepada ucapan Bukit Antarabangsa bahawa PKNS akan menanggung...

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Terima kasih. Yang Berhormat EXCO tadi ada menyentuh fasal premium, jadi kalau boleh menyentuh sedikit fasal premium

yang saya bangkitkan tadi tentang premium di kawasan Kampung Bendahara Sungai Tua di mana masa zaman Barisan Nasional hanya RM1.00 premium tetapi hari ini dikenakan RM9.00 jadi kalau boleh minta tolong Yang Berhormat menyentuh tentang premium di Kampung Bendahara. Terima kasih.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Hanya satu kerajaan sahaja dalam dunia ini yang menawarkan premium RM1,000.00 jadi saya rasa ini adalah cara-cara untuk kita membantu rakyat. Katalah perkara yang sama berlaku pada zaman / di negeri-negeri lain di Malaysia ini tidak ada cara lain tetapi hanya satu kerajaan sahaja mungkin di dunia yang mengamalkan sistem RM1,000.00 ini. Jadi berbalik kepada rumah mampu milik ini, Bukit Antarabangsa.....

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Yang Berhormat, premium RM1,000.00 ini apa dia? Premium RM1,000.00?

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Tidak. Saya kata premium yang dikenakan di kawasan Bukit.....

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Templer, sekiranya ingin mencelah minta kebenaran daripada Chempaka dulu. Jika dia benarkan baru boleh bercakap.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Yang Berhormat, premium maksud saya adalah premium di kawasan Kampung Bendahara di mana pada zaman Barisan premium yang dikenakan RM1.00 sekaki persegi. Hari ini premium yang dikenakan RM9.00 oleh Kerajaan Negeri 9 kali lebih banyak. Masa RM1.00 pun mereka tak mampu nak bayar hari ini bila dinaikkan RM9.00 lagilah tak mampu. Itu persoalan saya. Tak timbul langsung soal RM1,000.00.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Kita ada premium RM1,000.00 di mana bahawa penduduk yang duduk di situ boleh bayar premium RM1,000.00 dengan syarat dia tidak menjual tanah mereka yang diberi milik dengan syarat kalau nak dipindah pun pindah kepada generasi kedua. Inilah yang dikatakan Skim RM1,000.00. Takkanlah Yang Berhormat tak tau tentang benda ni?.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Tetapi Yang Berhormat, nya akan disimpan oleh Kerajaan Negeri. Kalau ikut yang diberi taklimat walaupun diberi RM1,000.00 tetapi akan disimpan oleh Kerajaan Negeri. Yang Berhormat semak balik, kaji balik.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Ni siapa yang jawab soalan ni? Taman Templer tunggu dulu Chempaka jawab. Baru nak tanya. Separuh jalan nak jawab awak dah tanya lagi.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Puan Speaker saya nak memberi penjelasan sebab nampaknya dua perkara yang kurang jelas pada Taman Templer, satu ialah dulunya boleh jadi Kerajaan Barisan Nasional tak payah ada penilaian, dia kata tanah tu RM1.00 sekaki. Tapi apa kita buat kita nilai tanah tu benar dia RM9.00 sekaki tapi dia tidak bayar dengan nilai RM9.00 sekaki. Walaupun dia ada 5,000 kaki persegi, $RM9.00 \times 5,000 = RM45,000.00$ kalau dia bayar 10% pun RM4,500.00. Kalau 20% RM9,000.00 tapi kita kata tak payah bayar itu semua. Bayar dengan hanya RM1,000.00 sahaja. RM1,000.00 untuk semua. Jadi dengan membayar RM1,000.00 itu kita pindahkan nama dia tu daripada kerajaan dengan nama dia dan dia berhak ke atas ini. Bukan disimpan oleh kerajaan. Saya sendiri datang menyerahkan tanah kepada dia bersama dengan D.O. Saya akan serahkan, Kerajaan Negeri takkan simpan. Dia boleh cagarkan, boleh buat apa sahaja. Tapi tinggal lagi apabila dia jual kalau dia serah pada anak dia maknanya *by way of transfer* tak payah bayar tapi kalau dia jual pada orang lain pada kali itu boleh jadi tahun 2020 dia jual pada harga RM20.00 sekaki persegi dan dia kena jugalah bayar. Berapa dia bayar iaitu berapa harga premium pada masa itulah. Tetapi dia tidak akan rugi dari perkara tersebut.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Saya nak tanya pada Menteri Besar ke EXCO ye? Yang Amat Berhormat Menteri Besar / EXCO dari segi kos infra bagaimana? Yang RM7,000.00 yang dikenakan?

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Ini soalan lain bukan yang dibangkitkan masa perbahasan.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Tak. Sama soalan dengan premium, dengan harga kos infra.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Dia kena bayarlah. Cuma saya nak bawa kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa nilai tanah itu lebih tinggi daripada apa yang perlu dikeluarkan oleh penduduk atau oleh mereka yang terlibat. Saya rasa kita berikan *value for money* yang lebih kepada atau nilai untuk wang yang lebih di bawah kerajaan yang sekarang. Ok yang seterusnya Yang Berhormat ...

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Puan Timbalan Speaker minta penjelasan. Baik Kajang ingin meminta penjelasan sekali lagi daripada kerajaan tadi Y.B. daripada Seri Kembangan telah menjawab 17 keping tanah di Kajang yang tidak dapat tawaran,

tawaran yang RM1,000.00 premium awalan dan juga potongan 30% kalau dibayar keseluruhannya dalam tempoh 6 bulan. Dan nampaknya ada yang pengecualian dan terpaksa mereka memohon untuk buat rayuan, jadi kenapa ada, ada kategori-kategori sebegini dan Kajang agak keliru dengan keadaan.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Premium RM1,000.00 atau pun tawaran RM1,000.00 ini untuk rumah kediaman sahaja bukan untuk tapak-tapak perniagaan atau pun yang telah ada rumah. Saya kurang arif dengan

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Memang untuk pampasan untuk mereka buat rumah seperti di Seroja sama saja kes.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Kalau begitu kita boleh semak semulalah boleh kita semak semula tawaran RM1,000.00 ini ...

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Yang Berhormat boleh saya jawab untuk EXCO ...

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Saya tengah jawab, saya tengah jawab ...

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya tak benarkan Taman Templer.

Y.B. DATO' SERI SUBAHAN BIN KAMAL: Tak dia tanya kenapa saya ...

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Duduk Taman Templer, duduk.

Y.B. TUAN ISKANDAR BIN ABDUL SAMAD: Tawaran RM1,000.00 ini untuk rumah dan mereka telah duduk lama di situ bukan untuk perniagaan tetapi kalau ada pertanyaan atau percanggahan boleh kita bincang dan kita melihat kes-kes yang tertentu tersebut. Saya ingin merujuk kepada ucapan Bukit Antarabangsa bahawa PKNS akan menanggung beratus juta RM untuk membina rumah-rumah mampu milik dari 2013 hingga 2018 saya rasa saya yakin Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian telah dapat melihat akan komitmen PKNS untuk membelanjakan wang ini untuk rakyat dan Kerajaan Negeri akan menggunakan RM50 juta daripada rizab Kerajaan Negeri untuk membina rumah mampu milik pasang siap. Projek ini adalah peluang bagi teknologi-teknologi baru diterokai agar rumah mampu milik yang dibina lebih boleh dimiliki oleh lebih ramai rakyat yang memerlukan atau pun lebih *affordable* dengan izin. Jadi menjadi hasrat Kerajaan Negeri agar penemuan-penemuan teknologi baru ini akan dapat dimanfaatkan oleh industri perumahan termasuk PKNS dan pemaju-pemaju lain

dalam usaha untuk kita memberikan atau menyediakan rumah mampu milik kepada rakyat. Dalam masa yang sama untuk tidak kita terlampau menekan sangat pemaju-pemaju, terima kasih.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Pandamaran.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Saya ucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat kerana membangkitkan isu kerajaan tempatan demi mempertingkatkan mutu dan taraf perkhidmatan PBT. Isu aduan awam PBT melalui *facebook*. Cadangan awam memang baik, *facebook* merupakan media sosial yang berkesan. Saya sendiri ada *facebook* khas untuk menerima aduan orang awam di bawah nama Yang Berhormat Ronnie Liu. Setakat ini saya diberitahu MBPJ dan MPS telah melancarkan *facebook* masing-masing dan respons dikatakan amat menggalakkan. Lain PBT akan diminta juga melancarkan *facebook* di mana aduan dengan gambar boleh dipaparkan dalam laman *facebook* dan penyelesaian kemudian boleh dipaparkan dalam *facebook* yang sama. Cuma PBT harus ingat mereka dilarang menuntut kos sebanyak RM1.8 juta seperti yang ingin dibuat oleh Menteri Suka Melancong (bercakap dalam bahasa Mandarin) sedangkan *facebook* adalah percuma. Puan Timbalan Speaker cadangan Rawang juga Jawatankuasa Teknikal OKU telah ditubuhkan di MPBJ dan semua PBT yang lain diminta berbuat demikian. Inilah usaha untuk mewujudkan satu masyarakat penyayang kepada golongan OKU. Satu hari nanti kita pun menjadi macam OKU apabila umur kita meningkat pada 100 tahun atau lebih panjang nanti. Isu kompaktor pembelian 50 buah lori kompaktor itu ...

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Puan Timbalan Speaker minta penjelasan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Rawang ingin mencelah, silakan.

Y.B. PUAN GAN PEI NEI: Berkenaan Jawatankuasa Teknikal OKU pihak saya pernah bertanya apakah program yang dijalankan oleh pihak Kerajaan Negeri untuk memperkasakan Jawatankuasa ini sebab pengalaman saya di MPS memang dari segi pihak PBT dan juga Ahli Majlis kurang proaktif untuk adakan mesyuarat atau pun mengadakan polisi untuk Jawatankuasa Teknikal OKU ini. Itulah sebabnya saya mencadangkan supaya disyaratkan bahawa tahun ini diadakan satu Audit Kemudahan OKU di setiap PBT di Negeri Selangor ini.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Timbalan Puan Speaker, Puan Timbalan Speaker di peringkat negeri kita telah menubuhkan satu Jawatankuasa Teknikal OKU. Tujuannya ialah mewujudkanlah apa yang saya sebutkan tadi satu syarikat penyayang di mana kita akan memastikan semua bangunan atau pun projek perumahan ke,

komersial ke dia mesti dibuat dengan dalam keadaan yang menyenangkan atau orang OKU atau golongan OKU, *accessibility* dan sebagainya. Jadi memang, memang semua Ahli Majlis dan juga pegawai di semua PBT diminta memberi fokus kepada perkara ini kerana perkara ini memang pentinglah untuk kita mencapai di mana semua bangunan yang baru di Negeri Selangor akan senang atau pun mudah di akses oleh golongan OKU.

Saya pergi kepada isu kompaktor. Sebenarnya tuduhan daripada Sungai Pelek adalah tidak berasas. Jadi katakan modal itu adalah modal yang telah diberhentikan. Sebenarnya semua kompaktor ini telah dibeli melalui KDEB dalam bentuk *complete not down*, maksudnya bukan satu lori yang siap dihantarkan masuk ke diimport ke Malaysia, tidak. *Not complete not down*, dengan cara itu kita dapat menjimatkan kos yang banyak tinggi. Setakat ini kerajaan telah melalui KDEB kita telah ada 50 buah lori kompaktor untuk kegunaan Pihak Berkuasa Tempatan. Dan memang tidak melibatkan wang Kerajaan Negeri. 17 unit lori kompaktor telah sampai manakala bakinya 33 ...

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Puan Timbalan Speaker

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: nanti dulu ya.. akan sampai pada bulan Disember tahun ini. Kesemua lori tersebut dihantar kepada MBSA dan MBPJ untuk pengagihan kepada semua PBT yang lain. Jumlah pembelian bagi kesemua 50 unit lori kompaktor tersebut adalah RM14.025 juta.

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Terima kasih Yang Berhormat EXCO saya ingin mendapatkan penjelasan yang dijawab oleh EXCO tadi tidak melibatkan wang Kerajaan Negeri. Jadi GLC, KDEB itu ada tak duit Kerajaan Negeri dan di manakah *loan* daripada ...

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Baik, baik boleh...

Y.B. TUAN YAP EE WAH: Terima kasih.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Puan Timbalan Speaker di dalam proses pembelian tersebut KDEB telah menjalankan proses *request for proposal* iaitu pelawaan memberi cadangan pada November 2011 di mana tidak kurang daripada 17 buah syarikat pembekal kompaktor telah dipelawa untuk mengemukakan cadangan untuk membekalkan 50 buah kompaktor. Di antara cadangan yang telah dikemukakan termasuk cadangan daripada syarikat-syarikat seperti Scania Malaysia dan Tanjung Industrial Equipment. Terdapat juga syarikat yang lebih kecil seperti Bumi Jati, Syarikat Pembekalan Perkhidmatan Le Sang yang telah mengemukakan cadangan untuk

membekalkan kompaktor. Sejumlah 13 buah syarikat telah mengemukakan cadangan untuk membekalkan kompaktor tersebut. Harga yang dikemukakan menjulang dari RM252,500.00 hingga RM396,000.00 untuk sebuah kompaktor. Semua kompaktor yang dibeli oleh Kerajaan Negeri melalui Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) akan diuruskan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Bandar raya Petaling Jaya. Oleh yang demikian dasar dan peraturan telah menetapkan kontraktor kutipan sisa pepejal yang berjaya akan diberi penyewaan lori kompaktor. Segala peraturan terikat di dalam kontrak perjanjian penyewaan di antara MBSA dan MBPJ dan kontraktor.

Y.B. TUAN DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Yang Berhormat Puan Speaker. Boleh...

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Ya silakan Semenyih.

Y.B. TUAN DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Saya nak bertanya apakah kriterianya yang bukan duit Kerajaan Negeri tapi anak syarikat Kerajaan Negeri ini KDEB ini diberi konsesi untuk membeli kompaktor ini. Apakah tujuan bagi KDEB untuk membeli kompaktor ini.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Puan Timbalan Speaker, Kerajaan Negeri membuat demikian kerana kita merasakan cara ini lebih elok dan lebih teraturlah, itu sebabnya.

Y.B. TUAN DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Tapi minta penjelasan sikit jadi maknanya EXCO mengaku arahan daripada Kerajaan Negerilah...

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Memanglah ini kuasa

Y.B. TUAN DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Tadi cakap tak ada terlibat Kerajaan Negeri untuk pembelian ini. Jadi saya rasa betulkan balikkah dia atas arahan Kerajaan Negeri untuk KDEB ...

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Apa salahnya atas arahan Kerajaan Negeri Yang Berhormat, apa salahnya.

Y.B. TUAN DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Fasal daripada semalam pun beritahu ...

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Apa salahnya

Y.B. TUAN DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Memang tak salah ...

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Cuma kalau tak salah bolehlah

Y.B. TUAN DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Memang tak salah ok saya teruskan cuma *statement* itu betulkanlah.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Kajang ingin mencelah.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih Puan Timbalan Speaker dan juga EXCO, PBT. Kajang ingin bertanya selain daripada kompaktor yang dipesan akan dibekalkan kerana ada peralatan-peralatan seperti jet mesin, alat mesin untuk menyapu jalan dan sebagainya juga diperlukan dengan agak *urgent* dengan izin. Dan bagaimana kerajaan pertimbangkan untuk membekalkan juga peralatan-peralatan sebegini yang harganya agak mahal untuk PBT-PBT untuk menjalankan kerja-kerja dengan lebih efisien. Selain daripada itu pada sidang-sidang lepas EXCO berkaitan juga menyatakan setiap PBT akan 10% daripada kerja-kerja sisa pepejal dan pembersihan akan dijalankan secara *in-house* dan alat-alat ini juga diperlukan. Dan setakat manakah yang 10% ini sudah tercapai, sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Puan Timbalan Speaker Kajang memang betul, kerajaan memang berniat dan telah memberi arahan kepada semua PBT masing-masing dan mereka pun menyediakan perkhidmatan *in-house* dalam masa ada kontraktor yang kurang cekap dan sebagainya, kita boleh memberi perkhidmatan *backup* dan memang, memang arahan telah diberi seperti MPK telah mencapai 15% *in-house*. Itu yang siling kita bagi kepada setiap-tiap PBT dan semua PBT lain dalam proseslah untuk mengadakan *in-house service*. Yang Berhormat harus faham kita baru saja mengambil alih daripada Alam Flora sejak bulan Mac *officially*, bulan Mac tahun ini. Jadi kita mintalah bagi *time* dan peluang kepada semua PBT untuk mempertingkatkan perkhidmatan ini. Puan Timbalan Speaker, isu cadangan pembangunan pemaju *forward esteem spectacular highs* dan Angkasa Gagah. Ini soalan daripada Hulu Kelang. Ketiga-tiga projek pembangunan yang dibangkitkan oleh ADUN Hulu Kelang di kawasan Majlis Perbandaran Ampang Jaya masih lagi belum diluluskan. Pihak MPAJ sedang dalam proses menilai secara terperinci terhadap ulasan-ulasan jabatan-jabatan teknikal dan maklum balas daripada penduduk sekitar. Sesi taklimat kepada penduduk telah diadakan pada 3 Oktober tahun ini dan 8 November tahun ini juga pihak MPAJ memberi peluang kepada penduduk untuk memberi maklum balas dan ulasan secara bertulis dalam tempoh sebulan pihak MPAJ menimbangkan permohonan tersebut. Pihak MPAJ telah mengguna pakai perancangan tempatan MPAJ 2020, garis panduan perancangan pembangunan di kawasan bukit dan tanah tinggi di Negeri Selangor 2010

dan garis panduan berkaitan dalam menimbang permohonan tersebut untuk isu pengurusan sampah MPAJ melakukan pemantauan.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Minta penjelasan, apakah butiran-butiran yang diperlukan bagi menjustifikasikan bantahan penduduk dan pembangunan tersebut?

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: *Sorry*

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Apakah butiran-butiran yang diperlukan dikemukakan bagi menjustifikasikan bantahan penduduk dan pembangunan tersebut?

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Yang Berhormat, saya belum mendapat laporan daripada MPAJ dan tetapi Yang Berhormat boleh lah membuat rujukan secara terus daripada MPAJ. Isu pengurusan sampah MPAJ melakukan pemantauan dan kawalan dengan menggunakan *walkie talkie* ataupun *Notice to Correct (NTC)*, dan denda kepada kontraktor yang gagal mengikut jadual kutipan selain itu surat tunjuk sebab turut dikemukakan dan kepada mana-mana kontraktor yang tidak menunjukkan prestasi yang sepatutnya sebelum proses penggantungan dan penamatan kontrak, pihak MPAJ hanya membuat pembayaran kerja-kerja yang dilaksanakan mengikut spesifikasi yang telah ditetapkan kerja-kerja yang tidak dilaksanakan oleh kontraktor yang bermasalah akan dilaksanakan kontraktor sokongan menggunakan peruntukan daripada pemotongan kontraktor yang gagal.

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Penjelasan. Isu yang saya timbulkan adalah tentang isu tidak ikut jadual di kawasan-kawasan,

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Mencelah

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Jadi maknanya isu yang saya cadangkan sekiranya mengangkat sampah perlu dilakukan tiga kali seminggu ada kawasan yang diangkat sekali jadi MPAJ berhutang dua kali jadi isu yang saya bawa adalah sepatutnya Kerajaan menimbang balik untuk memberi *refund*, saya mencadangkan *refund* dibayar kepada pembayar cukai itulah maknanya *value for money* yang saya cadangkan

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Yang Berhormat sebenarnya tak ada arahan itu, tak ada dasar itu semua domestik kutipan sampah domestik mesti dilakukan sekurang-kurangnya tiga kali satu minggu tak ada dasar untuk satu kali dalam minggu dan sebagainya. Yang Berhormat mungkin keliru

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: (mencelah)

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tidak mengikut jadual kalau dia tidak ikut jadual mereka akan dapat saman, notis

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Realitinya penduduk *suffer*, dengan izin

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tak ada mana-mana, saman

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Saya tinggal di Taman Seri UK Zon 6, MPAJ berminggu-minggu sekali saja sampah diangkat maksudnya mereka gagal, maksudnya kontraktor itu gagal, bukan sengaja bukan dalam dasar kita hanya sekali dalam satu dua minggu, maksudnya gagal. Yang Berhormat EXCO dengan jawapan saya, saya sebagai Ahli Dewan Negeri Pakatan Rakyat menyokong Kerajaan dan mengesyorkan Kerajaan berhemat dan mengenang jasa pembayar cukai dengan mengambil hati mereka membayar lebih ataupun *refund*.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Yang Berhormat

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Apa masalah nya kita membahar secara dasar, dasar ini boleh digubal dalam sidang yang mulia ini, sebagai EXCO sepatutnya menyokong saya berbakti kepada

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Yang Berhormat, dasar kita tidak tukar semua PBT sama semua sampah dikutip sekurang-kurangnya 3 kali satu minggu jadi apa yang berlaku di kawasan Yang Berhormat ialah satu kegagalan kontraktor di tempat itu, faham, ke Yang Berhormat EXCO tak faham

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Apa yang tak faham

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Realitinya

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Kontraktor itu gagal, bukan ada yang lain

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang lain senyap

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Tapi akhirnya pembayar cukai membayar ke MPAJ bagi pihak Kerajaan Negeri,

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Memang, memang pun bayar cukai tidak harus di layan sedemikian tak ada polisi negeri untuk sesuatu tempat, satu kali saja, tak ada benda itu, tak faham,

Y.B. TUAN HAJI SAARI BIN SUNGIB: Saya rasa Y.B.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Timbalan Puan Speaker kenapa Exco tak faham ini, Yang Berhormat Puan Speaker

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Saya rasa Exco menjawab ini rasa saya mungkin tak pernah..

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya beri kebenaran bukan suruh buat ulasan ya.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Soalan saya, adakah Exco tahu yang masalah sampah ini bukan sekadar di Hulu Kelang saja, saya boleh *detail* kan sekarang ini pun, Desa Mutiara tengah-tengah bahu jalan saya ada video pun kalau nak tengok Exco mengangkat sampah saya ada video kejap lagi nak tunjuk saya boleh tunjuk, jadi banyak sampah yang sekarang ini denggi pun berleluasa sekarang ini ekoran sampah pun tak berangkat adakah EXCO tahu yang masalah sampah ini kontraktor baru ini dah hampir 8 bulan mengendalikan kerja ini tidak melakukan kerja dengan sempurna, soalan saya adakah EXCO tahu atau sedar tak perkara ini.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Puan Timbalan Speaker, saya berani mengatakan di sini kerana Yang Berhormat katakan kontraktor yang sama 8 bulan pun tak buat kerja dengan betul, betul tak, adakah itu satu tuduhan ke ataupun satu kenyataan tak betul, cakap sekarang.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Boleh ke saya bangun Yang Berhormat

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: 8 bulan, 8 bulan pun kontraktor sama tidak buat kerja dengan baik, betul? Betul tak, tak betul, tak betul, itu tuduhan. Saya berani kata tuduhan ini tidak berasas kerana semua PBT sejak kami mengambil alih, duduk la sabar la *you* mahu jawapan ke mahu bergaduh saja, *you* mahu jawapan ke mahu gaduh

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Duduk dulu Templer, minta duduk

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Kalau mahu jawapan sila duduk,

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya minta Pandamaran jawab soalan yang dikemukakan terus...

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Puan Timbalan Speaker, semua PBT Kerajaan menganggap isu ini sangat penting dan kita telah menangani isu ini dengan baik, mana-mana Yang Berhormat nak buat tuduhan kena spesifik, taman mana, bila, tunjuk dulu gambar apa guna, TV3 pun selalu buat sedemikian sebab memang pun pembangkang tidak mahu nampak Kerajaan Negeri boleh menangani masalah sampah dengan baik jadi putar belit la dan sebagainya saya berani Yang Berhormat berbohong kerana *you* katakan, saya berani kata *you* bohong kerana *you* katakan ada kontrak yang sama masa 8 bulan dengan prestasi yang teruk tetapi perlu ditukar itu tidak benar sama sekali, beri nama saya kontraktor itu, sekarang apa nama kontraktor di taman mana, dari bulan apa sampai bulan apa cakap sekarang.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Saya punya tugas tak tahu nama kontraktor

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Kalau tak tahu nama kontraktor boleh

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Boleh Tanya YDP

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Mana nama kontraktor, taman mana?

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Desa Mutiara dan sekarang cara pengutipan ada video, memilih sampah

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Apa video, video, *you* sendiri pakai, ok, ok saya nak tahu taman mana?

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Desa Mutiara Sungai Jelok,. .

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Bulan berapa sampai bulan berapa?

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Baru minggu lepas...

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Minggu lepas saja bukan 8 bulan...

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Tapi sampah ini dah berbulan, aduan saya dah Tanya penduduk aduan telah diajukan banyak kali, tapi..

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Yang Berhormat saya minta maklumat tersebut diberi selepas Dewan tak perlu lagi bincang panjang lebar tentang satu.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Yang Berhormat dia suruh saya jawab, sebab itu saya bangun.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya cadangkan Pandamaran terus menjawab soalan yang dibangkitkan semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan. Saya minta Pandamaran jawab soalan-soalan yang dibangkitkan.

Y.B. DATUK HAJI JOHAN BIN ABD AZIZ: Minta laluan Puan Timbalan Speaker, minta laluan..

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Kerana kesuntukan masa, CCTV, Isu CCTV, memang tidak dinafikan pelaksanaan CCTV dalam pemantauan kejadian jenayah telah menunjukkan kesan positif sebagai contoh pada tahun 2011 bilangan kes jenayah telah berkurangan sebanyak 34% iaitu 3945 kes jenayah sahaja, berbanding dengan tahun 2007 iaitu sebanyak 8273 kes jenayah namun demikian, 5 kriteria yang lain iaitu pemantauan trafik, pemantauan sampah haram pemantauan banjir tanah runtuh, dan pemantauan operasi jajah halangan diteruskan dengan kapasiti CCTV yang sedia ada, namun demikian penekanan pihak Majlis adalah keberkesanan CCTV terhadap pemantauan dan penguatkuasaan sampah haram, sehingga kini pemasangan CCTV bagi tujuan pemantauan sampah haram adalah berdasarkan 3 kriteria utama iaitu punca bekalan kuasa, pencahayaan, dan tapak penempatan CCTV di tiang, lokasi pembuangan sampah haram pada kebiasaannya adalah di pinggir bandar ataupun kawasan terpencil dan ketiadaan salah satu kriteria di atas akan menyebabkan pemasangan CCTV tidak dapat dilaksanakan, sehingga kini sebanyak 8 unit CCTV telah pun diperuntukkan untuk memantau pembuangan sampah haram berdasarkan aduan dan permintaan, lokasi terkini penempatan CCTV untuk pemantauan sampah haram adalah seperti berikut:-

- (i) Bandar Saujana, Puchong – 4 unit
- (ii) Bandar Puchong Utama – 1 unit
- (iii) Seri Kembangan – 2 unit
- (iv) Seri Serdang – 1 unit

Namun demikian, kekangan utama bagi pendakwaan terhadap pesalah bagi kes pembuangan sampah haram adalah seperti berikut, kesukaran mendapatkan identiti pesalah, kesukaran mengenal pasti kenderaan disebabkan gambar tidak dapat dirakam dengan jelas, Isu sampah haram sebagai makluman pelaksanaan penguatkuasaan pemantauan sampah haram di kawasan MPSJ adalah seperti berikut: 2 peratus 1 operasi telah dijalankan, 10 notis tawaran kompaun telah dikeluarkan dan 11 notis kacau ganggu telah dikeluarkan sementara itu, kalau sampah haram yang berpunca daripada sisa industri adalah sebanyak 230 operasi telah dijalankan dan 14 notis kompaun telah dikeluarkan, pihak majlis telah mengadakan pembersihan secara *Task Force* sebanyak 511 kali, dan sebanyak 862 tan sampah haram telah dibersihkan namun demikian kes sampah kebun yang dikeluarkan oleh penduduk telah pun dinyatakan dalam undang-undang kecil, pemungutan, pembuangan dan pelupusan sampah sarap Majlis Perbandaran Subang Jaya. Bahagian dua, Oleh yang demikian penghuni rumah perlu memasukkan sampah dari sisa perkebunan mereka dalam beg plastik dan dimasukkan di hadapan rumah masing-masing bukan di bawah pokok, seberang jalan atau di tempat-tempat lain untuk dikutip oleh kontraktor Majlis, sampah yang tidak muat dimasukkan dalam beg plastik hendaklah dibayar oleh pemilik rumah mengikut kadar yang telah ditetapkan oleh Bahagian Landskap Majlis. Dengan kadar RM5 setan. Saya mengaku untuk mencajkan kepada pemilik rumah adalah satu langkah yang kurang *friendly* dengan izin jadi saya sedang telah mencadangkan kepada MPSJ supaya mengadakan satu cara yang lebih kurang sama dengan PBT yang lain seperti MPK, di mana MPK mengadakan kutipan sebanyak 2 kali satu minggu, tetapi di MPSJ pada setakat ini dua kali satu bulan, jadi ini di situ adalah satu kelemahan jadi Yang Berhormat saya akan mengadakan satu mesyuarat di antara semua kontraktor dan juga pemantau-pemantau PBT sendiri supaya kita boleh mempertingkatkan lagi perkhidmatan untuk *garden waste*.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Puan Timbalan Speaker, minta mencelah. Dari Kajang.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Kajang pun sama juga.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Berkaitan dengan sisa kebun yang dikutip memang telah nampak kemajuan di kawasan-kawasan termasuk MPKj di mana ia dikutip oleh Kontraktor pembersihan. Dua kali sebulan. Memang kita nampak kemajuan. Akan tetapi Kajang ingin bertanya ke manakah sisa-sisa ini dibuang, ke manakah ia dibuang. Kalau kita amalkan *environmental friendly* (dengan izin) kita harus wujudkan satu tapak di mana bahan-bahan organik ini akan dihancurkan dan boleh digunakan sebagai bahan-bahan untuk perkebunan, landskap dan sebagainya. Minta penjelasan daripada EXCO, terima kasih.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Ya, Puan Timbalan Speaker, cadangan akan dikaji dan MPKj juga akan dijemput datang bersama untuk mesyuarat di mana kita akan mencari satu *solution* (dengan izin) dengan lebih baik. Isu papan iklan *billboard* atau *unipole* milik Dang Wang Koperasi juga dibangkitkan oleh Subang Jaya. Mengikut garis panduan, paparan iklan boleh didirikan di atas kawasan zon penampakan dan pembinaan tersebut adalah mengikut kehendak-kehendak teknikal kerana tapak tersebut telah memperolehi kelulusan TOL daripada Pejabat Daerah Tanah Petaling serta kelulusan kebenaran merancang dan permit bangunan daripada MPSJ. Sekiranya penduduk tidak berpuas hati, rayuan boleh dikemukakan kepada Lembaga Rayuan. Isu dua *structure* papan iklan di SS 17 dan SS18 milik Kinetic Solution juga dibangkitkan Subang Jaya. Pihak Majlis juga telah memberi penjelasan yang serupa berkaitan pembinaan paparan iklan di atas melalui surat yang telah dihantar kepada Y.B. Hannah Yeoh bertarikh 22hb Jun 2012.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Soalan tambahan. Sebenarnya Y.B. EXCO soalan saya ialah sama ada Kerajaan Negeri akan *review* semula syarat-syarat kebenaran merancang yang telah diberikan. Mendirikan *billboard* di zon penampakan di 10 kaki *set back* memang kurang selamat, di *actual* lokasi di Subang Jaya memang tak selamat dan pandangan penduduk langsung tidak diambil kira setelah kita membantah panggil kita pergi ke Lembaga Rayuan. *This is not friendly government.*

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Puan Timbalan Speaker, sebenarnya pada zaman Barisan Nasional tak ada garis panduan, nanti dulu..dalam zaman Barisan Nasional tak ada garis panduan yang tertentu. Selepas Pakatan Rakyat mengambil alih baru lah kita bersama-sama dengan Persatuan Periklanan dan sebagainya, kita bersama-sama mengubahkan satu garis panduan yang seragam diguna pakai oleh semua PBT selama tiga (3) tahun. Dalam tiga (3) tahun ini kita tidak mengalami masalah-masalah yang serius, jadi adalah pandangan orang tertentu termasuk Y.B. katakan 10 kaki tak cukup, zon penampakan tak sesuai dan sebagainya tetapi saya perlu mengingatkan Y.B. garis panduan ini adalah (dengan izin) *conclusion* adalah keputusan semua pihak bukan saja PBT, ia ada *Laywer*, ada Persatuan dan sebagainya. Orang yang ada pengalaman dalam industri *billboard*, bersama-sama sepanjang satu tahun jadi mereka sudah melalui semua aspek tetapi bagaimana pun kalau Y.B. rasa garis panduan yang sedia ada itu tidak ada kelemahan bolehlah, bolehlah membuat cadangan supaya PBT boleh sekali lagi mengadakan satu bengkel ya, untuk meninjau semula.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: EXCO, EXCO.

PUAN TIMBALAN SPEKAER: Silakan.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Saya ingin merujuk kepada persoalan papan iklan, *billboard* dan juga *unipole* di beberapa PBT. Saya dapati ada juga papan-papan iklan, *billboard*, *unipole* yang dimiliki oleh PBT, yang dimiliki oleh PBT, tidak dimanfaatkan, maknanya papan iklan itu kosong. Tidak ada sebarang iklan, mungkin tidak ada klien ketika ini tetapi mengapa Kerajaan Negeri tidak mengarahkan pihak PBT untuk memanfaatkan *billboard*, ataupun papan iklan yang kosong ini untuk menaikkan dasar-dasar Kerajaan Negeri untuk dipamerkan pada *billboard* tersebut. Apakah PBT lebih rela melihat *billboard* ini kosong dan tidak dimanfaatkan daripada menaikkan dasar-dasar Kerajaan Negeri untuk pengetahuan rakyat. Yang keduanya apakah PBT, Kerajaan Negeri bersetuju sekiranya masalah kewangan yang ditanggung oleh PBT, sekiranya ADUN bersetuju menaikkan untuk menaikkan *message* Kerajaan Negeri, apakah ini juga menjadi halangan kepada pihak PBT.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Puan Timbalan Speaker, untuk *billboard* ini sebenarnya majoriti ya, kebanyakan *billboard* ini didirikan oleh pihak swasta, jadi memang adalah dasar negeri mengadakan dasar-dasar negeri dipaparkan menggunakan *billboard* sedemikian. Dan setakat ini setiap DUN, setiap DUN diberi peluang satu atau dua *billboard* untuk tujuan itu. Kalau masih ada *billboard* yang dia nampak kosong itu, barangkali *billboard* itu pemilikan swasta, dan dia belum dapat dengan *izin advertiser* yang sudi mengambil kekosongan itu. Dalam keadaan sebegini, PBT tak ada hal untuk menggunakan papan itu. Sebab itu, Y.B. masih nampak ada *billboard* yang di sini, di sana masih kosong. Jadi tetapi bagaimana pun, kalau lah, kalau lah ada *billboard* yang memang bukan pemilikan swasta tetapi pemilikan PBT memang semua ADUN ataupun Ahli Parlimen boleh menggunakan dengan memaparkan maklumat-maklumat dan dasar Kerajaan Negeri.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Y.B. Minta laluan, minta laluan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Templer.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Saya nak minta pada Y.B. EXCO adakah, penjelasan ya, adakah ini bercanggah dengan dasar kerajaan Pakatan kerana pada satu ketika masa Barisan Nasional memerintah pernah dikeluarkan tohmahan mengatakan bahawa pembaziran berlaku kerana kesemua papan tanda yang dipunyai oleh, ataupun *unipole* yang dipunyai oleh Kerajaan Negeri mempamerkan gambar-gambar Wakil Rakyat ataupun Menteri Besar, tapi hari ini nampaknya cakap tak serupa bikin, Kerajaan Pakatan pun buat lebih kurang. Tambah lagi di kawasan Gombak saya tengok daripada mula sampai akhir asyik gambar Y.B. Bukit Antarabangsa je tak ada gambar lain. Jadi saya rasa ini satu pembaziran.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Ini soalan ke apa.?

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Ini fitnah ni tak betul. Kerja tak habis-habis buat fitnah. Tidak ada *unipole* ataupun *billboard* ataupun papan iklan yang dimiliki oleh PBT yang memaparkan gambar saya. Saya sebut tadi bukan gambar pemimpin, saya sebut dasar Kerajaan Negeri Pakatan Rakyat, jelas.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Y.B. jangan marahlah dia nak gaduh saja. Sebenarnya, sebenarnya pada zaman Barisan Nasional dia nak gaduh saja.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Puan Speaker, *point of order*. 36.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Pada zaman, pada zaman Barisan Nasional memang lah terlalu banyak *billboard* digunakan.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Sangkaan jahat. Saya Wakil Rakyat Templer, dia kena minta maaf pada seluruh...

PUAN SPEAKER: Peraturan berapa?

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW Minta maaf apa, *you* asyik kacau je.

PUAN TIMBALAN SPEAKER : Nyatakan peraturan berapa.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: 36 (4)

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Bila saya bagi jawapan, *you* tidak puas hati. Itu saja.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: 36 (4)

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Apa yang dikatakan biadab tu.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Dia menggunakan bahasa biadab. Dia panggil saya kaki gaduh. Sepatutnya dia minta maaf pada seluruh pengundi di Templer. Saya ni Wakil Rakyat bukan kaki gaduh.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Saya bukan mencari gaduh. *You* bukan kaki gaduh.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Saya...

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: *You* bukan kaki gaduh.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Saya tak pernah cari gaduh, saya nak cari penjelasan.

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Baik dengar. Nak dengar penjelasan kena duduk dan dengar.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Puan Timbalan Speaker saya ingin memberi maklum balas kepada Bukit Antarabangsa.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Puan Speaker, sebelum lanjut Kajang ingin mohon penjelasan.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Soalannya..

PUAN TIMBALAN SPEAKER: Biar Pandamaran jelaskan dahulu.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Sabar-sabar. Bukit Antarabangsa membangkitkan garis panduan pembangunan yang tidak seragam di antara PBT. Bagi kelulusan pelan pembangunan pihak Majlis Bandaraya Shah Alam. Sebagai contoh ya, mengguna pakai manual garis panduan dan piawaian perancangan Negeri Selangor Edisi kedua. Bermula pada tahun 2010, selaras dengan kelulusan pemakaiannya oleh MMKN ke-39 pada tahun yang sama dan disahkan di MMKN juga pada tahun yang sama pada 3hb November 2010. Majlis Bandaraya Shah Alam dan juga semua PBT menggunakan garis panduan yang sama setelah garis panduan ini diluluskan pemakaiannya oleh Kerajaan Negeri. Soalan bilangan tempat letak kereta untuk sebuah pembangunan, jawapannya agak panjang ya. Bagi keperluan tempat letak kereta, pihak Majlis mengguna pakai garis panduan sebagaimana manual garis panduan dan piawaian perancangan Negeri Selangor edisi kedua berdasarkan kategori pembangunan seperti jenis pembangunan kos rendah, kos sederhana rendah, pangsapuri kos sederhana, pangsapuri kos tinggi dan perumahan serata perdana. Jadi jenis pembangunan ada tempat letak kereta yang berlainan tetapi ini telah diseragamkan di Negeri Selangor. Untuk komersial pun ada jenis kedai dan kedai pejabat, kompleks perniagaan, stesen minyak, SOHO, pangsapuri perkhidmatan dan sebagainya. Dan masing-masing ada tempat letak kereta yang ditentukan. Dan untuk industri pun, ruang pengeluaran, stor dan gudang, pejabat ada yang tertentu. Jadi telah diseragamkanlah di Negeri Selangor. Soalan status zon penampakan. Jawapannya

berdasarkan manual garis panduan dan piawaian perancang Negeri Selangor edisi kedua, zon penampian adalah kawasan yang memisahkan dua aktiviti guna tanah yang bercanggah. Contohnya kawasan perumahan dan industri. Kebiasaannya terdiri daripada kawasan hijau. Pembangunan yang boleh dipertimbangkan dalam zon penampian fizikal termasuklah jalan raya, longkang dan parit, sungai, tasik, tempat letak kereta dan kawasan lapang. Zon penampian ditentukan berdasarkan ciri-ciri cerun, *structure* tanah, dan tertakluk kepada penilaian juru teknikal serta kriteria-kriteria berikut:

- Jarak zon penampian dikira dari garisan bangunan dengan kawasan bercerun bagi pembangunan di atas plato.
- Jarak zon penampian dikira dari ketinggian cerun, tanah tinggi bagi pembangunan persempadanan dengan cerun ataupun tanah tinggi.

Jadi berdasarkan *guideline for sitting for industries*, zon penampian ditarifkan sebagai kawasan tanah yang terletak dari sempadan kawasan perindustrian untuk sempadan kawasan kediaman yang terdekat akan dipelihara, dilindungi untuk melindungi kehidupan dan sifat-sifat manusia, kesihatan manusia, keselesaan dan kesejahteraan terhadap pencemaran, pencemaran sisa atau apa-apa syarat yang buruk, yang mungkin dihadapi dalam bentuk pencemaran udara, pencemaran air, bunyi, bau, asap, kebakaran, estetik, lalu lintas dan kegusaran awam. Jadi kawasan ini boleh tertakluk kepada pembangunan lanjut dan guna tanah berguna tetapi harus jenis yang serasi termasuk jalan, parit, sungai, tasik, tempat letak kereta, hutan, tumbuh-tumbuhan semula jadi, kawasan lapang, industri perkhidmatan, penyimpanan yang tidak merbahaya. Tujuan zon penampian adalah untuk memisahkan aktiviti yang bercanggah atau untuk mengurangkan masalah pencemaran sebagaimana digariskan oleh jabatan Alam Sekitar bergantung pada jenis pembangunan tersebut.

Y.B. TUAN LIM KEE SIN: Puan Timbalan Speaker minta pencelahan.

Y.B. PUAN TIMBALAN SPEAKER: Ringkas.

Y.B. TUAN LIM KEE SIN: Terima kasih Puan Speaker, terima kasih. Terima kasih kepada EXCO. Berkaitan dengan zon penampian, Kajang ingin membawa perhatian EXCO berkaitan dengan Kg. Bkt Angkat di bawah DUN Sg. Chua, di bawah DUN Kajang di kawasan Sg. Chua, di mana kawasan perindustrian Bkt Angkat telah dimajukan tapi tidak ada zon penampian yang di *reserve* kan antara Kg. Bkt. Angkat dengan zon perindustrian. Dan ini, memang ada satu keping tanah di antara Kg. Bkt Angkat dengan zon perindustrian, kita berharap kerajaan dapat memperoleh tanah ini dan menjadikan zon penampian. Selain daripada itu, oleh sebab Kajang tidak

dibenarkan untuk menyoal, minta penjelasan tadi berkaitan *billboard*. Sekarang ini, Kajang ingin meminta penjelasan daripada pihak kerajaan, kerana kerajaan telah dimaklumkan oleh Pejabat Tanah Daerah Hulu Langat bahawa TOL, iaitu Lesen Sementara tidak dikeluarkan lagi untuk *billboard-billboard*, dan kerajaan mendapati memang begitu banyak *billboard-billboard* ini didirikan baru-baru ini dan juga kekeliruan yang di timbul juga selain daripada itu, Kajang di setiap simpang persimpangan khususnya *billboard* yang terlalu banyak memang dia akan mengelirukan boleh. Kajang bercadang, Kajang mengkaji sama ada apa berapa *billboard* boleh dibenarkan di setiap persimpangan. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tuan Speaker, sebenarnya semua *billboard*, kena mengikut garis panduan yang sedia ada. Kalau ada keadaan di mana simpang ada terlalu banyak itu, semua *billboard* ini dirobohkan. Dan dasar kerajaan tidak katakan mana-mana Pejabat Tanah tidak boleh dikeluarkan TOL lagi untuk *billboard* lagi. Kajang mendapati begitu banyak *billboard - billboard* ini didirikan baru-baru ini dan kekeliruan yang di timbul dan juga selain daripada itu, Kajang mencadangkan di setiap simpang persimpangan khususnya *billboard* yang terlalu banyak, memang ia akan mengelirukan jadi Kajang bercadang, Kajang mengkaji sama ada apa *billboard* boleh dibenarkan di setiap persimpangan. Sekian, terima kasih.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Tuan Speaker, sebenarnya semua *billboard* berkenaan *billboard* kena mengikut garis panduan yang sedia ada. Kalau ada keadaan di mana simpang ada terlalu banyak itu semua *billboard* ni akan dirobohkan. Dan dasar kerajaan tidak katakan mana-mana Pejabat Tanah tak boleh keluarkan TOL lagi. Tak ada dasar itu. Selagi tempat itu sesuai, ini akan diteruskan.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Minta penjelasan. Yang Berhormat EXCO, Subang Jaya ada bangkitkan dalam perbahasan, Subang Jaya juga diberitahu oleh MPSJ bahawa Pejabat Tanah tidak lagi mengeluarkan TOL untuk *billboard*. Ini bercanggah dengan jawapan yang diberikan oleh dewan..

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Tak ada dasar itu Yang Berhormat. Tak ada dasar dari negeri katakan tak boleh lagi bagi TOL lagi untuk *billboard* selagi tempat itu sesuai TOL harus diberi, kerana ini akan membawa pendapatan yang baik kepada PBT. Tuan Speaker, jawapan untuk Telok Datok. Teluk Datok katakan kerja-kerja MARRIS tidak dipantau untuk PBT. Jabatan mengakui tidak berada di tapak sepanjang masa semasa projek dilaksanakan. Ini adalah kerana hanya seorang juruteknik sahaja yang menyelia kerja-kerja dan lokasi kerja tersebut terletak di kawasan yang jauh dari jalan utama di mana terletak di kawasan yang jauh dari jalan utama di mana terletak di kawasan ladang kelapa sawit. Selain itu, sebanyak 17 projek yang sama berjalan serentak pada masa tersebut. Oleh itu, juruteknik perlu bergerak dari satu tempat ke satu tempat lain. Walau bagaimanapun, Kerajaan Negeri telah meminta JKR untuk

membuat audit di atas semua jalan yang dibuat oleh PBT. Jadi isu kerja tidak dibuat tapi bayaran dibuat, ini satu tuduhan yang serius kerana di bawah dasar sekarang, polisi sekarang, tak ada jalan yang tidak dikatakan kualiti yang tidak baik boleh dapat bayaran. Jadi, saya minta Yang Berhormat memberi sesuatu yang spesifik supaya kerajaan negeri boleh mengambil tindakan. Dan, tuduhan adakah pegawai PBT berpakat dengan kontraktor, ini juga adalah tuduhan yang sangat serius dan kerajaan negeri memang sangat berminat nak tau mana pegawai PBT ada berpakat dengan kontraktor. Saya juga minta butiran-butiran yang spesifik supaya kita boleh mengambil tindakan.

Tuan Speaker, jawapan saya, jawapan saya yang akhir adalah berkaitan dengan pemilihan Ahli Majlis, ataupun Pilihan raya Kerajaan Tempatan. Sehingga hari ini kerajaan pusat belum mencapai konsensus dengan kerajaan negeri. Jadi, merujuk kepada isu yang dibangkitkan, kerajaan negeri masih dalam kajian. Mengenai kekangan perundangan selesai dijalankan. Kekangan dari aspek perundangan adalah merujuk kepada sub seksyen 15 (1) Akta Kerajaan Tempatan 1976 ataupun Akta 171 telah memperuntukkan bahawa semua peruntukan berhubung dengan Pilihan raya Kerajaan Tempatan hendaklah terhenti berkuat kuasa mempunyai kesan. Berikutan dengan penguat kuasa sub seksyen 15 (1) pihak SPR tidak boleh menjalankan pilihan raya bagi memilih anggota majlis sesuatu Pihak Berkuasa Tempatan kerana keanggotaan mereka hendaklah dibuat secara lantikan. Walaupun pilihan raya kerajaan tempatan berada di bawah bidang kuasa negeri namun berdasarkan perkara 95A (6) Perlembagaan Persekutuan perubahan dasar berhubung dengan apa-apa cadangan untuk mengadakan semula pilihan raya Kerajaan Tempatan hendaklah diputuskan terlebih dahulu oleh Majlis Negara bagi kerajaan tempatan iaitu MNKT. Sekiranya Majlis Negara bagi kerajaan tempatan memutuskan bahawa anggota majlis sesuatu PBT hendaklah dibuat melalui pilihan raya, maka ia boleh dilaksanakan dengan cara berikut. Iaitu sub seksyen 10, sub seksyen 15, perlu dipinda dan dikaji semula apa-apa peruntukan sedia ada yang lain berkaitan dengan pelantikan anggota majlis. Kedua, semua cadangan pindaan kepada Akta kerajaan tempatan hendaklah diterima pakai oleh semua negeri supaya wujud keseragaman dalam pemakaian undang-undang itu. Dan yang ketiga peraturan perlembagaan bagi menjalankan pilihan raya kerajaan tempatan hendaklah diwujudkan. Oleh yang demikian, SPR tidak boleh menguatkuasakan akta untuk menjalankan pilihan raya kerajaan tempatan bagi negeri Selangor sehingga segala tindakan berdasarkan cadangan yang dinyatakan diambil tindakan yang akhirnya isu stadium hoki di Pandamaran yang dikatakan dalam keadaan yang teruk, saya baru sahaja mendapat jawapan stadium hoki di Pandamaran masih boleh digunakan walau bagaimanapun memang *turf* yang berusia 20 tahun itu harus ditukarkan. Dan kos telah dianggarkan sebanyak RM2.1 juta dan permohonan telah dimajukan kepada MBI dan juga EXCO Belia dan Sukan untuk kelulusan. Sekian, terima kasih.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Soalan tambahan. Sudah habis.

Y.B. TUAN SPEAKER: Sila.

Y.B. PUAN HANNAH YEOH TSEOW SUAN: Bagaimana soalan yang telah saya bangkitkan, status kajian perjanjian CCTV dan Godell yang kerajaan negeri telah mulakan kajian sejak tahun 2008 tetapi hari ini kita masih belum dapat jawapan mengenai kajian tersebut. Adakah Kerajaan Negeri akan meneruskan perjanjian tersebut ataupun menamatkan kontrak?

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Isu CCTV, dia begini Yang Berhormat. Tuan Speaker, bukan sahaja kerajaan negeri ada rancangan untuk memasang CCTV, kerajaan pusat pun telah meluluskan rancangan untuk memasang CCTV untuk PBT. Jadi, lebih kurang 300 lebih CCTV dan 400 lebih di bawah kerajaan pusat. Dan oleh sebab, rancangan CCTV ini ataupun tender kontrak ini diberikan kepada satu syarikat yang sama, maka kerajaan negeri telah mencadangkan kepada syarikat yang sama itu untuk mengintegrasikan pemasangan CCTV di seluruh negeri Selangor. Apabila proses ini berlaku CCTV yang sedia ada di Ampang, di Subang Jaya dan juga ke MBPJ kerana kita hanya ada 3 PBT yang ada pemasangan CCTV sebelum ini. Dan semua sekali akan diintegrasikan. Sekian, terima kasih.

Yang Berhormat, Tuan Speaker.

Y.B. TUAN RONNIE LIU TIAN KHIEW: Semua akan diintegrasikan. Termasuk apa, Godell dan sebagainya.

Yang Berhormat EXCO, saya tertarik semalam, Yang Berhormat EXCO ada memberitahu ada usaha untuk menambah *Task Force* untuk PBT-PBT. Soalan saya, adakah EXCO mengetahui atau mengarahkan PBT-PBT untuk menggunakan *task force* ataupun penguatkuasanya untuk membuat kerja-kerja membanci tugas SPR ini untuk menyemak kepada pengundi-pengundi perumahan. Dan perkara ini berlaku di PBT-PBT. Jadi, kalau langkah Yang Berhormat EXCO mengambil penguat kuasa lagi, untuk menambah penguat kuasa di PBT-PBT sedangkan yang ada ini tidak membuat spesifik kerja yang sebenar, jadi saya rasa ini suatu pembaziran kepada PBT-PBT ataupun Kerajaan Negeri.

Y.B. TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, menuju kepada soalan semalam.

Soalan dia bagi tahu tentang dia...

Y.B. TUAN SPEAKER: Semalamlah, ya. Semalam. Jadi, Yang Berhormat sebut merujuk kepada soalan semalam. Jadi bukan soalan hari ini. Itu terlepas lah kalau Yang Berhormat lupa tanya semalam. Kalau Yang Berhormat lupa tanya semalam tu lepas. Ini tak bangkitkan dalam perbahasan.

Ini berkait dengan soalan..

Y.B. TUAN SPEAKER: Yang itu lain. Kait itu yang itu lain. Tapi ini bukan yang, Yang Berhormat rujuk itu adalah soalan. Jawapan yang diberikan semasa pertanyaan.

Berkait dengan penambahbaikan PBT..

Y.B. TUAN SPEAKER: Itu soal lain. Itu soal dah..dah tak perlu jawab tu.

Dah habis dah Yang Berhormat. Baik.

Y.B. TUAN SPEAKER: Sila, sila Andalas.

Y.B. TUAN DR. XAVIER JAYAKUMAR A/L ARULANANDAM: Terima kasih Tuan Speaker. Saya nak sentuhkan tentang denggi dan juga kesihatan yang telah timbul banyak kali. Pada tahun ini atau akan datang Kerajaan Negeri Selangor akan memperuntukkan RM500,000.00 sebagai bantuan untuk kesihatan di negeri dan bantuan ini akan kita gunakan untuk 3 kategori kesihatan yang itu satu ialah untuk *operation cataract* mata. Kedua membayarkan subsidi kepada penyakit-penyakit dialisis, kencing manis dialisis. Dan ketiga ialah untuk perbezaan kecil sampai RM5,000 seseorang. Tentang denggi pada tahun yang akan datang EXCO telah membuat keputusan bahawa semua kegiatan dengan Denggi akan ditanggung penuh oleh Majlis-Majlis Tempatan dengan program-program masing-masing di bawah PBT-PBT yang berkenaan. Isu yang telah kita pun dapat banyak penerangan ialah isu air yang kita hadapi, Batang Kali telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan air bukan hanya pada sidang ini tetapi sidang sebelum juga membangkitkan perkara yang sama. Sukacita saya ingin menjelaskan berkaitan dengan air ini perkara-perkara seperti berikut, pada ketika ini semua loji rawatan air di Negeri Selangor menggunakan kaedah *conventional* di dalam merawat air di mana pemakaian *aluminium sulfide*, *chlorine*, *silicon fluoride* dan juga *lime stone* masih digunakan. Kerajaan Negeri Selangor sentiasa mengamalkan sikap terbuka di dalam menggunakan teknologi terkini yang ada di pasaran seperti penggunaan *ultra filtration*, *membrane technology*, *desalination* dan lain-lain dalam usaha mencapai tujuan mendapatkan pengeluaran air yang maksima dari segi kuantiti di samping kualiti yang terbaik. Namun demikian di dalam mengkaji dan meneliti penggunaan teknologi terkini itu, Kerajaan Negeri Selangor sentiasa memberi keutamaan kepada kepentingan pengguna memandangkan setiap teknologi yang digunakan itu kelak akan melibatkan kos yang sekiranya tidak diteliti dengan sewajarnya boleh membebankan pengguna akhirnya. Justeru itu Kerajaan Negeri Selangor telah memanggil dan mendengar penerangan berkenaan penggunaan *membrane technology* dari Tetuan Sigma Water Sdn. Bhd berasaskan teknologi Canada dan *Hytlux Private Limited* dari Singapura. Kerajaan Negeri Selangor bercadang untuk menggunakan *membrane technology* apabila loji rawatan air Bukit Jelutong lama dibuka semula. Loji ini ditutup pada tahun 1990 berikutan dari kualiti air

mentah yang mencapai kelas 4 oleh itu penggunaan teknologi terkini boleh menjamin kualiti air yang bakal dikeluarkan oleh loji ini kelak mencapai tahap yang dibenarkan oleh Kementerian Kesihatan dan WHO. Loji ini boleh mengeluarkan air sebanyak 50 jlh iaitu juta liter sehari dengan menggunakan kaedah *conventional* dan boleh dipertingkatkan lagi kapasiti pengeluarannya jika menggunakan teknologi terkini seperti *membrane technology*. Loji ini boleh membekalkan air di kawasan Shah Alam. Dengan pengaktifan loji ini bekalan air dari SSP3 ke kawasan Shah Alam dapat diberhentikan dan seterusnya diagihkan ke kawasan yang lebih memerlukan air seperti di Klang. Loji lain yang sedang dikaji untuk dibuka semula adalah loji rawatan air di Ampang. Ini sekarang tutup, kita akan kaji dan membuka air ini menggunakan teknologi-teknologi baru. Selain itu Kerajaan Negeri Selangor juga meneliti cadangan-cadangan sumber air baru dalam usaha untuk mengatasi sebarang masalah air kepada pengguna antara lainnya seperti mengkaji menggunakan air tanah, menambah baik sistem agihan, menggunakan teknologi seperti *river bank filtration* termasuklah menyokong Dasar Kerajaan Persekutuan dan dalam menjadikan *storm water* di hiliran sungai sebagai sumber air terawat. Dalam perbelanjaan tahun depan Dato' Menteri Besar telah pun beritahu bahawa seratus juta ringgit akan digunakan untuk kita atasi masalah air dengan kita membinakan *storm water storage* di beberapa tempat di Negeri Selangor. Tetapi yang penting kita kena faham ialah bila Akta WSIA di luluskan oleh Parlimen pada tahun 2006, WSIA ini digunakan diluluskan sebab ini ialah cadangan dari Kerajaan Pusat kepada semua negeri bahawa air di dalam tiap-tiap negeri kena kembali balik kepada kerajaan masing-masing tetapi Selangor sahaja sampai sekarang kita ada masalah dengan menggunakan Akta WSIA sebab alasan menteri ialah *willing buyer willing seller* tetapi menteri tak gunakan akta yang ada kuasa yang ada ditangannya yang katakan pegang saham emas *golden share* yang ada dipegang oleh menteri tidak digunakan atas Syarikat Puncak Niaga dan SYABAS. Sebab itu kita ada masalah di mana SYABAS sekarang macam satu syarikat di dalam Negeri Selangor yang *dictated terms* kepada negeri dan sebab ini dia besar kepalanya dan menolak tawaran pampasan yang Kerajaan Negeri Selangor yang bagi yang itu pampasan sekarang ialah *plus minus* dekat RM9.4 bilion. Sebab ini kita cadangkan lantaran Kerajaan Negeri mengambil keputusan merujuk badan Timbangtara Bebas Antarabangsa iaitu *International Arbitration Body* bagi menyelesaikan isu ini sampai sekarang tidak ada jawapan dari Kementerian. So, saya rasa memang kita dukacita sangat dengan apa yang telah dilakukan oleh Kementerian dan juga Timbalan Perdana Menteri yang dia katakan dia akan terus jalankan dan buat kerja atas Langkat 2 tetapi kita akan gunakan peraturan-peraturan dan perlembagaan yang telah pun kita ada isu tanah yang kita miliki ialah seratus-peratus kuasanya di negeri dan kita akan gunakan kuasa itu di atas Langkat 2 kalau diluluskan. So, inilah sedikit latar belakang yang saya nak bagi tentang air *details* saya ingat Tan Sri Menteri Besar akan lanjutkan dengan air dalam Negeri Selangor. Akhir sekali ialah sedikit dengan isu kemiskinan perbandaran

yang kita hadapi sekarang di Negeri Selangor, cadangan-cadangan yang telah dibuat oleh semua pihak kita terima dan kita akan cuba untuk adakan satu proses mekanisme di mana *private public relationship* untuk di atasi masalah-masalah kemiskinan di dalam bandar dengan gunakan agensi-agensi kerajaan dan juga pejabat-pejabat tanah dan juga majlis-majlis tempatan untuk atasi masalah-masalah yang kita ada. So, dengan itu saya cadangkan untuk semua terutamanya 5 Majlis Tempatan iaitu MBPJ, MBSA, MPSJ, MPK, MPKJ dan MPAJ untuk kemukakan sedikit belanjaan dari bajet mereka untuk gunakan untuk kita meningkatkan taraf hidupan orang-orang yang duduk di dalam kawasan-kawasan tertentu di dalam Majlis-Majlis Tempatan ini untuk adakan *public dan private partnership* di mana *dollar for dollar* dikeluarkan oleh *private sector dollar* itu, ringgit itu boleh dikeluarkan oleh Majlis untuk meningkatkan taraf hidup mereka di dalam kawasan-kawasan tertentu. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Ya, Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih Tuan Speaker. Saya akan menyentuh apa yang telah dibangkitkan oleh Kampung Tunku, Kajang dan Paya Jaras, insya-Allah. Paya Jaras menumpukan seluruh perbahasannya kepada hanya satu tajuk yang saya lihat iaitu Yayasan Selangor dan saya akan menyentuh beberapa *point* di mana Paya Jaras menuduh Yayasan Selangor saya *quote* daripada *hansard* yang telah diberikan. Tujuan utama untuk memberi peluang dan kemudahan pelajaran, biasiswa dan latihan untuk rakyat Negeri Selangor khususnya terutama di kalangan pelajar-pelajar di luar bandar namun berlaku banyak kepincangan hala tuju di Yayasan Selangor yang jelas menunjukkan Yayasan Selangor tidak bergerak atas landasan asal penubuhannya membela dan membangun anak-anak Selangor. Ini mengkhianati akhirnya perkataan yang digunakan oleh Paya Jaras, ini mengkhianati amanah pembangunan pendidikan bagi anak-anak Selangor antaranya menutup dan merobohkan asrama Tun Dr. Ismail dan asrama Toh Puan Norashikin di Kuala Lumpur. Yayasan Selangor ditubuhkan pada 5hb November 1970, wujud di atas rasa keinsafan dan keprihatinan Menteri Besar ketika itu terhadap pendidikan anak-anak Selangor khususnya di luar bandar yang jauh ketinggalan terutama dalam penguasaan Bahasa Inggeris, Ilmu Hisab dan Sains. Dan untuk menghasilkan lebih ramai anak Selangor yang serba boleh dan intelektual Yayasan Selangor berperanan melakukan usaha memartabatkan pendidikan anak-anak bangsa dan sebagai pemangkin generasi berilmu. Saya lihat perbahasan Paya Jaras banyak bercanggah dengan *statement* diri sendiri. Paya Jaras marah kerana 2 asrama lama Yayasan Selangor yang dikelilingi tempat pembangunan pesat komersial di Kuala Lumpur sekarang ini dianggap kurang sesuai yang kita anggap Kerajaan Negeri Selangor bersama Yayasan Selangor tidak atau kurang sesuai untuk memberangsang pertumbuhan dan pendidikan anak-anak yang dihambat dengan trafik yang teruk dan ada cara alternatif yang lebih menguntungkan sekiranya tumpuan Yayasan Selangor diberi untuk *upgrade* dengan

izin tahap prestasi pendidikan di sekolah-sekolah di dalam Negeri Selangor itu sendiri bukan terus menerus melabur ke sekolah luar Selangor walaupun dulu Kuala Lumpur ini adalah di dalam Selangor, sekarangnya Paya Jaras Kuala Lumpur itu berada di luar daripada Selangor selepas 1974 dan sekolah-sekolah itu yang dikatakan *premier* itu telah pun mendapat fokus Kementerian Pelajaran jadi oleh kerana Yayasan Selangor selaku sendi penting membantu Kerajaan Negeri Selangor sudah tentulah sepatutnya menumpukan segala-segala sumber yang ada untuk *upgrade* ataupun menambah baik, segala dana itu perlu disalurkan dengan untuk *upgrade* dengan izin sekolah-sekolah yang di bawah Negeri Selangor itu sendiri. Dan jadi Kerajaan bersetuju dengan Paya Jaras yang mana disebutkan di mana objektif Yayasan Selangor antaranya menyediakan peluang dan kemudahan untuk pelajar-pelajar di Selangor di peringkat sekolah, menyelaras dan melaksanakan program-program kemahiran dan pembangunan insan, mengurus dan menyelaras aktiviti komersial, ini perkataan Paya Jaras, hartanah dan pelaburan yang menjana kewangan, menggalakkan jaringan dua hala antara Yayasan Selangor dengan pelajar, ibu bapa, jabatan kerajaan dan golongan profesional Negeri Selangor untuk meningkatkan dan memartabatkan pendidikan di Negeri Selangor. Inilah yang hendak dibuat oleh Yayasan Selangor Paya Jaras. Ini juga saya baca kalau Ahli-ahli Yang Berhormat lihat dalam *hansard* ini muka surat 114 di mana ini perkataan daripada Paya Jaras sendiri. Kedua, tiada keperluan menyediakan asrama di kawasan sempit dan berhampiran kawasan komersial, Paya Jaras marah pula buat menyediakan asrama di kawasan sempit dan berhampiran dengan kawasan komersial kerana dia katakan dia dengar dari khabar-khabar angin Yayasan Selangor hendak beli 2 keping tanah di Petaling Jaya jadi dia marah kenapa Yayasan Selangor hendak buat asrama di tempat yang sempit dan tempat komersial tetapi kenapa Yayasan Selangor sekarang ini memindahkan pelajar-pelajar di asrama Yayasan Selangor di Kuala Lumpur, itulah di antara sebab, Paya Jaras telah bersetuju dengan diri sendiri.

Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR : Minta laluan.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Ya sila, sila.

Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR : Tuan Speaker, maksud saya kita tidak menghalang apa-apa pembangunan jika perlu cuma kita kena melihat dari segi modal insan yang lain seperti kalau pun nak beli di mana sahaja pun, nak pindah di mana sahaja pun kalau jumlah 400 lebih pelajar sebelum ini kita mesti *equivalence* dengan izin apa yang kita hendak lakukan atau bina untuk mereka ini maksud dia tidak boleh berkurangan kalau pun hendak dibuat di mana sahaja tetapi kalau dari segi lain contohnya kalau di Petaling Jaya 2 tapak tanah yang dimaksudkan itu hanya boleh menempatkan beberapa orang sahaja mungkin kita tidak dapat

melahirkan atau menzahirkan apa yang kita perolehi sebelum ini. Itu maksud saya. Terima kasih.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Terima kasih kepada Paya Jaras. Sebenarnya yang Paya Jaras risau itu tidak berlaku pun tidak ada pembelian tanah di Petaling Jaya untuk menampungkan beberapa orang pelajar yang sedikit sahaja yang dirisaukan oleh Paya Jaras. Jadi Paya Jaras jangan risaulah Yayasan Selangor tak akan buat itu. Jadi jawapan saya..

Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR : Tuan Speaker itu sebab dalam itu saya bertanya adakah ianya dia betul berbaloi dan sebagainya cuma saya inginkan jawapan di dalam Dewan ini.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI : Seperti yang saya sebutkan tadi ya Paya Jaras mana ya, tanah di No.6 Jalan Syed Osman Seksyen 1, Petaling Jaya dan satu lagi di Lot 27 Jalan 9/3 Petaling Jaya juga ini semua saya telah *check* dengan Yayasan Selangor memang kita tak ada beli, insya-Allah. Jadi saya bagi kepada jawapan kepada Paya Jaras Kerajaan Negeri Selangor menggunakan kaedah perancangan dasar yang dengan izin *principle centered* atau berasaskan prinsip di fikir bukan sahaja bagaimana mahu mengilmukan rakyat ini dalam jangka masa yang pendek bahkan juga untuk masa yang panjang. Di kaji dan diteliti dengan cermat buruk baiknya menggunakan kaedah *fiqh awlawiyyat* di mana sekiranya ada dua pilihan masalah atau kepentingan lebih besar dipilih daripada masalahnya lebih kecil. Kita sedari, kita mengakui ada sentimen nostalgia di mana dua asrama yang berada di Kuala Lumpur yang disebutkan oleh Paya Jaras yang telah melahirkan doktor perubatan, melahirkan arkitek dan sebagainya kita faham. Kita tahu memang bagus juga kalau dibiarkan tetapi masalah yang lebih besar lagi ialah kita mahu menjaga daripada segi kebajikan, keselamatan, kesihatan dan juga pembangunan pertumbuhan perkembangan anak-anak menjagakan sahsiah anak-anak ini, nanti saya akan apakan lagi kenapa di sebalik masalah kenapa kita membuat satu keputusan untuk mengeluarkan anak-anak kita ini daripada asrama itu. Jadi Kerajaan Selangor ini tidak semata-mata meneruskan dasar lama yang *out dated* asrama itu sudah 40 tahun ya Paya Jaras sekarang ini lain, kalau dulu wakil rakyat tak perlu pakai *handphone*, tak perlu pakai *ipad* dan sebagainya sekarang lain begitu juga keperluan dan daripada segi apa yang terbaik untuk mendidik anak-anak daripada luar bandar. Nanti saya akan bagikan fakta. Jadi Yayasan Selangor sebagai sendi penting bagi pihak Kerajaan Selangor yang mahu *access, access*, boleh kecapaian kepada pendidikan berkualiti d lebar luaskan kepada seramai mungkin pelajar di seluruh Selangor. Jadi saya telah sebutkan tadi di mana keadaan persekitaran asrama ketika itu. Ketika asrama itu diwujudkan, memang niat baik. Kerajaan Selangor tidak pun menafikan niat murni

Kerajaan masa itu. Tetapi keadaannya sekarang lain. Ini saya bawa fakta kepada Paya Jaras ya.

Bila dikaji prestasi pelajar-pelajar sekolah-sekolah yang di bawah biayaan Yayasan Selangor. KPI nya ialah 5A ke atas untuk SPM. Saya ambil SPM sahaja. Untuk 2010, asrama pusat seramai 42.03% mendapat 5A ke atas, ya asrama pusat. Ini 2010. Asrama daerah, asrama pusat untuk pengetahuan ahli Yang Berhormat ialah yang disebutkan tadi adalah asrama Kuala Lumpur dan juga asrama Klang. Hanya dua (2) sahaja ya. Asrama daerah adalah di Sabak Bernam dan lain-lain tempat di daerah asrama daerah. Kita melihatkan keputusan di asrama daerah ini, 62.5%. Tadi asrama pusat 42%, 20% lebih baik asrama daerah daripada asrama pusat. Mulai 2010 juga kita ada satu (1) dasar yang baru di mana kita juga mahu meng*upgrad*kan, seperti yang saya kata mahu menaiktarafkan lagi sekolah-sekolah yang sudah ada di Negeri Selangor. Inilah tujuannya Yayasan Selangor seharusnya membantu menaikkan taraf sekolah. Sekolah agama pada 2010 kita lihat pencapaian lebih daripada 5A SPM adalah sebanyak 81.63%. Jadi yang pusat tadi 42%.

Kita tengok 2011 pula. Asrama pusat lebih daripada 5A SPM, 50.55%. Ok bagus sikit. Tetapi asrama daerah 62.07%. Maknanya asrama daerah, walaupun kita kata luar bandar, Sabak Bernam dan sebagainya tapi prestasi mereka lebih baik. Asrama agama 83.35% berbanding asrama KL dan Klang 50.55%. Jadi keseluruhannya 59.8%. Jadi ada sebabnya kenapa kita mengambilkan satu tindakan. Bukanlah kerana seperti yang disebutkan oleh Paya Jaras di sini di mana dikatakan seolah-olah Kerajaan Negeri, bukan Kerajaan Negeri, pemimpin. "Namun pemimpin Pakatan Rakyat sekarang sudah gelap hati dengan hendak untung semata-mata". Jadi ini bukan agenda meraih keuntungan ekonomi semata-mata Paya Jaras, hendaknya. Ok, beri laluan.

Y.B. DATO' IR. MUHAMMAD BUSHRO BIN MAT JOHOR: Terima kasih lagi sekali ya. Ok, itu satu penjelasan yang boleh diterima. Cuma, apakah pihak Kerajaan Negeri ya untuk melaksanakan gantian daripada apa yang ada. Kiranya tempat itu diambil alih, dibangunkan. Memadai dengan bukan sahaja keuntungan selepas itu tetapi kita memikirkan keuntungan lebih besar iaitu melahirkan, andai kata pun di daerah-daerah mendapat keputusan yang lebih baik. Apakah tindakan dan kalau boleh jumlah 400 lebih itu dikekalkan di peringkat daerah.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih kepada Paya Jaras. Paya Jaras ni memang bagus. Dia sangat-sangat prihatin tentang pendidikan. Saya nak sebutkan pada Paya Jaras, *enrolmen* pelajar di bawah Yayasan Selangor. 2007, ha ini ahli Yang Berhormat ambil perhatian ya. 2007, 1,385 termasuklah pusat, Kuala

Lumpur, Klang dan sebagainya. 2008 meningkat sedikit, 1,409. Ahli Yang Berhormat tengok ya. 2009, 1,554 orang. 2010, 1,574 orang. 2011, 1,760 orang. 2012, 3,288. Jadi lebih 100% orang telah mendapat manfaat daripada Yayasan Selangor. Dan untuk meyakinkan Paya Jaras sekali lagi di mana apa yang disebutkan tadi, kita ada kuota ya. Ada kuota di sekolah-sekolah yang berprestij tinggi itu. Memang Yayasan Selangor ini tidak mensia-siakan kuota itu kerana kita telah pun memberikan satu peluang kepada pelajar-pelajar yang mahu sekiranya rumahnya berhampiran dengan sekolah itu, mereka menjadikan pelajar harian. Duduk di rumah mereka masih mendapat manfaat apa yang selama ini mereka dapat sama ada biasiswa, *tuition* atau pun *smart learning* dan sebagainya. Biasiswa masih lagi mereka mendapatkan *benefit* yang sama. Jadi Paya Jaras jangan risau. Apa yang disebut juga dibawa oleh Paya Jaras tentang IKYS di mana seolah-olah kita ini telah meninggalkan mereka yang kurang bernasib baik kerana mereka yang di bawah IKYS itu kita telah nafikan hak mereka ya.

Sekarang ini Yayasan Selangor di mana kita telah memberikan bantuan untuk mereka yang *second chance* kategori ini di mana kita memberikan, menawarkan kepada 37 pelatih ya, Sijil Kemahiran dan Pengendalian Kapal Dagang. Mereka ini, insya-Allah hampir 100% akan mendapat peluang kerja yang telah menanti, tamat sahaja mereka dapat kerja. Kita tidak mahu, satu program di mana kita latih, latih, latih kemudian mereka tidak dapat kerja. Saya kongsi sedikit kursus-kursus yang diberikan pinjaman pelajaran dan kursus yang bakal dibiayai oleh Yayasan Selangor. Contoh Sijil Kemahiran Elektrik, Sijil Juru Terapi Estetik, Sijil Automotif Tahap 3, Sijil Penyelia Pembuat Pakaian Wanita Tahap 3, Sijil Kemahiran Pengendalian Kapal Laut, Sijil Kemahiran Binaan di Australia. Ini kita dah mulakan, kita dah mula. Sijil Maritim, Sijil Asas Percetakan, Sijil Asas Pengurusan Industri Kereta api, Sijil Peruncitan, Sijil Pendidikan Awal Kanak-kanak, Sijil Perladangan, Sijil Multimedia, Sijil Animasi, Sijil dalam bidang *Oil and Gas*, Sijil Penyembelihan Halal, Sijil *Wireless Network*, Sijil Fiber Optik. Maknanya kita telah mempelbagaikan capaian kita kepada anak-anak ini.

Untuk makluman, ahli-ahli Yang Berhormat pemberian Yayasan Selangor. 2007, kita hanya memberi biasiswa sebanyak RM265,000.00 sahaja. Pada 2008, RM214,750.00. 2009 naik sikit RM370,100.00. 2010, RM417,800.00. 2011, RM510,200.00. Ini Paya Jaras dengar baik-baik sikit. 2012 ini naik empat (4) kali ganda banding dengan 2011. Kalau bandingkan dengan 2007 lagi banyaklah. Tahun 2012, biasiswa yang diberi oleh Yayasan Selangor ialah RM2,774,700.00. Empat (4) kali ganda daripada tahun lepas. Jadi saya sebut sekali lagi kepada Paya Jaras di mana kita juga ada program. Kalau tadi yang dikatakan objektif Asrama Yayasan Selangor Kuala Lumpur ialah kerana sains, kerana matematik dan bahasa Inggerisnya. Kita mahu dedahkan luar bandar kepada tempat yang mereka akan dapat *access* kepada itu. Apa yang kita lakukan sekarang ini di Yayasan Selangor, kita dah ada *Interactive English, English Camp*,

English Carnival dan sebagainya dan juga cara memikir. Kita mengajarkan pelajar-pelajar di bawah Yayasan Selangor ini bukan sahaja menghafal tetapi bagaimana nak berfikir untuk menyelesaikan hidup mereka di dalam dunia ini.

Jadi saya rasa saya dah habiskan tentang Paya Jaras, saya berpindah kepada Kampung Tunku. Terima kasih kepada Kampung Tunku yang menyatakan tentang SO, *Settlement Officer*. Saya nak melaporkan kepada Kampung Tunku di mana kita sudah pun memulakan kursus yang melibatkan pegawai petempatan NT27, *Settlement Officer* di mana kita telah memberikan kursus permulaan untuk penyediaan data secara *digitized* dan kebolehpayaan menggunakan peralatan kerja berdasarkan teknologi semasa. Begitu juga kemahiran pengurusan *telematics*, bekerja secara fleksibel atau pun *work space*. Seperti dasar baru Kerajaan Negeri Selangor sekarang dan penyediaan pelan terperinci pelbagai kategori, *layers*. Kita juga ada kursus *digital photography* dan *photoshop* di mana dia punya KPI ialah pemantapan kemahiran teknik, penyampaian mesej melalui laporan bergambar. Kursus amali teknikal kerja ukur tanah di mana kemahiran teknikal kaedah ukur tanah melalui penggunaan aplikasi peralatan cerapan tanah terkini juga kita berikan. Fotografi bagi menghasilkan *output* pelan yang jitu dan membolehkan pegawai petempatan dilatih secara praktikal untuk mendapatkan kemahiran asasi bagi kerja-kerja ukur. Jadi ini telah kita mulakan sejak 2011.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Penjelasan. Saya sebenarnya terperanjat mendengar ucapan atau pun penjelasan daripada EXCO dan saya ingin mengucapkan tahniah. Jadi soalan saya ialah memandangkan SO ini ialah satu jawatan yang sangat-sangat penting di Pejabat Tanah dan kursus yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat itu hanya bermula seawal setahun yang lalu. Jadi impaknya sebenarnya masih belum lagi dilihat di Pejabat Tanah. Apakah, apa ni proses penilaian terhadap keberkesanan program-program ini. Apakah, apa ni petunjuk-petunjuk atau pun pengukur keberjayaan atau pun keberkesanan program ini.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih kepada Kampung Tunku. Seperti yang saya katakan tadi. KPI atau pun *Key Performance Index* mereka akan diukur oleh Pejabat Tanah itu sendiri, oleh STANDCO Tanah itu sendiri dan memang ini seperti yang diakui oleh Kampung Tunku tadi. Kita akui daripada Institut Latihan Pihak, Pusat Latihan Awam Selangor ini memberikan latihan-latihan awal ini. Ini untuk bermula. Kalau kita lihat seperti yang disebutkan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia di mana sebelum ini SO yang sekarang ini, yang kita ada sekarang ini tidak mempunyai latihan seperti SO katakan 20 tahun yang lepas. Mereka mempunyai ilmu dan kemahiran dan kepakaran yang agak jauh berbeza. Jadi oleh kerana keprihatinan kita, kita melihatkan memang ada *complain-complain*, atau aduan-aduan daripada segi

kecekapan, kemampuan mereka menyelesaikan masalah-masalah tanah ini. Kita bermula dengan kursus-kursus pengenalan ini dan saya rasa ada sedikit peningkatan daripada pencapaian mereka setakat ini. Belum memuaskan, memang belum memuaskan dan kita lihat kadang-kadang SO-SO ini pun sudah umurnya pun sudah apa sedikit. Jadi kita nak memberikan teknologi yang baru agak apa sedikit. Jadi saya minta Kampung Tunku sabarlah sedikit.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Saya ucapkan tahniah dan saya harap dipertingkatkan lagi.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Saya akan pastikan Bahagian Sumber Manusia melihatkan perkara ini dengan serius. Insya-Allah.

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat, panjang lagi?

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Sikit lagi. Satu lagi tentang Kajang.

TUAN SPEAKER: Boleh berhenti sebentar? Saya ingin mempersilakan YAB Dato' Menteri Besar untuk membuat usul melanjut masa. Dipersilakan.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Dato' Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat Sekalian. Saya ingin membawa satu usul yang berbunyi seperti berikut :

“Bahawasanya Dewan yang bersidang pada hari ini mengikut Peraturan 11 dan Peraturan Tetap Dewan Negeri Selangor hendaklah disambung sehingga Rang Undang-undang Perbekalan 20/13, 20/12 dibaca kali yang kedua atau selewat-lewatnya jam 5.30 petang.”

Y.B. PUAN TERESA KOK SUH SIM: Tuan Speaker, saya menyokong.

TUAN SPEAKER: Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, usul ini telah pun disokong. Saya kemukakan untuk mendapat persetujuan.

Ahli-ahli Yang Berhormat yang bersetuju sila kata YA. Ahli Yang Berhormat yang tidak bersetuju sila kata TIDAK. Dipersetujui. Dipersilakan Selat Klang.

Y.B. PUAN DR. HAJAH HALIMAH BINTI ALI: Terima kasih Tuan Speaker. Mengenai apa yang telah disebutkan oleh Kajang, di mana Kajang telah menekankan tentang kepentingan pendidikan bahasa ibunda, Insya-Allah kita akan bawakan sebab ini adalah dasar baru dan bajet kita pun telah pun kita sediakan. Jadi saya akan

bersama-sama dengan rakan-rakan EXCO, kita akan berbincang khusus tentang peruntukan untuk mereka yang mengambil inisiatif untuk menjalankan pendidikan bahasa ibunda ini. Terima kasih.

TUAN SPEAKER: Silakan Batu Tiga.

Y.B. PUAN DR. HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih. *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatulahi wabarakatuh.* Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya tidak akan mengambil masa yang panjang tetapi sebelum saya menjawab soalan-soalan yang dikemukakan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, saya mohon izin untuk ambil perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian tentang rasa terkejut dan tersinggung yang amat sangat terhadap kenyataan yang dibuat oleh Yang Berhormat Batang Kali sebentar tadi ataupun sebelum tengah hari tadi yang kononnya ingin mencelah EXCO Alam Sekitar iaitu Y.B. Bukit Lanjan tetapi akhirnya mengeluarkan ungkapan yang membuatkan saya terkedu malah kenyataan ini amat seksis dan lucah yang saya sendiri tidak sanggup untuk mengulanginya tetapi boleh rujuk *hansard* yang ada. Oleh itu saya menggesa Dewan yang mulia ini untuk memanggil Yang Berhormat Batang Kali di bawah Jawatankuasa Hak dan Kebebasan untuk dikenakan hukuman setimpal daripada perilaku beliau demi keadilan kepada Yang Berhormat Bukit Lanjan. Dan saya juga turut menyeru kepada seluruh rakyat menolak mana-mana Wakil Rakyat khususnya Yang Berhormat Batang Kali yang tidak menunjukkan rasa hormat kepada wanita malah menggunakan kata-kata tersebut. Saya harapkan Batang Kali, kali ini ingatlah pesanan daripada yang Amat Berhormat Menteri Besar dalam ucapan bajet beliau supaya membiasakan yang betul dan membetulkan yang biasa. Mungkin dah terbiasalah selalu buat kenyataan begitu.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Ia, minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Ya?

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Jangan banyak politiklah. Belum jawab soalan pun itu.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Tak apa, tak apa.

TUAN SPEAKER: Apa pertanyaan, belum jawab soalan.

Y.B. TUAN LAU WENG SAN: Boleh tanya?

TUAN SPEAKER: Nantilah belum tanya soalan. Ini cuma mukadimah aje dah marah-marah. Tenang sikit, biar sejuk sikit. Ya, silakan.

Y.B. PUAN DR. HAJAH RODZIAH BINTI ISMAIL: Saya tak pasti apa yang akan ditanya oleh Kampung Tunku tetapi apa yang saya tegaskan tadi adalah satu peringatan dan juga saya memang begitu serius tentang isu yang dinyatakan oleh Batang Kali kerana bagi saya tidak wajar seorang Wakil Rakyat yang begitu disegani oleh rakyat ataupun khususnya insan yang mengangkat beliau di sini tetapi membuat menggunakan Dewan yang mulia ini untuk menyampaikan istilah yang begitu teruk sekali.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Yang Berhormat yang telah mengajukan soalan yang berkaitan dengan jawatankuasa saya tetapi saya juga ingin merasakan ataupun menyatakan kesyukuran saya kerana kali ini tidak nampak banyak sangat soalan yang saya yakin ianya telah pun saya dapat laksanakan tugas dengan baik. Saya akan mulakan dengan memberikan ulasan kepada kenyataan dari Seri Serdang iaitu merujuk kepada *hansard* beliau mengatakan kalau mereka ingkar ataupun merujuk pada isu yang berkaitan kononnya janji tidak ditepati. Kalau dalam ungkapan beliau kalau mereka ingkar dan gagal memenuhi janji-janji tersebut itu bermakna tidak punya maruah dan integriti membohongi dan mengkhianati amanah rakyat. Saya ingin menegaskan semula kenyataan daripada Yang Berhormat Hulu Klang dan Kota Anggerik tentang manifesto yang telah dilaksanakan dan insya-Allah, hanya cuma 3 sahaja lagi yang belum dilaksanakan tetapi telah pun siap untuk dibentangkan kepada EXCO untuk dipertimbangkan dan insya-Allah mudah-mudahan sebelum tamat penggal diberikan mandat ini kelulusan dapat dilaksanakan. Oleh itu siapa yang tidak bermaruah? Ketua Pembangkang Selangor yang datangnya dari Kerajaan Barisan Nasional atau kami yang telah melaksanakan mandat pimpinan negeri yang telah menaikkan dan meninggalkan janji-janji rakyat. Jadi untuk itu saya harap Yang Berhormat Seri Serdang buatlah sedikit *homework* sebelum membuat kenyataan dan banyak juga fakta-fakta yang dikemukakan salah semasa beliau memberikan kenyataan.

Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian. Merujuk kepada soalan Kampung Tunku pula berkaitan dengan *Wi-Fi* percuma, saranan daripada Kampung Tunku untuk Selangor melipatgandakan usaha dalam bidang ini supaya boleh melonjak ke nombor 1 di mata Malaysia, saya amat dokongi sebab itu sebagaimana yang telah saya jawab soalan daripada Lembah Jaya pagi tadi. Kita cuba untuk melaksanakan *Wi-Fi* percuma ini supaya ianya dapat mencapai matlamat yang kita hendaki lebih awal. Tetapi apa yang ingin saya, sebentar ya Sri Muda. Tetapi apa yang ingin saya jelaskan kenapa kita sekarang ini berada di tangga ke-5? Sebagaimana yang dilaporkan oleh

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia adalah disebabkan laluan jalur lebar ataupun yang dinyatakan di sini *Broadband Pedestrian* yang dinyatakan Selangor hanya melangkaui 75.5% itu adalah berdasarkan kepada kapasiti kepadatan penduduk ataupun kapasiti penggunaan. Jadi kalau kita lihat antara Selangor dibandingkan dengan Kuala Lumpur, Pulau Pinang, Negeri Sembilan dan Perlis sebenarnya Selangor mempunyai 5.462.1 juta penduduk berbanding dengan Kuala Lumpur yang hanya mempunyai 1.674.6 juta, Pulau Pinang 1.56.14 juta, Negeri Sembilan 1.21.1 juta dan juga Perlis hanya mempunyai 231,000.5 orang sahaja. Jadi kalau kita lihat rumusan yang ingin saya katakan insya-Allah, walaupun kita jauh berkali-kali ganda jumlah penduduk tetapi kita telah pun mencapai *coverage* ataupun liputan sebanyak 75.5% dan kita jangkakan dengan program-program merapatkan jurang digital ataupun IT di dalam masyarakat, insya-Allah kita dapat laksanakan dengan lebih cepat lagi. Jadi fakta itu janganlah bimbang sangat kerana sebenarnya kita sebab kepadatan penduduk menyebabkan ianya lambat untuk kita ataupun luas ataupun susah untuk kita laksanakan secepat mungkin. Silakan Sri Muda.

Y.B. TUAN MAT SHUHAIMI BIN SHAFIEI: Terima kasih Tuan Speaker. Pertamanya saya ingin menyatakan sokongan kepada apa yang disebut oleh Batu Tiga tadi tentang perlunya kita mengambil satu tindakan mengikut satu jawatankuasa hak dan kebebasan kepada Batang Kali di atas kenyataan yang dikeluarkan dalam Dewan yang mulia ini. Dan kedua, saya ingin berbalik kepada penjelasan berkenaan dengan *Wi-Fi* yang dipasang. Soalan saya ialah sebelum ini arahan yang diberikan ialah pemasangan itu ditempatkan di kawasan yang mempunyai, kawasan tumpuan orang ramai yang mempunyai tarikan kepada orang ramai. Tetapi baru-baru ini apabila kita usahakan untuk dipasang di sebuah kawasan yang menjadi tumpuan orang ramai berdekatan dengan masjid, pasar beli-belah yang kecil yang berhampiran tetapi ditolak. Jadi saya hendak tahu apakah yang menyebabkan taklimat awal itu dikatakan boleh di kawasan orang ramai tetapi sekarang ini sudah ditukarkan pula peraturan itu ke kawasan-kawasan lain. Yang saya maksudkan ini ialah kerana tujuan utama saya sebelum ini ialah nak di pasang di sekitar kawasan Masjid Kampung Jalan Kebun tetapi tidak dibenarkan. Mohon penjelasan.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Terima kasih Sri Muda tentang soalan yang dikemukakan. Sebenarnya ada beberapa kriteria yang dipilih selain daripada kawasan awam sebagaimana yang saya jelaskan dalam jawapan saya pagi. Selain daripada kawasan awam kita juga ambil kira tempat-tempat kependudukan yang padat yang masih belum ada akses kepada jalur lebar juga kepada mereka ataupun tempat-tempat yang sosial ekonominya agak rendah. Itu keutamaan yang kita berikan. Tapi berkaitan dengan juga, berkaitan dengan masjid dan surau yang akan dilengkapi dengan *Wi-Fi* itu, alhamdulillah projek ini telah pun diarahkan kepada JAIS untuk sekarang ini untuk

meletakkan juga *Wi-Fi* dan masjid di seluruh Negeri Selangor. Jadi bukan sahaja di kawasan awam, masjid juga dan surau akan mendapat perkhidmatan ini tetapi menggunakan mungkin bukan teknologi *Wi-Fi* tetapi mungkin *wireless sorry, wired* ataupun berwayar. Ok. Jadi untuk seterusnya Tuan Speaker, saya ingin mengulas apa yang ditanya oleh Kampung, minta maaf yang ditanya oleh Kajang ataupun yang disarankan Yang Berhormat Kajang. Beliau mengatakan disebabkan banyak skim ataupun program-program yang dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri maka kadangkala ianya agak mengelirukan kepada rakyat untuk pergi ke mana dalam mendapatkan perkhidmatan tersebut. Dan beliau mencadangkan supaya diwujudkan satu jabatan sendiri yang khas untuk melaksanakan program ini. Saya rasa ada baik dan ada mungkin perlu dibuat pertimbangan kerana yang penting sekarang ini walaupun kita tengok data ataupun mereka yang memerlukan kebajikan ini tidak di *centralize* dengan izin ataupun tidak berpusat tetapi dengan inovasi baru iaitu dengan kaedah menggabungkan semua *database* penerima kebajikan di bawah satu *database* yang dinamakan *work fair* ataupun data daripada berkebajikan kepada bekerja sekarang ini agihan dibuat adalah lebih baik yang kita tidak mahu adanya pertindihan pemberian dan juga kita pastikan bahawa pemberian itu lebih meluas tidak kepada golongan tertentu, orang yang sama dan akhirnya kita mahukan ianya dapat menepati kumpulan sasaran dan ianya lebih telus. Jadi bagi saya yang sekarang ini walaupun kita lihat banyak badan-badan yang melaksanakan selain daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat, Lembaga Zakat, Rangkaian Mesra, Yayasan Warisan Selangor, Pusat Sumber Manusia, Pejabat Daerah tetapi akhirnya sebenarnya manfaat itu saya nampak mekanisme ataupun mekanisme yang dijalankan itu walau kita tengok data penerima-penerima bantuan kita lebih mudah untuk mendapat bantuan. Jadi itu daripada saya dan saya rasa itu sahaja Tuan Speaker.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Tuan Speaker, minta mencelah.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Sila.

Y.B. TUAN LEE KIM SIN: Terima kasih kepada EXCO yang telah memberi penjelasan. Akan tetapi Kajang juga merasa agak keberatan kerana pegawai-pegawai yang ditempatkan di dalam Pejabat ADUN memang dibebankan dengan kerja-kerja sebegini, kebajikan dan semua pelbagai termasuk yang *shopping*, termasuk yang agihan hamper-hamper dan pemberitahuan. Jadi terlalu banyak kerja bebanan di Pejabat ADUN-ADUN. Jadi kita berharap kalau ada satu jabatan atau pejabat yang khas mengendalikannya maka ia akan meringankan kerja-kerja di Pejabat Pusat Khidmat ADUN dan ia boleh menjalankan kerja perkhidmatan lain dengan lebih efisien. Terima kasih.

Y.B. PUAN RODZIAH BINTI ISMAIL: Ia, terima kasih Yang Berhormat Kajang. Saranan supaya ianya tidak tertumpu hanya daripada Pejabat DUN mungkin boleh diwujudkan satu jabatan. Saya rasa saya kira ianya boleh diambil saranan tersebut tetapi mungkin dalam konteks kemungkinan ya, dalam konteks mungkin penambahan kepada kakitangan dan sebagainya. Kerana bagi saya itu adalah salah satu cara bagaimana rakyat ya, sentiasa akan pergi, datang ke pusat khidmat dan bersama-sama dengan Wakil Rakyat untuk mendapatkan maklumat-maklumat terkini. Sebenarnya itu baik untuk Wakil Rakyat. Jadi itu jawapan daripada saya. Itu sahaja Tuan Speaker dan saya harap semua saranan yang telah diberikan oleh Yang Berhormat yang lain yang saya jangka itu hanya saranan dan saya akan ambil maklum dan saya akan kaji dan insya-Allah, saya harap saranan seperti daripada Yang Berhormat Subang Jaya dalam isu kaedah pembayaran Skim Mesra Usia Emas dan sebagainya saya akan berikan ataupun mengkaji dan bagaimana usaha untuk melicinkan lagi dapat dibuat. Sekian, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Persilakan Yang Amat Berhormat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: *Bismillahir rahmanir rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera Dato' Speaker, rakan-rakan Ahli-ahli Yang Berhormat. Pertama, saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang berbincang tentang belanjawan ini. Saya petik yang perlu saya sebutkan kerana untuk perbincangan seterusnya Yang Berhormat Seri Serdang, Ketua pembangkang dan saya harap satu tradisi yang paling penting dalam masa depan Dewan Negeri ialah apabila Menteri Kewangan ataupun Menteri Besar membentangkan bajet Seri Serdang atau sebagai Ketua Pembangkang hadir. Dan apabila Ketua Pembangkang memberikan hujahnya, Menteri Besar mesti hadir. Lepas itu apabila Menteri Besar menjawab jawapan itu, tradisinya, tradisinya ialah dia kena hadir. Jadi dengan cara itu kita menegakkan tradisi ini. Sebab ini sangat penting dalam usaha kita memartabatkan Dewan. Saya juga berterima kasih kepada Paya Jaras, Batang Kali, Permatang, Templer, Kuala Kubu dan sudah tentulah rakan-rakan daripada Pakatan Rakyat, Yang Berhormat Bukit Antarabangsa, Sekinchan, Kampung Tunku, Sri Muda, Telok Datuk dan ramai rakan-rakan lagi. Saya mengambil masa sedikit untuk menerangkan konsep pentadbiran Negeri Selangor melalui belanjawan yang kita telah perbincangkan sudah 5 kali iaitu tentang konsep ketelusan yang mana semua penggunaan dana, pendapatan semuanya dilakukan secara telus. Jadi bererti ada juga baiknya ketelusan itu ada juga buruknya. Baiknya semua orang tahu sama ada kita buat betul ataupun tidak betul semua orang tahu. Buruknya ialah orang tahu pula kita buat tak betul dan dia akan mengkritik kita. Tetapi jika kita timbang antara baik dan buruknya, jika kita ambil cadangan-cadangan ataupun kritikan-kritikan itu dan diperbaiki oleh kerana adanya ketelusan itu. Ini bererti pentadbiran dan pengurusan itu sentiasa

menuju ke arah yang betul. Iaitu apa yang kita katakan *excellent*. *Excellent* itu kecemerlangan *is a process* bukan *a destinations*, sebab dia akan melalui beberapa proses. Jadi untuk kecemerlangan Negeri Selangor ini kita menerima hakikat ketelusan. Jadi dengan ketelusan itu sudah tentulah ada usaha perbincangan, mengkritik dan juga mencadangkan dan terus memahami supaya kita mempunyai pemikiran yang sama dalam usaha memberikan kerana kita Y.B. ialah memberikan kebajikan kepada rakyat. Jadi oleh sebab itulah saya rasa konsep ini diteruskan dan kita sentiasa menggunakan Dewan ini untuk memberikan maklumat-maklumat supaya semua ahli-ahli Dewan senang sama ada dia setuju atau tidak dapat berhadapan dengan rakyat untuk menerangkan pandangan mereka dengan cara berfakta. Kedua, kita mesti bertanggungjawab, tentang apa kenyataan-kenyataan yang kita lakukan dengan maklumat yang kita ada kita akan membuat beberapa keputusan-keputusan yang betul. Sudah tentulah kita mesti ada *competent* maknanya keupayaan. Saya percaya dalam usaha ini saya mula merasakan penjawat awam bersama-sama dengan kita kerana mereka percaya tentang konsep ketelusan. Jika juga mereka mempunyai tanggungjawab sama dengan kita bahawa mereka mahukan kerja-kerja yang mereka lakukan ini memberikan kesan yang positif kepada pengguna, pelanggan ataupun pelanggan kepada pelanggan mereka ialah rakyat Negeri Selangor. Jadi berlandaskan kepada inilah saya rasa belanjawan ini akan kita jadikan satu tradisi yang berterusan supaya semua dapat dibincangkan dan diambil keputusan yang bersama untuk mendapat hasil yang terbaik. Jadi saya dapati Sri Serdang juga berminat tentang belanjawan tetapi dia mengatakan belanjawan tidak ada belanjawan yang dikatakan mantap. Tapi dia tak ada menerangkan apa gantinya kepada itu. Jadi saya harap ini satu perkara yang kalau kita ingin berkongsi pemikiran ataupun kebijaksanaan kita mesti memberi pula jawapan balas, ada pula cakap ha...itu tak betul, saja. Jadi kena dengan cara itu kita dapat kebaikan. Kalau kita...kerana dengan hanya mengkritik sahaja tidak cukup. Jadi kita mesti cuba mengadakan tradisi Negeri Selangor sebagai satu Dewan yang bersama-sama menjayakan usaha ini. Ini satu tradisi yang saya rasa saya berharap masa depan tradisi ini akan berterusan di dewan-dewan yang saya tahu yang berjaya di negara-negara Barat. Dewan boleh jadi berbeza dari segi parti dan kumpulan apabila dia sampai ke peringkat Jawatankuasa, mereka duduk bersama, mereka duduk bersama untuk membincangkan dan menunjukkan bagaimana dengan dana yang terhad, bagaimana memperbaikinya. Jadi saya berharap tradisi ini akan berlaku di mana ia akan kata kalau buat cara yang dinyatakan oleh Batang Kali yang telah menyebut tentang, ini sebagai contoh saya, tentang Membran Teknologi tak betul tapi dalam Jawatankuasa dia tunjukkan fakta-fakta Membran Teknologi dan rakan kita daripada sini menunjukkan fakta-fakta yang didapati daripada Membran Teknologi dan kemudian dia bersetuju pula dalam hal jawatankuasa tu memanggil pakar pula untuk datang memberikan pandangan mereka. Jadi dengan cara ini kita membentuk satu Dewan yang akhirnya positif melihat kepada satu itu. Itu sebab saya berharap Dewan

masa depan akan berlaku perkara ini. Dan saya percaya sudah tentulah, serupa juga macam saudara dan saya. Kekadang pedih juga telinga mendengarnya. Tapi itu *the price we pay for being Wakil Rakyatlah, That's all that we advice, the objective is must be clear*. Saya juga nak menerangkan pandangan saya, saya mengambil masa sedikit sebab bila mula Ahli-ahli Dewan membangkitkan tentang belanjawan berimbang tapi berubah-ubah. Maknanya, tiap-tiap *quarter*, tiap-tiap suku ada penambahan apa semua. Konsep belanjawan berimbang atau konsep belanjawan itu ialah kita belanja tapi konsep belanjawan yang dibuat pada tahun 70-an saya juga membaca pada tahun 60-an ialah bajet itu untuk satu tahun, untuk satu tahun sebab dia rasa apa sebabnya tahun-tahun 50-an dan 60-an bajet itu satu tahun. Sebab pada masa tersebut teknologi maklumat adalah sangat berkurangan. Jadi maknanya kalau saya pernah pada tahun 70-an membuat akaun syarikat saya memakan masa yang, saya ingat lama sebab saya nak buat apa yang dipanggil "*T Account*", lepas tu saya masukkan ke dalam *balance sheet* dan *profit end log*. Tapi sekarang dia punya jawapan kita dah masukkan saja sistem tu dah...dah bagi jawapan terus. Ha...itu sebabnya, itu sebab sebagai contoh saya bagi contoh, saya jumpa Bendahari Negeri Selangor untuk menyatakan sekarang kita dah setuju tentang menolong UNISEL, UNISEL ni kita dah setuju menolong maknanya kita akan mengambil *Bai Bithaman Ajil UNISEL* masukkan ke dalam akaun kita dan kita, saya nak tahu kalau saya masukkan ke dalam akaun kita pembayaran-pembayaran kita buat apa akan jadi pada akaun UNISEL dalam masa 2012, 2013 dan 2014, apa akan jadi. Saya tanya dia, apa akan jadi pada akaun UNISEL. Kemudian apa yang kita kena tolak dalam masa, masa ini. Saya ingat dia balik baru dia datang balik besok bagi pada saya. Dia kata, Dato Menteri Besar nak sekarang. Saya pun terdiam sebab saya dulu lambat juga buat kira-kira. Dia pun dia panggil pegawai dia, dia bawa...ha ini bentuk dia. Dia boleh dah terus buat. Maknanya *the accounting system already ready online*, bukan dulu ada *online*. Jadi saya nak tunjukkan bahawa bukan sahaja sektor swasta kerajaan pun, untuk Negeri Selangorlah tapi saya tak tahu negeri lain, kerajaan pun ada dia punya sistem dah *online*. Maknanya dia dah tahu dah. Dan saya kata "eh, betul ke ni" sebab dia kata dia akan untung RM41 juta daripada....dia cakap "*yes, this is the account*" Oklah, sebagai Menteri Besar saya tak boleh tunjuk saya tak setuju pula. Ini satu perkara yang saya kata "*get the auditor to audit this*" Dia cakap nak panggil sekarang. Saya cakap "*no you panggil auditor seminggu baru dia datang*". So, apa yang saya nak tunjukkan kepada Dewan ini sistem maklumat sekarang sudah cukup untuk kita mendapat maklumat bukan setahun jadi *daily* maklumat tapi sudah tentulah dalam bajet atau belanjawan tidak bolehlah belanjawan berubah tiap-tiap hari, tetapi maklumat ini memberikan kita peluang mengetahui keadaannya untuk katalah tiga bulan *every quarter* sebab adakah perkara ini diterima dalam masyarakat dunia? Jawapannya, ya. Saya sebagai, kalau CEO saya sekarang kalau syarikat itu ialah syarikat Public Listed Company, yang diurus niaga di pasaran saham sudah tentu sekarang saya kena *report quarterly, quarterly*

budget, quarterly focus. Maknanya, tiap-tiap anu saya akan beritahu. Apa baiknya perkara ini. Maknanya pemilik saham ataupun rakyat tahu tentang keadaan dan situasi organisasi tersebut ataupun syarikat tersebut. Dan ini juga berlaku di buat di Central Bank, bank-bank negara ataupun Central Bank dunia pun melakukan perkara ini. Supaya kita tidak terperanjat pada hujung tahun kita baru tahu tak ada duit tapi ataupun banyak duit. Jadi oleh sebab itu, itulah sebabnya apabila saya cadangkan bajet berimbang dan melalui proses itu tiap-tiap tiga bulan sebab sidang kita sekurang-kurangnya tiga kali setahun ataupun empat kali setahun, tiap-tiap masa tersebut kita boleh nilai tentang keadaan perbelanjaan dan pendapatan kita. Dengan cara itu kita akan dapat mengubah sedikit apa yang kita perlu. Jadi bajet berimbang dikatakan apa yang kita dapat kita juga boleh gunakan. Jadi dengan cara itu setiap tiga bulan kita dah tahu keadaannya. Jadi itu sebab saya berpendapat konsep *Annual Budgeting* tidak lagi berlaku apabila zaman adanya Teknologi Maklumat, tidak lagi berlaku. Jadi macam sedara-sedara sekalianlah, yang tahu, umpamanya saya sendiri boleh tahu saya punya *bank balance everyday*, maknanya pendapat saya jadi saudara kalau pergi masuk ATM tu untuk keluar duit dia tanya *you want the slip or not.* Kalau saudara keluar dia dah tahu saudara punya *balance* dah. *That means everyday*, dua tiga kali saudara keluar dua tiga kali saudara tahu. Jadi maknanya *this concept* kita usahakan supaya standard Selangor lebih tinggi daripada segi maklumat. Kedua dari segi penggunaannya. Kita tak nak duit kita tak tahu penggunaannya. Boleh jadi saya juga kadang minta maaf juga kepada ahli-ahli Dewan Undangan Pakatan Rakyat sebab kadang-kadang dia pun rasa terdesak di Pusat Khidmat sebab saya nak tahu *balance* itu. Itu sebab dia punya pegawai Kajang mula rasa terdesak ya, banyak, bila dah *Jom Shopping* lepas tu saya nak tahu dia punya *balance*, bila anu, saya nak tahu dia punya *balance*. Dah mula dia kata terlalu banyak kerja dah. Itu sebab, tapi *that is a financial discipline*, jangan duit tak tahu ke mana. Tapi *we have set the tradition.* Untuk warga emas khairat kematian *is on, is on*, tak payah ada surat-surat permintaan, terus saja, untuk satu ribu yang pertama.....

Tapi nak ambil RM1,500.00 akaun tak *balance* ah sebab ada yang tak *report*. Itu yang sebab berlaku tapi pada saya kita lebih baik buat tradisi begitu supaya kita akan terus buat lagi banyak projek kalau kita nak bagi orang apa jenis pun sudah ada duit pun tak payah dulu ada duit nak kena tulis borang lapan borang untuk buat pendapatan. Sekarang satu perkara saya nak beritahu wakil negeri pun marah bila kita bagi RM1,000.00 untuk anak masuk Universiti jadi apa kita kata *you give* ada 30 orang bagi *you* punya bank akaun sub kita masuk. Jadi terus bayar tapi tak dapatlah bersalam dengan budak-budak itu dengan ibu bapanya. Jadi saya diminta tak boleh pakai macam itu dengan cek dan bersalam dan senyum bersama-sama. Jadi saya *have to accept that kalau tidak* dari segi *efficiency*, tak payah jumpa dia duit masuk lah jadi lebih senang tapi itu *the balance that accept*. Jadi masih apabila kita bincang tentang

belanjawan seterusnya masa depan boleh jadi saudara akan ke Parlimen saudara akan pergi menjaga Syarikat. Ini konsep masa depan yang *great* sendiri.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Yang Berhormat minta penjelasan.

TUAN SPEAKER: Taman Templer.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Y.A.B. Dato' Menteri Besar saya ingin bertanya penjelasan saya nampak bingung makin lama makin bingung kerana saya tak faham apa Menteri Besar bercakap. Ini kursus jurukira *accounting* kursus UiTM ke atau pun ini nak membentangkan bajet jadi sayalah *due respect* Y.A.B. Dato' Menteri Besar itu pandangan kami di sini tapi bila menjawab itu biarlah Y.A.B. menjawab terus kepada soalan yang dibangkitkan bukan nak pusing satu dunia sampai ke Afrika, sampai ke Amerika minta maaf, terima kasih.

TUAN SPEAKER: Saya rasa mengikut Peraturan Tetap 36(6) itu bahasa itu ada satu sangkaan jahat, saya minta tarik balik.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Boleh saya tak ada masalah Menteri Besar faham maksud saya.

TUAN SPEAKER: Tarik balik ke tidak?

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Tak ada masalah saya boleh tarik balik.

TUAN SPEAKER: Nak tarik balik ke tidak?

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Saya dah cakap saya nak tarik balik.

TUAN SPEAKER: Bukan soal saya boleh tarik balik, nak tarik balik ke tidak?

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Nak apa?

TUAN SPEAKER : Nak tarik balik ke tidak? Kerana tarik balik cakap dengan baik saya menarik balik cakap *post* bingung bukan saya boleh. Boleh kalau tak buat pun boleh, betul?

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Okey, saya, saya tarik balik. Taman Templer tarik balik.

Y.B. DATO' SPEAKER: Tarik balik apa?

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Ya, saya jadi lebih bingung pula. lalah, tapi saya tak ada sangka jahat.

TUAN SPEAKER: Itu sangka jahat bagi saya itu sangka jahat.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Saya hanya menegur.

TUAN SPEAKER: Saya minta, saya minta Taman Templer tarik balik tarik balik perkataan bingung tersebut.

Y.B. DATO' SRI SUBAHAN BIN KAMAL: Bingung itu tak salah. Itu bukan sangka jahat.

TUAN SPEAKER: Duduk, duduk, duduk. Tunggu, tunggu ini saya tengah cakap, saya tengah cakap dengan Taman Templer kalau tak betul dia yang ulasan. Yang bangun ini buat apa, sibuk, sibuk buat apa. Saya apa ini, siapa yang belum ini Jeram, Jeram jangan main-main. Awak sudah cukup pengalaman dalam Dewan. Sekarang ini saya cakap dengan Taman Templer, kalau Taman Templer nak beri penjelasan dia jelaskan bukan kamu bangun cakap dengan itu.

Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO: *You* tak fahamkan dia.

TUAN SPEAKER: Faham, sekarang ini awak ulang. Jeram mahu apa? Saya cakap mahu dengan dia, dengan dia apa cakap.

Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO: Ya, tarik balik cara budak.

TUAN SPEAKER: Ya tarik balik kena betul cakap. Cakap kena betul. Baik Jeram, Jeram saya rasa awak duduk ini. Lebih baik duduk kalau awak tak tahu cara bercakap dengan Speaker, awak boleh duduk. Baik Jeram keluar satu jam.

Y.B. DATO' HAJI AMIRUDDIN BIN SETRO: Berapa jam?

TUAN SPEAKER: Satu jam, satu jam. Ya.

Y.B. DATO' DR. KARIM BIN HAJI MANSOR: Tuan Speaker, Tuan Speaker

TUAN SPEAKER: Nanti dulu, nanti dulu duduk. Sekarang ini Sungai Burong minta nak cakap. Baik boleh duduk.

Y.B. DATO' DR. KARIM BIN HAJI MANSOR: Tuan sekiranya cara Tuan suka menjelaskan itu salah macam main-main pada dengan ini.

TUAN SPEAKER: Awak anggap Speaker duduk sini main-main.

Y.B. DATO' DR. KARIM BIN HAJI MANSOR: Bukan cara cakap tadi macam main-main.

TUAN DATO' SPEAKER: Cakap saya macam main-main. Cakap saya main ke?

Y.B. DATO' DR. KARIM BIN HAJI MANSOR: lalah.

TUAN SPEAKER: Cakap saya macam main-main. Sungai Burong sangat melampau, Sungai Burong saya hormat Sungai Burong sebagai ahli yang dah lama di sini. Dua penggal di sini, dulu pun pernah menjadi Pegawai Daerah, saya tak pernah tengok saya buat kerja kak sini. Saya cakap dengan serius. Bila dia cakap tak boleh tak boleh cakap, cakap dengan betul-betul tarik apa yang kena cakap betul. Jadi supaya ini boleh di bincang dengan baik. Sekali Sungai Burong duduk ini, Sungai Burong duduk, duduk ini, duduk ini, duduk, duduk, duduk, duduk. Sungai Burong sila duduk, sila duduk, duduk, duduk, duduk, duduk. Sebagai Pegawai Daerah Yang Berhormat dulu pentadbiran pernah tengok apa yang berlaku di sini. Cukup pengalaman tengok pun ada pengalaman dah. Apa tah lagi duduk di sini dua penggal. Saya kata saya hormat Sungai Burong tapi sudah salah gunakan kepada Sungai Burong. Baik sila duduk saya minta Taman Templer. Sekarang saya minta Taman Templer. Ya jangan guna peluang ini saya tahu ini Sidang terakhir sebelum Pilihan raya, jangan cari publisiti di sini, jangan cari publisiti di sini. Nanti saya tahu sekejap lagi semua nak keluar sebab ya pukul enam keluar berita semua ADUN keluar, saya tahu dia akan keluar kejam lagi. Kedah sudah berlaku, Kedah sudah berlaku bahawa sekarang Selangor. Hei, duduklah duduk, saya duduk, duduk, duduk, tenang, tenang, duduk, duduk, duduk, duduk, duduk, duduk, duduk, duduk, duduk, jangan *provoke*, jangan *provoke*. Sila Yang Amat Berhormat, ya .

YAB DATO' MENTERI BESAR: Tuan Speaker,

TUAN SPEAKER: Saya mempersilakan YAB Menteri Besar untuk teruskan.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Tuan Speaker, 36 saya kata

TUAN SPEAKER: Saya kata duduk, saya kata duduk, saya dah kata duduk, tenang, bersabar, duduk dengar Y.A.B. Dato' Menteri Besar hendak menjawab semua soalan yang dibangkitkan semua isu yang dibangkitkan akan dijawab. Baik sila duduk. Bersila duduk. Sungai Burong sila duduk, sila duduk, sila duduk, sila duduk, tenang cukuplah tak ada sangkaan jahat. Duduk, duduk, duduklah, baik duduk, duduklah. Duduklah, duduklah jangan merajuk tanpa perasaan duduklah, duduklah, ya sila duduk, sila, sila cukup, cukup, cukup ya, cukup, cukup. Ya, sila Yang Amat Berhormat. Cukuplah, cukup, cukup. Sila Yang Amat Berhormat.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Yang Berhormat Dato' Speaker, boleh jadi saya nak elak nak ceritakan itu sebab saya takut selalu apabila kenyataan itu di buat saya dapati macam saya tidak jelaskan pandangan tersebut. Itu sebabnya boleh jadi setengah daripada kita sudah lebih *advance* daripada apa yang saya cakap itu sahajalah. Tapi saya boleh jadi Sungai Burong tahu saya juga pernah jadi cikgu tapi tak berjaya sebab anak murid saya tak nak dengar juga. Jadi, jadi saya nak terangkan tentang beberapa isu yang dibangkitkan oleh Ahli-Ahli Dewan Negeri saya akan membahagikan kepada beberapa dan saya berharap dalam masa 10, 15 minit ini saya dapat terangkan dan disambung esok. Satu perkara yang ditanya ialah kenapa terdapat beberapa perubahan dari segi usaha untuk mempertingkatkan sebagai contoh PKNS. Sebagai usaha untuk mempertingkatkan PKNS sebagai contoh. Pada masa yang lepas kita telah dapati bahawa satu projek yang di Taman Keramat di mana kita dapati ramai orang-orang mendapati dia perlu di buat dengan lebih inovatif lagi atau pun sebabnya Taman Keramat semasa kerajaan yang lepas telah mencadangkan untuk membeli pangsapuri yang dimiliki oleh masyarakat di sana dengan harga RM62,000.00 jadi apabila apa dia nak beri harga RM62,000.00 supaya dapat dirobuhkan kemudian dibuat satu bangunan yang baru. Jadi saya kata saya membincang dan meminta pengurusan PKNS berfikir lebih, lebih ni beli dengan harga masa dulu ialah tak sampai RM10,000.00 ke RM11,000.00 ada yang paling banyak ialah RM40,000.00. Tapi saya rasa dia orang berada di kawasan yang baik jadi bagaimana caranya kita untuk menolong mereka mendapat pendapatan yang lebih baik di samping kita juga mendapat hak tanah yang lebih baik. Oleh sebab itulah pemikiran tentang dan tem gelatik kita bukan sahaja kita dapat menolong mereka-mereka yang daripada mempunyai harta tersebut tetapi bagaimana kita nak menolong mereka mendapatkan lagi pendapatan yang atau pun harta yang lebih baik. Jadi daripada cara itu kita lihat hasilnya pengurusan hasilnya mereka-mereka yang dulunya dijangka dapat paling banyak RM100,000.00 yang pemilik rumah sahaja mendapat antara RM250,000.00 ke RM300,000.00 dan orang yang memiliki kedai mendapat pendapatan RM450,000.00 ke RM500,000.00. Jadi maknanya kita sudah mula membawa mereka dan di samping yang itu dan kita dapati juga PKNS berfikir, dapat juga dia menjual

pengganti kepada orang yang dapat duit itu antara contoh yang mereka berikan mereka juga menggunakan setengah daripada pendapatan yang dia dapat itu pergi ke antara GAPI untuk memiliki hak tanah di sana dengan keadaan yang lebih baik. Jadi apa yang saya nak tunjukkan kita tidak boleh hanya dengan melihat satu keadaan itu dengan melihat dengan cara penyelesaiannya dengan keadaan yang ada sekarang tetapi kita mesti berfikir lebih luas lagi. Di samping itu, pemilik-pemilik kedai ini akan juga akan memiliki peluang untuk memiliki kedai dalam keadaan yang lebih mewah lagi. Jadi kita akan menyelesaikan beberapa masalah:-

- 1) Memperbaiki keadaan persekitaran di Taman Keramat.
- 2) Mempertingkatkan pendapatan orang-orang yang memiliki dulu.
- 3) Membesarkan keupayaan PKNS dalam hal ini.

Dan pemikiran yang sama juga saya tekankan kepada PKNS untuk Bukit Botak. Bukit Botak juga di atas tanah yang sangat mahal bukan tanah yang murah. Tapi kalau kita buat rumah Pangsapuri dan janjinya ialah menjual kepada mereka dengan harga RM40,000.00. Jadi pemilik peneroka dapat penempatan dengan harga RM40,000.00. Tapi saya lihat dan pengalaman saya juga saya pernah sedikit masa menjadi *developer* Pemaju, Perumahan dan saya dapat kos untuk membuat rumah pangsapuri RM450,000 semua itu akhirnya kualitinya rumah tersebut memang tidak boleh dipertahankan sebab mereka menggunakan bahan-bahan yang saya rasa paling lama tahan tak sampai 15 tahun. Jadi pengalaman ini pun di buat di PKNS sendiri pun membuat rumah-rumah ini yang sekarang dalam keadaan begitu. Oleh jadi sebab itu saya cadangkan kita selesaikan masalah ini dengan cara kita buat rumah yang lebih baik lagi. Jadi ada perbincangan ada kita juga kena ambil masa untuk memanggil *consultant* untuk memberikan cadangan-cadangan mereka akhirnya kita buat keputusan kita buat rumah Semi-D yang *the cost* dia itu mestilah harga yang bagus. Tapi sampai kita buat kira-kira beberapa kali kos yang paling murah ialah RM120,000.00 untuk rumah Semi-D yang munasabah. Tapi jawapan saya, kita tidak boleh buat dengan harga dengan menjual dengan harga RM120,000.00 nanti orang akan kata kita sudah lagi macam Taman Templer sudah tentu akan mengatakan lagi langsung dia tak boleh beli. Jadi oleh sebab itu, kita kata kita cari harga yang sesuai tapi PKNS tidak rugi banyak. Jadi oleh sebab itu kita ambil angka RM99,000.00 sudah tentulah orang kata ah...RM99,000.00 tak ada orang yang dikatakan peneroka yang berpendapatan RM2,000.00 atau RM1,500.00 takkan dapat membelinya. Jadi saya rasa bagaimana kita selesaikan masalah mereka yang tak sanggup membelinya. Jawapannya kalau dia tidak sanggup untuk membeli RM99,000.00 mereka juga mungkin tidak sanggup membeli RM45,000.00 atau dalam kumpulan tersebut. Jadi apa

kita buat jadi jawapan kita, kita *under right the value under right the value* jadi RM99,000.00 saya cadangkan PKNS untuk *under right value at* RM160,000.00 pada masa itu. Tiga empat kali pegawai PKNS jumpa saya sebab dia dah takut dah bukan sahaja dia dah rugi RM99,000.00, RM120,000.00 sekarang saya suruh dia jual RM160,000.00 pula nak beli balik 3 kali dia datang jumpa ni Menteri Besar daripada mana boleh jadi dekat belakang dia kata korporat apa benda ni. Jadi ok saya kata sebab saya hendak jumpa orang kampung yang meneroka rumah itu kalau dia tak hendak pun rumah itu sekurang-kurangnya dia ada RM60,000.00. Jadi dia boleh gunakan duit RM60,000.00 itu beli rumah pangsa yang ada sekarang yang juga bernilai RM45,000.00. Jadi dia dapat rumah *free* dan juga pendapatan, itu dia punya pemikiran. Jadi apabila kita berfikir begitu sudah tentulah orang tidak ada yang setengah menerima dan tidak menerima. Kata kita, kita *test*, kita *test* sebab 2 perkara sebab kita hendak *test* sebab Negeri Selangor *must bill middle class* maknanya rakyat kita mesti bertambah pendapatan *must build middle* kelas. Kedua aset dia ini mesti bertambah nilai tak boleh jadi kalau orang dah miskin aset dia makin jatuh sudah tentu strategik kita tidak berjaya. Jadi kita cuma alhamdulillah kita cuba. Sekarang saya boleh kata kepada Taman Templer dan juga saudara Y.B. Iskandar bersama saya 85% bersama kita adalah dalam 10% masih lagi dia hendak RM45,000.00 tapi hendak juga RM240,000.00 tapi itu saya tidak, manusia macam itu saya tidak boleh hendak dapat selesaikan. Jadi hendak *the best of both worlds* lepas itu dia hendak Bumiputera diskaun lagi jadi lagi susah. Jadi itu oleh sebab itulah saya hendak tunjukkan bahawa kita mula menerima perubahan dari segi melihat bagaimana pembangunan Negeri Selangor ini dibuat dalam masa kita sekarang dikatakan *internationalized*. Jadi dengan cara itu saya Taman Templer kalau kita tengok esok saya rasa saya berharap Bukit Botak boleh jadi namanya ditukar lagilah tapi kalau akan menjadi penempatan yang sangat tinggi nilainya, itu sebab kita. Jadi apa yang hendak saya tunjukkan kritikan kita terhadap PKNS dan tujuan kita membangunkan PKNS itu masih ada tetapi tekniknya, caranya *the modus operandi* nya kita kena ubah. Saya tidak boleh melawan pemikiran Dato' Harun yang Allahyarham masa dia tetapi kalau dia semasa saya boleh jadi dia buat macam saya juga tetapi kita tidak boleh. Jadi *we accept the idealism but* kita kena ubah *the mechanism*. *We accept the idealism*. *Imagine* sekarang 1,400 keluarga di Bukit Botak *with asset* melebihi RM200,000.00. Kalau dulunya pun tidak sampai RM300,000.00 *imagine* dan ini berlaku saya dah mula tengok keluarga dia walaupun dia peneroka, anak dia bekerja jadi mekanik, kerani dan dia sekarang sanggup berkongsi duduk di Bukit Botak. Jadi apa yang saya nyatakan ialah kita *make* masyarakat kita *more* apa itu rasa *more proactive* yang saya harap. Jadi saya percaya ini saya hendak terangkan kerana saya dapati kritikan kepada pengurusan PKNS. Walau bagaimanapun kita jangan benarkan PKNS tidak memberikan sumbangan kepada rakyat dan masyarakat Selangor dan terutama Bumiputera kita tidak.

Jawapannya dapat pendapatan itu jangan pula digunakan tapi gunakan pendapatan itu untuk membesarkannya. Jadi saya harap..

Y.B. DATO' MOHD SHAMDUSIN BIN LIAS: Tuan Speaker minta penjelasan. Kita bukan apa kita kebimbangan kita ialah apabila kita pergi pada PKNS dasar yang boleh membelakangkan kepentingan pemilik-pemilik asal kerana pertama sekali untuk meningkatkan kekayaan atau aset PKNS kita bimbang nanti orang yang ada di situ kehilangan contohnya Datum Jelatek walaupun dia akan mengayakan semasa tetapi kalau kita *displace* dia, dia akan kehilangan. *In the future* (dengan izin) mereka mungkin tidak akan ada harta lagi. Jadi pemikiran yang pertama tadi yang saya jadi anak murid yang baiklah dengan Y.A.B. Menteri Besar ialah untuk membelikan nilai *value* yang tinggi kepada PKNS dan memberi peluang untuk mendapatkan kekayaan tunai kepada orang penduduk-penduduk di situ khususnya Bumiputera. Tetapi kita tahu projek yang dilaksanakan ini mungkin tidak mampu dimiliki dengan kekayaan tunai untuk yang mereka miliki. Jadi mereka terpaksa pergi ke tempat lain, *in other word*, kita *displace* dia dan dia kehilangan *opportunity*, dia duduk di kawasan lombong emas iaitu kawasan nilainya tertinggi di Kuala Lumpur. Jadi tidakkah mungkin daripada isu itu pemikiran boleh dipanjangkan kepada konsep kita *enhance* bagi jaminan maknanya dalam apa cara PKNS juga boleh memberi peluang supaya orang-orang ini juga katalah dia boleh memiliki Kondominium yang nilainya tinggi supaya dia dalam masa yang akan datang masih duduk di tempat berkenaan. Terima kasih

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Sekejap Dato' Speaker saya dah *injury time*. Kita dah fikirkan perkara itu juga dia sekarang mereka-mereka ini yang juga bagi dia *offer* untuk duduk di sana terutama peniaga-peniaga kita yang ada tempat-tempat itu sudah diadakan supaya mereka tidak ketinggalan dari segi perkara tersebut. Jadi kita sudah bagi maknanya kita pula tidak boleh pun cakap sekarang tapi dalam perjanjian kita masukkan ini

Kalau mahu interaktif sikit. Itu dari segi orang yang menjalankan perniagaan. Bagaimana pemilik-pemilik rumah ini apakah jaminan mereka bahawa di masa akan datang boleh juga ditinggalkan di tempat yang bersejarah apa di Keramat ini.

Terima kasih kalau dia mahu sebab ada 50 keluarga yang dalam kajian kita itu ada 50 keluarga kita buat lebih daripada 450, ada 50 fasal kalau nak cakapkan ada 50 keluarga walaupun *value* rumah-rumah itu melebihi RM350,000.00 tapi kita boleh bagi kesempatan mereka untuk memilikinya dengan cara sewa atau sewa beli yang lama. Jadi maknanya kita selesaikan beberapa perkara saya hendak tunjukkan perkara ini supaya akhirnya kita akan dapat jawapan yang lebih baik lagilah daripada cara yang ada sekarang itu sahaja yang hendak saya sebutkan. Terpulang pada kita itu sebab

saya minta PKNS hebahkan tunjukkan apa yang mereka lakukan dan mula dia tunjukkan saya di mana apa yang mereka buat untuk menentukan ang ada sekarang ada juga tak hendak dia hendak gunakan duit itu yang hendak boleh bersama dengan kita. Jadi jawapan saya ialah saya hendak bukti bahawa PKNS kita pantau mereka dalam bentuk dia boleh berkembang dengan lebih maju lagi tapi tidak membelakangkan hakikat kita pembangunan Bumiputera ini dipertingkatkan dan saya rasa *mentality* mesti lebih daripada itu tidak Bumiputera hanya memiliki apa yang dipanggil kedai runcit sahaja tidak boleh. *We must break up this syndrome.* Itu sebabnya ada juga saya akan terangkan yang mengatakan sewa ini tidak terlalu mahal untuk mereka bayar kerana dia punya *business* itu sahaja. Saya kata kalau kita buat *business* kita lebih besar lebih banyak lagi pendapatan kita. Jadi pemikiran kita mesti lebih tetapi mesti menjaga keupayaan mereka itu yang hendak saya katakan. Saya memberhentikan saya sambung sebab saya tak nak cerita fasal ini lagi, saya hendak cerita fasal esok saya hendak cerita TALAM

TUAN SPEAKER : Masa sudah sampai.

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Habis?

TUAN SPEAKER: Yang Berhormat masa sudah sampai jadi Yang Berhormat boleh sambung pada hari esok. Untuk hari ini sudah sampai.

Y.A.B. DATO' MENTERI BESAR: Ok

Y.B. TUAN MOHAMED AZMIN BIN ALI: Esok saya Sabah.

TUAN SPEAKER: Tanya di Sabah. Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, dengan itu saya menangguhkan Dewan sehingga hari esok 23 November (Jumaat), jam 9.30 pagi. Dewan ditangguhkan.

(Dewan ditangguhkan pada jam 5.30 petang)